

Jilid III  
Bil. 20



Hari Khamis  
22hb Julai 1993

MALAYSIA

# PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

*House of Representatives*

PARLIMEN KELAPAN

*Eighth Parliament*

PENGGAL KETIGA

*Third Session*

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 4483]

**USUL-USUL**

**Akta Acara Kewangan (Pindaan) 1972—**  
**Menambah Butiran Baru kepada Jadual Kedua:**  
**Kumpulanwang Amanah bagi Membiayai Kerusi**  
**Pengajian Melayu di Leiden University,**  
**the Netherlands [Ruangan 4594]**

**Penangguhan Mesyuarat [Ruangan 4682]**

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Rumah Perkhidmatan Pembetungan 1993**  
[Ruangan 4630]

**UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:**

**Amalan Memberhentikan Pekerja Tempatan**  
— Y.B. Tuan Tan Kok Wai [Ruangan 4682]  
**Pelupusan Sampah di Km. 6, Jalan Sungai Besi, Kuala Lumpur.**  
— Y.B. Tuan Liew Ah Kim (Seputeh) [Ruangan 4687]



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
CAWANGAN JOHOR BAHRU

1997

## MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN***Penyata Rasmi Parlimen***PENGGAL YANG KETIGA****AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)

" Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P., D.P.M.P., D.P.M.S. (Labis)

" Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

" Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

" Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit)

" Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

" Menteri Pendidikan, DATUK AMAR DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

" Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi)

" Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P., S.S.S.A. (Permatang Pauh)

" Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor)

" Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat)

" Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.M.S. (Pekan)

- Yang Berhormat Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai)
- " Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S., D.P.M.S. (Temerloh)
- " Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah)
- " Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut)
- " Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- " Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei)
- " Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR TING CHEW PEH, D.P.M.P. (Gopeng)
- " Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna)
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, D.P.M.J., A.M.N., S.M.J. (Kota Tinggi)
- " Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas)
- " Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya)
- " Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan)
- " Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)
- " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat)
- " Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- " Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat,

DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut)

- " Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab)
- " Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar)
- " Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY, J.M.N. (Silam)
- " Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang)
- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- " Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol)
- " Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah)
- " Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- " Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang)
- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DRS SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- " Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' MOHAMED FARID BIN ARIFFIN, D.S.P.N. (Balik Pulau)
- " Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub)
- " Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- " Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri)
- " Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim Bandar Baharu)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping)

- " Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- " Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading)
- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah)
- " Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- " Timbalan Menteri Pendidikan, DR FONG CHAN ONN (Selandar)
- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- " Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY (Lipis)
- " Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM (Kapar)
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar)
- " Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok)
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman)
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' MOHD. NOH BIN RAJAB, D.S.N.S. (Tampin)
- " Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor)
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan)
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian)

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Kesihatan, DATO' K. KUMARAN (Tapah)
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN S. S. SUBRAMANIAM, D.P.M.S., J.S.M., P.J.K., A.M.S. (Segamat)
- " TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan)
- " DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing)
- " TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang)
- " TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut)
- " DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu)
- " TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar)
- " DATUK HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD (Kuala Nerus)
- " DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- " TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa)
- " DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- " TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru)
- " TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh)
- " TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang)
- " DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., J.S.M., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu)
- " DATU AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu)
- " TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun)
- " TUAN HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, B.K.M., P.J.K. (Jerai)
- " DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat)

Yang Berhormat DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang)

- " TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang)
- " TUAN HAJI BUNIYAMIN BIN YAAKOB (Bachok)
- " TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam)
- " TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar)
- " TUN DAIM ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- " DR V. DAVID (Puchong)
- " TUAN FONG KUI LUN (Klang)
- " TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah)
- " TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau)
- " TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera)
- " TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh)
- " TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram)
- " TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas)
- " TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah)
- " TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai)
- " TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah)
- " CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani)
- " LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu)
- " PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu)
- " TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar)
- " DATO' DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS, D.I.M.P. (Rompin)
- " TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu)
- " TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit)
- " TUAN JOSEPH MAUH ANAK IKEH (Selangau)
- " TUAN KANG CHOW OH (Kluang)
- " TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong)
- " TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji)
- " DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya)
- " TUAN LAI LUNG TZEE (Sandakan)
- " TUAN LAU DAK KEE (Ipoh)

Yang Berhormat TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu)

- " TUAN LIEW AH KIM (Seputeh)
- " TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka)
- " TUAN LIM HOCK SENG (Bagan)
- " TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong)
- " PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai)
- " DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut)
- " TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam)
- " TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud)
- " DR T. MARIMUTHU (Telok Kemang)
- " TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan)
- " TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas)
- " DATO' HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., P.J.K. (Maran)
- " TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri)
- " TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai)
- " TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru)
- " DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah)
- " DATO' HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sepang)
- " TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam)
- " DATO' HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P. (Larut)
- " DATUK MONGGOH OROW, P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran)
- " TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.St.J. (Limbawang)
- " TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit)
- " DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun)
- " TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis)
- " TUAN ONG TIN KIM (Telok Intan)
- " DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu)
- " DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau)
- " TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor)
- " DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading)
- " DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY (Nibong Tebal)
- " DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- " TUAN RADIN MALLEH (Padas)

Yang Berhormat PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam)

- " Y.B.M. TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- " TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian)
- " PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong)
- " TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD (Parit Sulong)
- " TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang)
- " DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang)
- " TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau)
- " TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching)
- " PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau)
- " TUAN HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanas)
- " TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan)
- " DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman)
- " TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi)
- " DR TAN SENG GIAW (Kepong)
- " TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau)
- " TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong)
- " WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar)
- " WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar)
- " TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat)
- " WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh)
- " TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang)
- " DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu)
- " TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang)
- " TUAN WONG WING ON (Kampar)
- " TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai)
- " TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru)
- " TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau)
- " TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban)
- " TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya)

## DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat : Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman,  
D.P.M.P., J.S.M.

Ketua Penolong, Setiausaha: Haji Taijadin bin Saberan.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Zamani bin Haji Sulaiman.

## BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Hajah Shamsiah binti Md. Yusop

## PELAPOR BERBAHASAN PARLIMEN

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

## BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib

MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT

---

Khamis, 22hb Julai, 1993

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

**DOA**

[Tuan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT  
BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang  
Berhormat Tuan Abdol Mulok bin  
Awang Damit.

[*Soalan No. 1 Y.B. Tuan Abdol Mulok  
bin Awang Damit tidak hadir*]

**PERMIT AKHBAR BARU -  
JUMLAH**

**2. Tuan Haji Nik Abdullah bin Nik  
Arshad** minta Menteri Dalam Negeri  
menyatakan:

- (a) jumlah permohonan permit  
akhbar baru;
- (b) jumlah yang diluluskan; dan
- (c) jumlah yang ditolak dan sebab-  
sebabnya.

**Setiausaha Parlimen Kementerian  
Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]:**  
Tuan Yang di-Pertua,

- (a) jumlah permohonan permit  
akhbar baru sejak bulan Januari

hingga bulan Julai, 1993 adalah  
sebanyak 9 permohonan;

(b) dari jumlah yang disebutkan 5  
permohonan telah diluluskan,  
sementara 3 lagi masih diper-  
timbangkan;

(c) dari 9 permohonan yang diterima,  
cuma satu sahaja yang ditolak  
iaitu akhbar *Media Utama* yang  
berbahasa Malaysia dengan  
kekerapan 2 kali sebulan. Permo-  
honian itu ditolak berdasarkan  
alasan-alasan berikut:

(i) jumlah akhbar tabloid yang  
sedia ada sudah banyak  
membanjiri pasaran. Dari itu  
dikhuatiri persaingan yang  
hebat dan kurang sihat  
mungkin akan berlaku di  
pasaran pada masa akan  
datang;

(ii) syarikat ini baru sahaja di-  
tubuhkan kurang daripada satu  
tahun dan belum menampak-  
kan kematangan dan pengala-  
man untuk menerbitkan  
sebuah akhbar umum;

(iii) penelitian terhadap moke-up,  
dengan izin, yang disertakan,  
menunjukkan penerbitan ini  
cenderung kepada bahan-  
bahan yang bercanggah

dengan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (Pindaan) 1987.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:**

Tuan Yang di-Pertua, di dalam meluluskan permit-permit akhbar ini pihak KDN mempunyai kuasa untuk menolak dan meluluskannya.

Jadi, saya ingin bertanya setelah dibangkitkan di Dewan Rakyat ini berkali-kali mengenai dua akhbar yang dimiliki oleh dua parti politik pembangkang di negara ini, yang dikategorikan sebagai akhbar untuk ahli-ahli sahaja, tetapi nampaknya dijual kepada rakyat umum. Jadi, apakah tindakan pihak Kerajaan mengenai akhbar-akhbar ini?

Keduanya, sekarang kita dapat lihat trend sesetengah akhbar yang terlalu mengkomersilkan (commercialise) raga ataupun tubuh wanita sebagai hiasan. Umpamanya ada sebuah akhbar yang kita dapati terlalu memperagakan wanita-wanita dengan gaya yang terkeluar dari ruang lingkup kebudayaan ketimuran, umpamanya hiasan-hiasan gadis muka tiga dan sebagainya. Apakah tindakan Kerajaan untuk meletakkan kembali akhbar-akhbar ini kepada landasan yang sesuai dengan ciri-ciri ketimuran. Terima kasih.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, kedua-dua soalan adalah mempunyai jawapan yang lebih kurang sama, iaitu kedua-dua akhbar yang disebutkan ataupun parti politik yang telah berulang kali dibangkitkan di dalam Dewan ini, siasatan telah pun dijalankan oleh KDN dan sudah ada laporan yang sedang dibentangkan dan dijangka tindakan yang sesuai sedang diambil. Jadi, tunggulah. Kedua-dua pihak yang

melakukan iatu akan dikenakan tindakan yang sesuai mengikut undang-undang.

Kedua, mengenai tubuh wanita yang telah digunakan sebagai hiasan, dari segi Akta Mesin Cetak yang saya sebut tadi, ini adalah tidak dibenarkan dan pihak, terutamanya Unit Kawalan Penerbitan KDN sentiasa berwaspada dan saya rasa siasatan juga dijalankan, sama ada amaran ataupun tindakan yang lain boleh diambil terhadap mana-mana satu akhbar atau majalah yang cuba melakukan perkara yang diluar daripada Akta Mesin Cetak.

**PENGGUNAAN GELARAN “DULI YANG MAHA MULIA”**

**3. Tuan Haji Ibrahim bin Patih Mohamad** minta Perdana Menteri menyatakan apakah Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 1993 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri pada 15 Mei 1993 mengenai penggunaan perkataan yang merujuk kepada gelaran dan ungkapan diraja tidak boleh dikuatkuasakan kerana ia bertentangan dengan peruntukan Perlembagaan Negara yang masih menggunakan gelaran Duli Yang Maha Mulia bagi Yang Di Pertuan Agong; apakah Kerajaan bercadang meminda Perlembagaan sekali lagi bagi menyesuaikan dengan surat pekeling itu.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Othman bin Abdul]:** Tuan Yang di-Pertua, di peringkat Persekutuan, peraturan-peraturan mengenai penggunaan gelaran, ungkapan, perlakuan dan sebagainya yang melibatkan Raja-Raja tidak diperuntukkan di dalam Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu tidak timbul soal meminda Perlembagaan Persekutuan bagi penguatkuasaan Surat Pekeliling Am

(Sulit) Bil. 3 Tahun 1993 oleh kerana ianya tidak bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan.

**Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang dimaksudkan dengan soalan ini barangkali ialah di dalam Perlembagaan Negara masih menyebut perkataan “Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong”, begitu juga dengan Perlembagaan-perlembagaan Negeri, sedangkan pihak Kerajaan dalam Sidang Parlimen yang lepas telah pun memansuhkan penggunaan perkataan “Duli Yang Maha Mulia”, Duli Yang di-Pertuan Agong - begitulah barangkali dan di dalam sidang yang lepas perkara ini telah berlaku.

Jadi, adakah Kerajaan berhasrat untuk meminda peruntukan Perlembagaan Persekutuan yang menyebut dengan jelas, masih lagi memakai perkataan “Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong” dan “Duli Yang Maha Mulia Raja-raja” bagi perlembagaan-perlembagaan negeri. Itu yang dimaksudkan, dan ini memang bercanggah dengan perlembagaan. Adakah Kerajaan berhasrat untuk meminda perkara ini?

**Tuan Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua, saya sudah menyatakan bahawa tidak ada perancangan dan tidak akan diperakukan perubahan atau pindaan peruntukan Perlembagaan. Tetapi di dalam penulisan undang-undang, termasuk di dalam tatacara Mesyuarat Parlimen sendiripun, masih lagi menggunakan Duli Yang Maha Mulia. Yang itu perlu dipinda, tetapi bukan meminda Perlembagaan.

## RANG UNDANG-UNDANG KEGANASAN RUMAH TANGGA — PEMBENTANGAN DI PARLIMEN

**4. Tuan Chian Heng Kai** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan:

- (a) apakah keadaan terkini berkenaan dengan Rang Undang-undang Keganasan Keluarga dan sebab-musabab begitu lama ia dibentang untuk kelulusan Dewan Rakyat dan bilakah ia akan dibentangkan;
- (b) bilangan Persatuan Orang Cacat yang berdaftar di Pejabat Pendaftaran Pertubuhan dalam negara kita dengan menyebutkan nama Persatuan mereka dan peruntukan yang diberi kepada mereka setiap tahun sejak 1990 hingga sekarang mengikut Persatuan masing-masing; dan
- (c) apakah Kementerian beliau menerima cadangan Ahli Parlimen Bukit Mertajam supaya mendirikan Pusat Jagaan Orang Tua di merata tempat dalam negeri untuk menjaga orang tua pada siang hari supaya anak-anak mereka dapat pergi bekerja dengan hati senang. Jika ya, sebutkan butir-butir rancangan yang berkenaan. Jika tidak, mengapa.

**Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Dato' Alexander Yu Lung Lee]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Rang Undang-undang Keganasan Rumah Tangga masih dalam pertimbangan oleh kerana

terdapat beberapa aspek yang perlu dikaji dengan lebih mendalam seperti pertindihan dengan undang-undang yang sedia ada, kesesuaian dari segi undang-undang Syariah, aspek penguatkuasaan dan lain-lain. Adalah penting dipastikan bahawa setiap Rang Undang-undang yang digubal itu boleh dilaksanakan dengan berkesan dan akan membawa keadilan kepada pihak-pihak yang berkenaan. Adalah dijangkakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dapat dibentangkan di Dewan yang mulia ini pada bulan November tahun ini.

- (b) Bilangan Persatuan Orang Cacat yang diberi geran oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia adalah banyak dan susah hendak disebut satu persatu. Secara keseluruhannya, bilangan Persatuan Orang Cacat yang diberi geran mengikut tahun adalah seperti berikut:

TAHUN	JUMLAH PERSATUAN	GERAN (RM)
1990	44	2,848,304
1991	55	2,964,102
1992	55	3,120,407
1993	62	4,526,137

Oleh kerana bilangannya adalah banyak dan tidak dapat disebutkan satu-persatu, saya akan memberikan senarainya secara bertulis kepada Ahli Yang Berhormat.

- (c) Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat memang telah ada rancangan untuk menubuhkan Pusat Jagaan

Orang Tua diadakan di bandar-bandar dan juga di kampung-kampung bagi membolehkan orang-orang tua di tempat-tempat yang berkenaan berkumpul dan bertukar-tukar fikiran di antara satu dengan lain dan menjalankan aktiviti-aktiviti mereka. Dengan adanya pusat jagaan tersebut yang juga boleh dikenali sebagai Pusat Harian Wargatua, dapatlah anak-anak mereka menempatkan ibu-bapa mereka yang telah tua dengan selamat apabila mereka pergi bekerja. Bagaimanapun, oleh kerana sumber-sumber kewangan yang terhad, Kementerian saya belum dapat mengadakan pusat-pusat tersebut pada masa ini. Namun demikian, Kementerian saya sentiasa menggalakkan mana-mana agensi, pertubuhan sukarela, sektor swasta atau orang perseorangan menubuhkan pusat tersebut. Setelah Akta Pusat Jagaan dikuatkuasakan, Kementerian saya akan mengawal pusat-pusat yang terlibat mengikut syarat-syarat yang diperuntukkan semasa lesen dikeluarkan.

**Tuan Chian Heng Kai:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana Rang Undang-undang Keganasan Keluarga adalah satu Rang Undang-undang yang sangat penting khasnya bagi wanita, dan perkara ini telah dibincang selama 9 tahun, apakah sehingga hari ini belum dapat satu Rang Undang-undang? Misalnya, Rang Undang-undang yang baru diluluskan iaitu Rang Undang-undang (Pindaan) Perlembagaan boleh siap dalam satu hari, ini selama 9 tahun pun tidak boleh siap. Adakah ini merupakan sikap Kerajaan yang tidak pandang berat kepada hak wanita?

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Tuan Yang di-Pertua, memang Kementerian saya dan Kerajaan pada keseluruhannya memandang berat akan hal ehwal wanita, tetapi Rang Undang-undang yang dicadangkan iaitu Rang Undang-undang Keganasan Rumah Tangga adalah bertindih dengan Rang Undang-undang yang lain dan kira mesti meneliti sebelum kita membentangkannya ke Dewan yang mulia ini.

**Dr. Kua Kia Soong:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tanya antara sebab-sebab kenapa Rang Undang-undang Keganasan Rumah Tangga ini belum lagi dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini, adakah termasuk Rang Undang-undang itu tidak 100% disokong oleh "male chauvinist pig" dalam pihak Barisan Nasional ataupun khinzir jantan yang ber"chauvinist" kerana pihak-pihak wanita atau "women's movement" dalam negara ini telah menjalankan satu kempen untuk lobi Ahli-Ahli Parlimen mereka. Adakah ini sebab-sebab Rang Undang-undang ini belum lagi dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini?

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Tuan Yang di-Pertua, tidak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain.

*[Soalan No. 5 Y.B. Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain tidak hadir]*

## AMALAN HAK ASASI MANUSIA DI MALAYSIA

**6. Tuan Ahmad bin Nor** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memperbaiki status dan imej Malaysia berhubung amalan hak asasi manusia dan

adakah Kerajaan sedar masih banyak undang-undang yang terpakai di negara ini terang-terang mencabuli hak asasi manusia dan perlu disemak semula.

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa di kalangan masyarakat antarabangsa, prestasi dan imej Malaysia berhubung dengan amalan hak asasi manusia adalah di tahap yang baik.

Keupayaan dan kejayaan Malaysia melalui dasar yang kita amalkan untuk membangunkan negara kita dari sebuah negara yang mundur kepada sebuah negara yang maju berpandukan sistem demokrasi berparlimen yang kukuh mewujudkan masyarakat yang berbilang bangsa yang bersatu padu yang dapat mengecapi taraf hidup yang jauh lebih baik dari kebanyakan negara-negara lain di dunia, keadaan keselamatan awam yang terjamin dan pelbagai kejayaan yang menjadikan negara ini sebuah negara yang maju, aman dan tenteram, telah mengkagumkan masyarakat antarabangsa. Negara kita juga telah seringkali ditonjolkan sebagai contoh bagi diikuti oleh negara-negara membangun yang lain dalam semua bentuk pembangunan termasuk pembangunan masyarakat.

Ahli Yang Berhormat harus faham bahawa nilai, konsep dan prinsip hak asasi manusia yang terkandung dalam Deklarasi Sedunia Mengenai Hak Asasi Manusia dan konvensyen-konvensyen utama yang berkaitan yang ditakrifkan oleh masyarakat Barat sebagai nilai, konsep ataupun standard hak asasi manusia sejagat adalah dibentuk oleh segelintir negara-negara Barat di tahun 40han setelah tamat Perang Dunia Kedua.

Sungguhpun nilai-nilai dan prinsip tersebut keseluruhannya dapat diterima sebagai panduan bagi negar-negara melindungi dan mempertingkatkan amalan hak asasi manusia adalah menjadi hak negara serta rakyatnya menentukan nilai-nilai dan garispanduan hak asasi manusia di negara masing-masing sejajar dengan pelbagai keadaan di negara masing-masing yang berbeza di antara satu sama lain.

Oleh yang demikian, Yang Berhormat harus sedar bahawa selama 36 tahun kita merdeka dan menempuh perit-getir dalam membangunkan negara kita, telah menimba banyak pengalaman untuk memimpin negara dan rakyat ke arah kesejahteraan. Kita harus sedar bahawa undang-undang yang diwujudkan oleh Kerajaan adalah bertujuan untuk kepentingan rakyat dan atas adanya undang-undang tersebutlah rakyat dapat menikmati keselesaan dan kemewahan hidup yang mana tidak dapat dirasai oleh rakyat-rakyat di kebanyakan negara di dunia.

**Tuan Ahmad bin Nor:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Persidangan Hak Asasi Manusia telah diadakan di Vienna yang dianjurkan oleh Bangsa-Bangsa Bersatu. Saya ingin tahu sama ada Malaysia telah pun menyokong penuh tentang pengisytiharan ataupun Declaration of Human Rights yang telah pun dipersetujui di Persidangan yang berkenaan.

Yang kedua, kita juga telah mendengar baru-baru ini bahawa negara Singapore akan meminta sokongan daripada negara-negara ASEAN untuk menyokong satu Usul yang akan dikemukakan berhubung dengan hak asasi manusia dan saya ingin tahu, jika

sekiranya Usul itu bercanggah dengan Deklarasi Hak Asasi Manusia yang telah diluluskan di Vienna baru-baru ini, apakah pendirian Kerajaan Malaysia?

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan yang di-Pertua, kita menyokong usul-usul yang telah pun diputuskan oleh Konvensyen Hak Asasi Manusia di Vienna setakat mana yang kita fikirkan sesuai dan patut untuk negara kita.

Berkenaan dengan soalan kedua, kita belum lagi mendengar atau menerima usul berkenaan dengan Singapura. Setelah kita dapatnya, kita akan timbang dan buat keputusan mengikut kepentingan kita sendiri.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, di dalam Persidangan Sedunia mengenai Hak Asasi Manusia baru-baru ini, terdapat seorang perwakilan Amerika yang melabelkan Malaysia sebagai salah sebuah negara "Violators of human rights", dengan izin, kerana terdapat perbezaan pandangan, fokus dan penekanan terhadap beberapa prinsip hak asasi manusia sebagaimana yang digabungkan dalam Deklarasi Bangkok.

Jadi saya mahu mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah sikap kita terhadap badan dunia ini ataupun wakil Amerika yang memberi label kita sebagai musuh ataupun pihak yang melanggar hak asasi manusia?

Yang kedua, sebagaimana yang ditegaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, Deklarasi ataupun Kanun Hak Asasi Manusia Sejagat, 1948 adalah agak tidak relevan kalau tidak diambilkira persepsi, nilai dan pandangan

negara-negara membangun yang tidak berhak untuk sama-sama mencipta Kanun itu pada tahun 1948. Jadi, adakah pihak Malaysia akan menjadi pelopor mengesahkan negara-negara ketiga untuk mendesak dan juga mempengaruhi badan dunia supaya membuat penilaian semula terhadap Kanun Hak Asasi Manusia supaya relevan dengan umat sejagat pada ketika ini?

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan pertama, kita telah pun melahirkan perasaan tentangan kita yang kuat terhadap ucapan yang dibuat oleh wakil negara Amerika Syarikat di Vienna yang telah pun mengatakan dengan kita merupakan "violator of the human rights". Kita telah pun meminta pihak Kerajaan tersebut bahawasanya pendapat itu hanya dibuat oleh seorang wakil sahaja dan bukan sebenarnya pendirian Kerajaan Amerika Syarikat itu sendiri. Walau bagaimanapun, kalau kita tidak puas hati, kita mahu perkara itu ditarik balik dan mahu permintaan maaf diberikan kepada negara kita.

Bagi soalan kedua, memang benarlah isu-isu yang telah pun diputuskan dalam Deklarasi 1948 sudah banyak tidak relevan lagi. Sebab mengapa, kita terpaksa mengadakan banyak lagi konvensyen dan conference berkenaan dengan hak asasi manusia supaya dapat kita ketengahkan perkara-perkara yang baru yang berubah dari masa ke semasa dan lebih mementingkan agar diambilkira tentang keadaan setempat dan mengikut keadaan sosio, budaya, agama, politik negara-negara tertentu. Maka, insya Allah, Malaysia tetap akan memainkan peranan yang penting dalam masalah ini dan kita mahukan agar perkara-perkara yang lebih relevan patut dibawa bersama dalam menentukan hak asasi mana-mana negara dalam dunia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan.

[Soalan No. 7 – Y.B. Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan tidak hadir]

**BAHASA MALAYSIA DI  
SEKOLAH SWASTA/INSTITUSI  
PENGAJIAN  
TINGGI—TAHAP KEMAHIRAN**

**8. Puan Siti Zainabon binti Abu Bakar** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) sama ada Kerajaan sedar atau tidak masalah penggunaan Bahasa Kebangsaan di sekolah-sekolah swasta dan institusi pengajian tinggi swasta begitu lemah dan tidak membanggakan. Apakah tindakan Kerajaan mengenai perkara ini;
- (b) memandangkan kriteria kemasukan ke kolej swasta tidak mengambil Bahasa Kebangsaan sebagai salah satu syarat utama, adakah ini semacam mempermainkan dasar Kerajaan; dan
- (c) tidakkah limpahan kolej swasta yang memperdagangkan ilmu dan menggunakan Bahasa Inggeris sebagai mediumnya akan menyediakan graduan yang tidak berkredibiliti dan bakal tenaga kerajaan yang tidak mendaulatkan Bahasa Kebangsaan.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Dr. Fong Chan Onn]:**

- (a) Tuan Yang di-Pertua, bagi sekolah-sekolah swasta peringkat

rendah dan menengah yang mengikuti kurikulum kebangsaan dan menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar, tahap kemahiran dalam Bahasa Malaysia adalah setaraf dengan sekolah-sekolah Kerajaan. Walau bagaimanapun, institusi pendidikan swasta di peringkat pos-SPM menjalankan kursus-kursus pendidikan dengan menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar. Institusi-institusi tersebut disyaratkan supaya mewajibkan pengajaran mata-pelajaran Bahasa Malaysia kepada semua pelajar.

- (b) Oleh kerana kebanyakan kursus yang dijalankan oleh institusi-institusi pendidikan swasta peringkat pos-SPM adalah kursus-kursus dibentuk dan dikawal kualitasnya oleh organisasi-organisasi luar negeri, syarat-syarat kemasukan mengikuti kursus-kursus tersebut dan syarat-syarat bahasa juga ditetapkan oleh organisasi itu. Hal-hal ini tidak dikira sebagai mempermainkan dasar Kerajaan. Walau bagaimanapun, akhir-akhir ini terdapat beberapa institusi pendidikan yang telah mula menterjemahkan kursus-kursus dari luar ini ke dalam Bahasa Malaysia. Ini adalah satu perkembangan yang menggalakkan.
- (c) Kementerian ini tidak beranggapan bahawa mereka yang mahir dalam bahasa Inggeris dan perlu menggunakan bahasa itu dalam urusan mereka tidak mendaftarkan Bahasa Malaysia sebab dunia perniagaan dan perdagangan, terutamanya di peringkat antara-

bangsa, kemahiran dalam bahasa Inggeris masih diperlukan. Oleh itu, graduan yang mahir dalam kedua-dua bahasa atau lebih sudah tentu akan menguntungkan negara.

**Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sedar atau tidak pihak Kementerian bahawa sekarang ini melalui dasar pengwujudan sekolah-sekolah swasta yang berperantaraan di dalam bahasa Inggeris, sedangkan sebahagian besar pelajar-pelajar kita yang mengikuti pengajian di institusi pengajian tinggi di dalam negeri menggunakan perantaraan Bahasa Malaysia. Akhirnya, apabila mereka ini keluar ke pasaran buruh untuk mendapatkan pekerjaan, daya saing mereka yang mendapat pendidikan di universiti tempatan ini akan lebih kurang daripada mereka yang mendapat pendidikan melalui perantaraan bahasa Inggeris tadi. Apakah langkah yang dibuat oleh Kerajaan untuk mengimbangi kedudukan ini? Sebab sebahagian besar daripada mereka yang menganggur, yang tidak mendapat pekerjaan selepas lulus pengajian tinggi adalah mereka yang mendapat pendidikan melalui perantaraan Bahasa Malaysia di universiti-universiti tempatan.

Yang kedua, kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak dapat memberi jawapan sekarang, saya minta kalau boleh berikan saya secara bertulis, berapakah jumlah sekolah-sekolah swasta yang telah diberi kebenaran oleh Kementerian Pendidikan sampai sekarang ini? Sekolah-sekolah swasta yang telah dibenarkan untuk ditubuhkan di negara ini sehingga sekarang ini?

**Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, memanglah adalah tujuan

universiti-universiti tempatan supaya semua pelajar-pelajar yang keluar daripada universiti-universiti kita ini bukan sahaja mahir dalam Bahasa Malaysia, tetapi juga mahir dalam Bahasa Inggeris supaya apabila mereka memasuki dunia pekerjaan, mereka boleh bersaing seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kok Lanas.

Di sini saya ingin menerangkan kepada Dewan yang mulia ini, ini adalah dasar universiti-universiti tempatan. Kita seterusnya memberi penekanan yang kuat supaya semua pelajar-pelajar kita di universiti tempatan akan seterusnya mahir bukan sahaja dalam Bahasa Malaysia, tetapi juga boleh mencapai satu tahap kemahiran dalam bahasa Inggeris yang akan membolehkan mereka bersaing dengan graduates dari universiti luar negeri.

Tentang soalan kedua, iaitu bilangan sekolah swasta ini, saya akan jawab secara bertulis.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat memberi satu angka di mana bilangan kakitangan yang terbabit di dalam menguatkuasakan dasar Kerajaan dan segala yang diperlukan untuk sekolah dan kolej swasta kerana saya dapati bahawa kawalselia ke atas sekolah-sekolah dan kolej-kolej ini sangat longgar dan sangat tidak memuaskan. Bolehkah Yang Berhormat sebutkan bilangan yang terlibat di dalam kerja untuk mengawalseliakan sekolah dan kolej tersebut. Adakah pihak Kerajaan bercadang untuk mengadakan Jabatan Pendidikan Swasta yang berasingan daripada Kementerian Pendidikan sekarang kerana di dalam pelajaran dan pendidikan swasta, memang tidak serupa

dengan pendidikan awam sekarang. Nampaknya dengan perkembangan-perkembangan yang baru ini, pihak Kementerian tidak berdaya dan tidak berkemampuan untuk mengendalikan semuanya.

**Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, memang Kementerian Pendidikan ada satu bahagian khusus, khususnya untuk me“monitor”kan sekolah-sekolah swasta dan kita bukan sahaja ada satu pihak Nazir di peringkat Persekutuan tetapi juga di setiap negeri, kita juga ada bahagian nazir yang mempunyai kakitangan dan mempunyai untuk, dengan izin, inspect dari semasa ke semasa sekolah-sekolah tersebut.

Namun demikian oleh kerana jumlah kakitangan di bahagian tersebut adalah terhad, kita di Kementerian Pendidikan perlukan kerjasama daripada ibu bapa pelajar-pelajar di sekolah-sekolah swasta. Kalau mereka fikir bahawa sekolah-sekolah tersebut tidak mengikut syarat-syarat atau tidak mengikut apa yang mereka telah iklankan dan kalau mereka rasa bahawa mereka tidak dapat dengan izin, value for their money, mereka boleh hubungi dengan Bahagian Nazir supaya kita boleh buat inspection dan paksakan sekolah-sekolah tersebut bahawa mereka haruslah mengikut syarat-syarat.

Saya juga ingin menerangkan di sini bahawa bagi pihak kita, kakitangan di Bahagian Nazir memang dari semasa ke semasa buat inspection. Tetapi di sini juga kita perlu kerjasama daripada pihak-pihak khususnya ibu bapa pelajar-pelajar tersebut.

Tentang perasingan sekolah-sekolah swasta daripada kurikulum, daripada sistem pendidikan kebangsaan kita, saya ingin menjamin Dewan yang mulia ini,

ini tidak berlaku kerana semua sekolah-sekolah swasta yang kita memberi izin untuk beroperasi di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah, mereka diperlukan mengikut kurikulum kebangsaan iaitu dengan menggunakan kurikulum kita dan dengan menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar. Hanya di peringkat pos-SPM di mana sekolah-sekolah tersebut atau institusi-institusi tersebut menyediakan pelajar-pelajar untuk qualification, dengan izin, luar negeri, kita mengizinkan sekolah-sekolah tersebut menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Robert Lau Hoi Chew.

[Soalan No. 9 – Y.B. Tuan Robert Lau Hoi Chew tidak hadir]

### BAS MINI — UBAHSUAI

**10. Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada keputusan Kerajaan untuk mengubahsuai bentuk baru bas mini sudah mengambil kira dan meneliti risiko dalam aspek:

- (a) membebankan para pengusaha bas mini; dan
- (b) membebankan para pengguna dari segi kenaikan tambang.

**Timbalan Menteri Perusahaan Awam [Dato' Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan untuk mengubahsuai bentuk baru bas mini dibuat setelah Kementerian ini mengambil kira segala aspek termasuk risiko kepada pengusaha dan pengguna:

- (a) dari aspek bebanan kepada pengusaha, reka bentuk baru bas mini ini tidak akan membebankan pengusaha kerana pengusaha sendiri sentiasa menukarkan bas-bas sedia ada kepada bas-bas bentuk baru yang diubahsuai. Oleh itu, cadangan untuk mengubahsuai bentuk baru bas mini akan menepati kehendak pengusaha bas mini. Lagi pun pelaksanaan yang akan dibuat adalah secara berperingkat-peringkat dengan penekanan kepada bas-bas lama dahulu.

Untuk makluman Yang Berhormat, walaupun reka bentuk bas mini dicadangkan berubah, konsep perkhidmatannya tetapi tidak berubah. Walau bagaimanapun, oleh sebab bentuk baru bas mini tersebut mementingkan penyelesaian kepada pengguna, kenaikan tambang yang minimum jika ada, tidak akan membebankan pengguna kerana perkhidmatan yang ditawarkan adalah setimpal dengan tambang yang dikenakan.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berhubung dengan bas mini ini, dia soalan bas mini tetapi ia lain sikit. Apakah Yang Berhormat bercadang untuk berbincang dengan Menteri Pengangkutan? Menteri Pengangkutan mencadangkan supaya kita ada pool cars – naik kereta secara berkumpulan. Lat buat kartun semua orang naik dalam kereta Menteri Pengangkutan sampai dia datang lewat ke pejabat. Jadi, apakah boleh Kementerian ini mencadangkan satu bas mini khusus. Sebab kalau kita cadangkan pengangkutan berkumpulan ini, saya rasa orang itu tiap-tiap hari dok fikir hendak hantar empat orang balik ke rumah. Jadi kerja tidak jadi. Jadi,

apakah boleh bas mini ini mengambil cadangan Menteri Pengangkutan itu mencadangkan bas mini yang lebih menarik. Jadi, soalan ini berlain sikit, tetapi tajuk bas mini, supaya kita dapat menyelesaikan masalah-masalah lalu lintas di Kuala Lumpur.

**Dato' Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, cadangan pool-car adalah untuk meringankan traffic flow di Kuala Lumpur. Namun demikian, bas mini yang Yang Berhormat kira boleh membantu meringankan, memanglah tujuan bas mini itu untuk mendapatkan pengguna-pengguna menggunakan bas mini. Tetapi disebabkan oleh keadaan perkhidmatan bas mini ketika ini belum mendapat keselesaan untuk menarik pengguna, sebab itulah cadangan untuk memperbaiki rekabentuknya supaya dapat menjamin keselesaan pengguna dan dengan demikian mungkin akan dapat menepati matlamat pool-car yang dicadangkan oleh pihak Kementerian Pengangkutan.

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah peraturan-peraturan yang telah ditetapkan kepada pengusaha-pengusaha bas mini dari segi bilangan penumpang. Sebab saya perhati di Kuala Lumpur pada masa peak hours dengan izin, bas mini yang membawa penumpang lebih penuh dan dari segi keselamatan sama ada ini akan menjejaskan keselamatan penumpang.

Yang kedua, oleh kerana kemungkinan lesen yang dikeluarkan oleh pihak Kementerian tidak mencukupi lagi, ini telah membawa risiko seperti yang saya katakan mana semua penumpang masuk sesak dalam bas mini.

Oleh yang demikian, saya hendak tanya berapa lesen sudah dikeluarkan dan sama ada kepada individu dan berapa kepada syarikat.

**Dato' Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, peraturan bagi bilangan penumpang-penumpang mengikut konsep bas mini ialah muatan duduknya haruslah 25 orang; muatan berdirinya 10 orang dan itu harus dipatuhi tetapi maklumlah kerana pengusaha-pengusaha mengambil kesempatan dan dalam keadaan yang sesak, tetapi terpulang kepada keadaan penguatkuasaan kita yang memainkan peranan untuk memastikan keselamatan pengguna-pengguna.

Berkenaan dengan lesen yang dikeluarkan oleh pihak Kementerian Perusahaan Awam, saya ingin maklumkan di sini bahawa pembekuan kepada pengeluaran lesen bas mini ini masih berkuatkuasa sejak lewat tahun 1992 dan setakat ini lesen bas mini yang dikeluarkan adalah sebanyak 1,200 tetapi pecahan kepada syarikat dan pengusaha persendirian itu terpaksa saya beri secara bertulis.

#### PELAJAR—PEMBINAAN AKHLAK

**11. Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim** minta Menteri Pendidikan menyatakan bilangan pelajar yang dikenalpasti terbabit dalam kegiatan pelacuran untuk membiayai penghidupan mewah dan meneruskan persekolahan mereka.

**Dr. Fong Chan Onn:** Tuan yang di-Pertua, setakat ini Kementerian Pendidikan tidak menerima sebarang laporan berkaitan dengan kegiatan ini daripada mana-mana pihak. Walau

bagaimanapun, sebagai tindakan pencegahan, Kementerian Pendidikan sentiasa memberi penekanan terhadap pembinaan akhlak pelajar-pelajar yang dilakukan secara formal melalui pendidikan moral dan pendidikan Islam dan secara tidak formal melalui aktiviti ko-kurikulum, khidmat bimbingan dan kaunseling dan disiplin sekolah. Di samping itu, surat-surat pekeliling iktisas berkaitan dengan disiplin dan keselamatan pelajar-pelajar juga diedarkan kepada sekolah-sekolah dari semasa ke semasa.

**Tuan Lim Guan Eng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau ada mengambil tindakan ke atas satu pengumuman yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan Negara dan Perpaduan Masyarakat dua bulan yang lepas, menyatakan bahawa masalah pelacuran kian berleluasa di sekolah-sekolah sehingga ada satu recruiting agent, dengan izin, yang bertugas di sekolah. Sama ada pihak Kementerian ada menyasiat tentang aduan serius yang dibuat oleh seorang Menteri seperti ini dan saya rasa ada percanggahan di antara jawapan tadi dengan pengumuman yang dibuat oleh seorang Menteri Kabinet. Apakah tindakan yang diambil? Seperti menganggap perkara ini sebagai perkara tidak serius. Saya hendak tanya satu perkara sosial yang serius.

Yang kedua, Tuan yang di-Pertua, saya juga hendak bertanya sama ada di antara kursus-kursus atau perkara-perkara yang disediakan untuk mengelakkan gejala ini iaitu seperti yang dikatakan tadi iaitu pendidikan Islam dan juga moral, adakah pihak Kementerian bersedia untuk menyediakan perkara-perkara atau kursus-kursus dalam agama-agama lain seperti Buddha,

Kristian dan Sikh untuk pelajar-pelajar yang tidak beragama Islam. Kalau tidak, mengapa?

**Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya telah jawab tadi, Kementerian Pendidikan tidak menerima sebarang laporan berkaitan dengan kegiatan yang disebutkan dalam soalan ini, dan kita selalu mengambil tindakan supaya keadaan disiplin sekolah di kalangan pelajar dalam suatu kawalan yang memuaskan. Itu adalah tujuan kita dan Kementerian Pendidikan sedia bekerjasama dengan mana-mana pihak kalau mereka ada makluman atau bukti-bukti berkaitan dengan kegiatan tersebut. Kementerian Pendidikan bersedia bekerjasama dengan mana-mana pihak supaya kita bolehlah memberi satu keadaan yang lebih jelas kepada masyarakat kita. Ingin saya menegaskan di sini bahawa sistem sekolah kita melibatkan lebih daripada 3 juta orang pelajar dan kita haruslah menjaga bahawa imej sistem pendidikan kita yang terlibat berjuta-juta pelajar dijamin dan kita tidak mahu imej itu dijejaskan oleh mana-mana pihak berkaitan dengan dakwaan yang tidak berasas.

Berkaitan dengan soalan kedua iaitu pendidikan moral dan agama-agama bukan Islam kepada pelajar-pelajar tersebut, dasar Kementerian Pendidikan ialah memberi pendidikan moral kepada pelajar-pelajar yang bukan Islam. Dalam mata pelajaran tersebut, kita merangkumi aspek-aspek nilai universal yang berdasarkan daripada berbagai agama tersebut. Ini kita rasa adalah sesuai untuk pelajar-pelajar yang mempunyai berbagai agama.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat sebab ini adalah perkara yang serius.

**Beberapa Ahli DAP: Ya!**

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Janganlah sokong. Nanti tak dapat buat soalan. Adakah kita mempunyai guru-guru yang terlatih untuk mengajar pendidikan moral ini? Sebab saya tengok kebanyakan sekolah, ini dilepaskan kepada guru-guru yang tidak ada kerja, makna kata guru yang bukan first-class. Jadi, bermakna guru yang kurang pengalaman. Adakah guru-guru ini betul-betul qualified? Saya beri contoh, Tuan Yang di-Pertua, Ini contoh yang baik dan Tuan Yang di-Pertua pun boleh mengalami macam saya. Pada masa saya datang ke Parlimen ini, masa saya mengerling ke meja secretary saya, saya nampak gambar Mas Anizan dengan kereta Madza Silica yang baru. Jadi, saya pun terpendang, saya berjalan sambil berfikir. Kalau saya boleh tengok yang itu, students juga boleh tengok kehidupan mewah yang palsu, Silica itu boleh dibeli dengan....Bukan saya katakan Mas Anizan beli kereta dengan hutang. Saya tidak mahu campur. Ini contoh bahawa kehidupan mewah dan palsu ini telah mempengaruhi lebih daripada jiwa kanak-kanak ini. jadi, adakah kita mempunyai guru-guru yang betul-betul qualified itu, yang boleh benar-benar membanteras benda-benda ini, sebab kita diajar di sekolah, di sini lebih hebat. Maksud saya ialah subjek ini subjek yang boring bagi setengah students. Bolehkah kita dapatkan guru-guru yang betul-betul terlatih? Guru-guru juga mesti boleh baca majalah-majalah ini untuk dia counter balik. Kadang-kadang guru-guru yang mengajar itu, dia sendiri tidak mahu tengok majalah itu - haram. Ini macam mana dia hendak cerita kepada budak-budak bahawa benda ini palsu? Jadi, soalan saya, adakah kita mempunyai guru-guru yang sebenarnya terlatih untuk mengajar pendidikan moral, sebab

perkara ini penting. Walaupun dia pandai macam mana pun, Tuan Yang di-Pertua,.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah.

**Tuan Shahidan bin Kassim:...** akhirnya, kalau moral dia lingkup, lingkuplah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, cukuplah. Cukuplah.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Ini penting, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soal itu sudah fahamlah. [*Ketawa*]

**Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Kementerian Pendidikan memberi latihan yang cukup kepada guru-guru yang mengajar pendidikan moral ini. Dan mulai tahun ini, di bawah program KBSM yang baru, Kementerian Pendidikan telah mewajibkan bahawa semua pelajar yang bukan Islam haruslah mengambil matapelajaran pendidikan moral dan semua pelajar yang beragama Islam haruslah mengambil pendidikan Islam. Itu menunjukkan begitu pentingnya Kementerian Pendidikan, dengan izin, attached kepada matapelajaran-matapelajaran tersebut. Di sini, Kementerian Pendidikan akan seterusnya memberi latihan yang cukup kepada guru-guru yang terbabit dalam matapelajaran tersebut supaya mereka boleh mengajar dengan lebih berkesan.

Tentang bagaimana kita boleh buat matapelajaran itu lebih interesting, di sini selalunya Kementerian Pendidikan menggunakan aspek-aspek nilai berbagai agama dan aspek-aspek nilai masyarakat bukan Islam untuk membuat matapelajaran itu lebih interesting, dengan

izin. Kita juga menggunakan cara-cara pengajaran melalui video-tape dan sebagainya supaya pelajar-pelajar tersebut akan bolehlah mengingat kandungan matapelajaran tersebut.

## PINTU MASUK KE SABAH — KAWALAN

**12. Tuan Joseph Voon Shin Choi** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapakah “entry point” yang sah bagi rakyat asing memasuki Sabah. Adakah Kerajaan bercadang untuk membuka lebih banyak “official entry point” di kawasan pantai timur Sabah, terutama sekali di Sandakan, Lahat Datu, Semporna dan Tawau. Kalau Kerajaan tidak ada cadangan, apakah sebab-sebab Kerajaan tidak berminat untuk berbuat demikian.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan yang di-Pertua, pada masa ini terdapat 13 pintu masuk yang sah di Sabah iaitu 3 laluan udara, 7 laluan laut dan 3 laluan darat.

Pembukaan sesebuah pintu masuk adalah mengikut keperluan. Pada masa ini, tidak dapat keperluan untuk menambah bilangan pintu masuk di Sabah. Kerajaan akan mengkaji keperluan ini dari semasa ke semasa.

**Tuan Taimin bin Lumaing:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hanya ingin tahu mengapa kawalan keselamatan yang ditempatkan di tempat-tempat “entry point” di Sabah khususnya, tidak dapat dikawal oleh pasukan keselamatan sehingga pendatang-pendatang haram dari negara jiran kita senang masuk ke Sabah. Adakah pegawai-pegawai yang bertugas di tempat-tempat yang tertentu itu tidak menjalankan tugas dengan sepenuhnya?

Oleh kerana baru-baru ini, Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri berjalan pergi ke

tempat di negara jiran kita, saya tidak melalui jalan yang biasa. Jadi, saya nampak bila saya mengikut bot itu, sudah sampai ke “checking point”, saya diberitahu bahawa “diam-diam” sahajalah. Kemudian, bila supirnya itu datang berjumpa dengan pegawai yang menjaga keselamatan itu, dia beri wang dan saya nampak hal itu. Bila saya tengok “chop”, dia kata ini “perjalanan diperiksa dengan betul”. Pada hal saya berada di sana, jalan tembus sahaja. [Ketawa] Jadi, saya ingin tahu daripada Kementerian yang berkenaan, apakah tindakan oleh Kementerian yang berkenaan, apakah tindakan oleh Kementerian yang berkenaan supaya perkara ini tidak berlanjutan kerana di negara kita. Di negeri Sabah, saya nampak senang sahaja pendatang-pendatang haram daripada negara jiran kita ini masuk dan keluar. Setakat ini, saya ingin tahu juga berapakah pegawai-pegawai di “entry point” ini khususnya, didapati menjalankan tugas yang tidak betul atau memberi hukuman tatatertib yang terbaik setakat ini. Itulah saya minta Kerajaan menyatakan apakah langkah-langkah yang dijalankan supaya keadaan ini tidak berleluasa di masa yang akan datang?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, terdapatnya pendatang tanpa izin masuk ke mana-mana tempat di seluruh negara kita tidak boleh digunakan sebagai satu ukuran bahawa sistem kawalan keselamatan kita itu tidak baik atau tidak berkesan.

Sebenarnya kawalan keselamatan terutamanya di Sabah, kekuatan pasukan keselamatan Sabah telah pun ditambah kuat pada satu dua tahun yang lalu ini. Pasukan Polis Hutan telah pun dihantar sebagai tambahan kepada kekuatan keselamatan di situ. Jadi, soal mengata-

kan pegawai tidak menjalankan tugas dengan baik adalah tidak benar. Walau bagaimanapun, di mana-mana satu sistem juga tentu ada kelemahan yang tertentu.

Saya cadangkan sekiranya Yang Berhormat ada bukti ataupun orang ramai mempunyai bukti menyatakan mana-mana seorang pegawai keselamatan itu telah menjalankan atau melakukan satu penyelewengan, laporklah kepada pihak berkuasa dan bekerjasamalah dengan pihak berkuasa untuk kita membetulkan keadaan itu. Atau pun, tidak kira apa pangkat mereka itu, dihadapkan kepada undang-undang. Ini memang adalah satu amalan dan hasrat Kerajaan di Malaysia selama ini. Kita tidak bertolak ansur kalau terdapat keadaan ini. Tetapi jangan suka buat tuduhan yang tidak berasas. Kalau cakap-cakap sahaja, tidak ada bukti, itupun tidak akan mendatangkan apa-apa kebaikan dari segi imej ataupun confidence orang luar kepada negara kita. Itu adalah jawapan kepada soalan itu.

**Dr. Osman Minudin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada persidangan Parlimen yang lalu, Yang Berhormat telah memberitahu saya bahawa mulai pada Januari tahun ini, pasukan keselamatan akan membuat operasi besar-besaran disebabkan pada masa itu pusat tahanan di beberapa tempat di Sabah sudahpun bersedia. Jadi, saya mahu bertanya kepada Yang Berhormat, apakah kesan yang telah dibuat setakat ini?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, itu adalah satu soalan yang berasingan. Saya cadangkan Yang Berhormat kemukakan satu soalan baru pada masa yang akan datang.

### **LEBUHRAYA KULIM KE BUTTERWORTH — PEMBINAAN**

**13. Tuan Lim Hock Seng** minta Menteri Kerja Raya menyatakan bilakah

kerja-kerja Lebuhraya Kulim ke Butterworth akan bermula dan siap. Sila nyatakan butir-butir projek tersebut.

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Peter Tinggom anak Kamarau]:** Tuan Yang di-Pertua, projek Lebuhraya Kulim ke Butterworth melibatkan pembinaan jalan dari Butterworth ke Titi Karangan dan adalah dibahagikan kepada empat pakej seperti berikut:

- (i) Pakej I — Pembinaan jalan sepanjang 12.4 km dari Titi Karangan ke Lunas.
- (ii) Pakej II — Pembinaan lebuhraya dua lorong dua hala sepanjang 16.8 km dari Lunas ke Persimpangan Bertingkat Lebuhraya Utara — Selatan (3-Tier Interchange) di Seberang Jaya.
- (iii) Pakej III — Pembinaan lebuhraya sepanjang 3 km dari Persimpangan Bertingkat Lebuhraya Utara-Selatan ke Butterworth.
- (iv) Pakej IV — Pembinaan jambatan di atas Sungai Perai.

Kerja-kerja pembinaan Pakej I yang dilaksanakan secara design and build, dengan izin, dengan kos sebanyak RM20.7 juta telah bermula pada 22.7.1991 dan dijangka siap pada hujung bulan ini.

Berkenaan dengan Pakej II, III dan IV tender telah ditutup pada 30hb September 1992. Pakej II akan dilaksanakan secara penswastaan manakala Pakej III dan Pakej IV akan dibiayai oleh Kerajaan. Tender untuk

kedua-dua bahagian, iaitu yang diswastakan dan yang dibiayai oleh Kerajaan, telah dinilai bersama dan ditawarkan sebagai satu pakej kepada penender yang berjaya dipilih.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, surat niat telah dikeluarkan kepada penender yang berjaya. Rundingan akan diadakan dengan mereka mengenai terma-terma Perjanjian Konsesi dan sekiranya rundingan itu berjaya, Kerajaan berharap pembinaan dapat dimulakan sebelum hujung tahun ini dan disiapkan pada akhir tahun 1995.

#### GURU BAHASA CINA — KEKURANGAN

**14. Puan Lim Lay Hoon** minta Menteri Pendidikan menyatakan bagaimana seriusnya kekurangan guru terlatih yang mengajar Bahasa Cina di Sekolah-sekolah Rendah dan Menengah. Apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memperbaiki keadaan ini.

**Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, masalah kekurangan guru terlatih bukan sahaja dalam matapelajaran bahasa Cina malah dalam matapelajaran-matapelajaran lain juga. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian sedang mengambil beberapa langkah untuk memperbaiki keadaan tersebut.

Di antara langkah-langkah tersebut adalah mengambil guru-guru sandaran yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan di sekolah-sekolah yang terlibat.

Kementerian Pendidikan juga melaksanakan satu Pelan Tindakan Perancangan Penyediaan Tenaga Guru Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah

yang meliputi semua matapelajaran mulai tahun 1993 ini. Melalui pelan ini, dijangkakan masalah kekurangan tenaga guru sekolah rendah akan dapat diatasi dalam jangkamasa yang cepat di samping dapat menjamin kualiti latihan guru.

**Puan Lim Lay Hoon:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta maklumat dari Yang Berhormat Timbalan Menteri sebab saya difahamkan bahawa guru-guru terlatih pengajian bahasa Cina, mereka dapat ditawarkan menghadiri satu kursus yang dinamakan Kursus Sijil Perguruan Khas Satu Tahun untuk pengajian bahasa Cina di Maktab Perguruan Ipoh, Perak. Apa yang saya hendak tahu ialah, adakah guru-guru ini diberi peluang mengikuti kursus ikhtisas iaitu pengajian Tionghua di institusi pengajian tinggi supaya mereka boleh menjadi guru yang lebih berilmu demi mempertingkatkan mutu pengajaran bahasa Tionghua di sekolah-sekolah. Terima kasih.

**Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, memang dasar Kementerian Pendidikan ialah untuk memberi semua guru-guru kita peluang-peluang yang cukup untuk mendapat ijazah atau pelajaran lanjutan berdasarkan kepada kelayakan, minat dan keperluan. Itulah dasar Kementerian Pendidikan.

**Dr. Kua Kia Soong:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya, satu cadangan yang mudah dan juga satu cadangan yang adil untuk menyelesaikan masalah ini adalah untuk Kerajaan mengisytiharkan Sijil Unified Certificate Sekolah-sekolah Cina Persendirian oleh sebab ada ramai graduan daripada sekolah-sekolah menengah itu yang tidak dapat masuk ke pusat-pusat pengajian tinggi. Adakah Timbalan Menteri bersetuju dengan cadangan saya? Adakah cadangan ini dikemukakan dalam Kabinet oleh MCA?

**Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya mempunyai ijazah Ph. D, tetapi saya tidak boleh faham soalnya. Saya tidak boleh faham perkaitan soalan itu tentang soalan asal ini.

**Dr. Kua Kia Soong:** [*Menyampuk*]

**Beberapa Ahli:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Bukit Mertajam.

**Tuan Chian Heng Kai:** Tuan Yang di-Pertua, saya mahu bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah sebabnya kekurangan guru-guru terlatih? Sama ada sebabnya ialah skim gaji guru-guru tidak cukup menarik kepada orang ramai menjadi guru. Ini soalan yang pertama.

Soalan yang kedua, bolehkah Yang Berhormat memberitahu kami apakah bahasa pengantar di dalam kursus latihan guru-guru Cina. Apakah bahasa pengantarnya?

**Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, tentang masalah gaji ini, ini merupakan satu cabaran yang dihadapi oleh semua pegawai di pihak awam, bukan sahaja guru-guru tetapi juga doktor-doktor Kerajaan, engineer-engineer Kerajaan dan sebagainya, kerana tidak boleh dinafikan bahawa gaji yang dibiayai oleh pihak awam tidak boleh dibandingkan dengan gaji oleh pihak swasta, kerana pihak swasta itu lebih flexible, motif mereka ialah untuk maximising profit, dengan izin. Di samping itu, tujuan pihak awam ialah untuk memberi perkhidmatan berkualiti kepada masyarakat. Jadi di sini, tujuan kita ialah kita membayar gaji yang wajar dan cukup

kepada guru-guru dan seterusnya kita harapkan guru-guru tersebut bolehlah memberi perkhidmatan mereka kepada masyarakat demi untuk kepentingan negara dan masyarakat.

Tentang soalan kedua, iaitu bahasa pengantar. Memang dasar Kerajaan ialah semua kursus di peringkat institusi pendidikan tinggi ialah untuk menggunakan bahasa Malaysia, ini termasuklah maktab perguruan, Namun demikian, untuk guru-guru yang mengikuti aliran bahasa Cina, kita memberi cukup untuk membolehkan mereka berfungsi sebagai guru-guru di Sekolah SRJK(C) dengan cemerlang.

**Tuan Chian Heng Kai:** Saya tanya apakah bahasa pengantar, tetapi dia belum jawab lagi. Apakah bahasa pengantar?

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia sudah jawab tadi. Sudah jawab dah — dalam Bahasa Malaysia!

**Beberapa Ahli DAP:** [*Menyampuk*]

#### PERKHIDMATAN KAUNTER JABATAN IMIGRESEN — KESESAKAN

**15. Dr. V. David** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) adakah beliau sedar bahawa orang awam dikehendaki berkumpul di Jabatan Imigresen pada masa yang sangat awal, iaitu pada pukul 5 pagi;
- (b) bahawa orang awam dikehendaki beratur lebih kurang tiga jam sebelum kaunter-kaunter Jabatan tersebut dibuka untuk perkhidmatan; dan

- (c) adakah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam bercadang membuat kajian tentang keadaan ini ke arah menyelesaikannya, atau membiarkan sahaja keadaan ini menjadi lebih buruk pada masa akan datang.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) dan (b) Adalah tidak menjadi hasrat Jabatan Imigresen Malaysia untuk memerlukan orang awam datang awal pagi, iaitu sebelum waktu kerja dimulakan. Jabatan Imigresen akan melayan orang awam mengikut kemampuan kaunter. Walau bagaimanapun, bagi mengurangkan kesesakan, Jabatan Imigresen telah memperkenalkan Sistem Tempahan Awal Nombor Giliran melalui pembukaan kaunter pada setiap hari Ahad, kaunter dibuka dari jam 9.00 pagi hingga 1.00 tengah hari. Orang awam bolehlah membuat tempahan nombor giliran satu minggu lebih awal mengikut tarikh dan masa yang ditetapkan atau pilih sendiri oleh pemohon. Melalui sistem ini, Jabatan Imigresen telah berjaya mengurangkan masalah kesesakan kaunter.
- (c) Jabatan Imigresen memang peka terhadap masalah orang ramai dan sedang berusaha meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan. Jabatan Imigresen juga sedang berusaha untuk menambah bilangan kakitangan dan ruang pejabat di pejabat-pejabat Imigresen yang menghadapi masalah kesesakan kaunter dari semasa ke semasa.

**Beberapa Ahli:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup, Yang Berhormat.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1,5,7,9 dan 16 hingga 68 adalah diberi di bawah ini].

### **BURUH KANAK-KANAK — MENGATASI MASALAH**

**1. Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan apakah kajian telah dilakukan untuk mengatasi masalah buruh kanak-kanak yang semakin berleluasa di Malaysia.

**Menteri Sumber Manusia [Dato' Lim Ah Lek]:** Berbagai punca telah dikenalpasti yang boleh menyebabkan wujudnya kejadian buruh kanak-kanak. Di antara yang ketara ialah masalah kemiskinan yang memaksa ibu bapa menyuruh anak mereka bekerja untuk membantu menyara hidup keluarga dan hasrat ibu bapa untuk melatih anaknya menjalankan perniagaan-perniagaan di waktu usia masih muda.

Kementerian Sumber Manusia sedang mengambil langkah untuk mengatasi masalah ini. Di antara langkah-langkah yang sedang diambil ialah membuat kajian ke atas Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda (Penggajian) Tahun 1966 untuk tujuan meningkatkan kawalan ke atas penggajian kanak-kanak yang berumur di bawah 16 tahun dan mengadakan lawatan pemeriksaan yang kerap ke atas tempat-tempat pekerjaan yang dikenalpasti menggaji kanak-kanak.

## SENJATA API TANPA LESEN — JUMLAH

**5. Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah senjata api tanpa lesen, mengikutnya jenisnya, yang telah dirampas daripada penjenayah. (Tidak termasuk kumpulan bersenjata Komunis). Dari manakah senjata api tersebut berasal, dan bagaimanakah diseludup masuk ke negara ini. Adakah benar nelayan asing dan nelayan kita terlibat. Apakah tindakan dan langkah diambil bagi mengatasi kegiatan tersebut.

### Tuan Ong Ka Ting:

1. Jumlah dan jenis senjatapi yang dirampas daripada penjenayah di seluruh Malaysia dari bulan Januari 1991 hingga Jun 1993 ialah Pistol 74, Revolver 160, M16 4, Shotgun 51, Rifle 5, Bomtangan 37, Mesin Gun 1, Air Gun 2.
2. Senjatapi haram tersebut diseludup masuk ke negara ini daripada negara jiran dengan salah satu dari 3 cara berikut:
  - 2.1. Diselitkan pada badan.
  - 2.2. Disembunyikan di antara barang-barang atau pakaian dan;
  - 2.3. Disembunyikan di dalam kenderaan bermotor atau sampan;
3. Setakat ini tiada terdapat bukti yang menunjukkan bahawa nelayan asing dan nelayan tempatan terlibat di dalam kegiatan ini.
4. Tindakan-tindakan dan langkah-langkah yang telah dan sedang

diambil untuk mengatasi kegiatan penyeludupan senjata ini ialah:

- 4.1. Pembinaan pagar sempadan dari Bukit Khun Chu berhampiran Padang Besar Perlis ke Bukit Tangga ke Timur Changloon di Kedah.
- 4.2. Pembinaan tembok sempadan dari Bukit Khun Chu ke Kampung Melayu di Padang Besar dan dari Bukit Berapit ke Lembang Nenering di sempadan negeri Perak-Thailand.
- 4.3. Penubuhan Unit Pencegahan Penyeludupan di sepanjang sempadan Malaysia-Thailand.
- 4.4. Pemasangan alat-alat pengesan logam dan x-ray scanning machine di kompleks-kompleks Imigresen/Kastam di sempadan Malaysia-Thailand.
- 4.5. Menjalankan Rondaan/pemerhatian di darat, lautan serta udara oleh Jabatan-jabatan berkaitan.
- 4.6. Mendapatkan maklumat dari orang ramai mengenai kegiatan ini.
- 4.7. Mesyuarat di antara PDRM dengan Polis Thailand sering diadakan bagi mengatasi masalah penyeludupan.

## KLINIK DESA — KEKURANGAN DOKTOR DAN AMBULAN

**7. Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan** minta Menteri Kesihatan

menyatakan adakah cadangan bagi menambah doktor-doktor di klinik desa dan adakah sedar bahawa klinik-klinik desa kurang doktor dan kereta-kereta ambulans. Kalau sedar apakah langkah-langkah yang akan diambil.

**Menteri Kesihatan [Dato' Lee Kim Sai]:** Kerajaan sentiasa mengawasi tahap dan mutu Perkhidmatan Kesihatan di Klinik-klinik Desa dan Pusat-pusat Kesihatan. Bilangan kakitangan dalam kategori-kategori tertentu ditambah setiap tahun berasaskan norma-norma perjawatan yang diwujudkan dan juga berpandukan beban kerja serta bilangan penduduk yang diliputi oleh setiap kemudahan kesihatan. Setakat ini, seumpamanya, Bidan Terlatih yang dahulunya bertugas di Klinik-klinik Desa telah dan sedang diganti dengan Jururawat Desa, satu kageteri kakitangan kesihatan yang lebih terlatih. Bagi pesakit yang memerlukan diagnosa atau rawatan lanjut akan terus dirujuk ke pusat-pusat kesihatan untuk mendapat rawatan lanjutan dari Doktor. Walau bagaimanapun adakalanya Doktor-doktor juga membuat lawatan ke Klinik-klinik Desa yang mempunyai beban kerja yang besar untuk memberi perkhidmatan. Kementerian Kesihatan telah dan sedang menempatkan satu Pegawai Perubatan di Pusat-pusat Kesihatan Fasa 1 dan dua Pegawai Perubatan di Pusat Kesihatan yang mengalami beban kerja yang berat.

Nisbah Doktor Penduduk di Malaysia telah diperbaiki daripada 1 : 3308 pada tahun 1983 kepada 1 : 2533 pada tahun 1991. Matlamat yang telah ditetapkan untuk Penghujung Rancangan Malaysia ke Enam adalah 1 : 1500.

Buat masa ini, penempatan kereta-kereta ambulans di Klinik Desa, bukanlah dasar Kementerian Kesihatan, akan tetapi

kereta ambulans adalah ditempatkan di setiap Pusat Kesihatan dan di beberapa Pusat-pusat Kesihatan Fasa 1 berdasarkan kepada kriteria-kriteria yang tertentu.

Sekiranya perkhidmatan kereta ambulans diperlukan oleh Jururawat Desa, beliau boleh berhubung dengan Pusat-pusat Kesihatan yang berdekatan untuk mendapatkan perkhidmatan ambulans.

### **PENERBANGAN LUAR DAN DALAM NEGERI — JUMLAH**

**9. Tuan Robert Lau Hoi Chew** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) jumlah penerbangan luar dan dalam (sila bahagikan kepada penerbangan dalam negeri dan antarabangsa) serta jumlah penumpang yang dikendalikan oleh kelima-lima lapangan terbang yang paling sibuk (sila namakan) di negara kita dan lapangan terbang Sibul, jika tidak di antara kelima yang paling atas di negara kita bagi tahun 1991 dan 1992;
- (b) siapakah pemegang saham Lapangan Terbang Malaysia Berhad;
- (c) bagaimanakah aset tetap bagi semua lapangan terbang yang sedang diswastakan dinilai; dan
- (d) bilakah lapangan terbang baru Sibul akan mula beroperasi.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail]:**

- (a) Dari segi pengendalian per-

gerakan pesawat serta jumlah penumpang, Lima Lapangan Terbang yang paling sibuk di negara ini ialah:

- (i) Lapangan Terbang Antarabangsa Subang.
- (ii) Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang.
- (iii) Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu.
- (iv) Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching.
- (v) Lapangan Terbang Miri

Jumlah penerbangan yang dikendalikan di lapangan-lapangan terbang ini pada tahun 1991 adalah seperti berikut:

	<i>Lapangan Terbang</i>	<i>Dalam Negeri</i>	<i>Luar Negeri</i>
(1) Lapangan Terbang Antarabangsa — Subang		49,662	37,610
(2) Lapangan Terbang Antarabangsa — Pulau Pinang		15,698	9,096
(3) Lapangan Terbang Antarabangsa — Kota Kinabalu		28,440	3,634
(4) Lapangan Terbang Antarabangsa — Kuching		23,865	3,634
(5) Lapangan Terbang Miri		32,170	—

Jumlah penumpang yang dikendalikan di Lapangan-lapangan terbang ini adalah seperti berikut:

	<i>Lapangan Terbang</i>	<i>Dalam Negeri</i>	<i>Luar Negeri</i>
(1) Lapangan Terbang Antarabangsa — Subang		3,802,89	5,040,665
(2) Lapangan Terbang Antarabangsa — Pulau Pinang		1,268,081	907,625
(3) Lapangan Terbang Anatrabangsa — Kota Kinabalu		1,549,669	269,567
(4) Lapangan Terbang Antarabangsa — Kuching		1,365,724	317,893
(5) Lapangan Terbang Miri		948,672	—

Sukacita dimaklumkan kepada Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini bahawa prestasi Lapangan Terbang Sibul juga amat menggalakkan. Pada tahun

1991, jumlah penumpang yang dikendalikan di Lapangan Terbang Sibul ialah 605,498 orang dan pergerakan pesawat sebanyak 20,638.

- (b) Saham Malaysia Airports Bhd. dipegang seratus peratus oleh Menteri Kewangan diperbadankan (Minister of Finance Incorporated).
- (c) Jumlah nilai pasaran aset tak alih bagi 36 Lapangan Terbang yang diswastakan kepada MAB ialah dalam lingkungan RM1,500 juta taksiran pada tahun 1989.
- (d) Lapangan Terbang Baru Sibul dijangka akan mula beroperasi pada awal tahun 1994.

### **PKINK — PENANGGUHAN BAYARAN OLEH PERBENDAHARAAN**

**16. Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob** minta Perdana Menteri menyatakan di dalam Rancangan Malaysia Kelima, Kerajaan Pusat telah memperuntukkan pinjaman Perbadanan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) sebanyak RM48.51 juta. Daripada peruntukan tersebut sebanyak RM31 juta sahaja yang dikeluarkan kepada Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan. Ini bermakna RM17.510 juta yang masih belum dikeluarkan. Justeru itu sehingga kini kenapakah Perbendaharaan Persekutuan menanggungkan pengeluaran pinjaman wang sebanyak RM17.510 juta kepada Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan.

**Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad]:** Dalam tahun 1990, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan 6 pinjaman berjumlah

RM17.51 juta untuk membiayai Projek Perumahan Kos Rendah dan projek-projek Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan. Walau bagaimanapun, jumlah ini tidak dapat dikeluarkan kerana dasar Kerajaan persekutuan menetapkan supaya pengeluaran wang pinjaman ditahan bagi negeri-negeri termasuk Kerajaan Negeri Kelantan yang gagal menjelaskan bayaranbalik semasa. Dasar ini yang dijadikan syarat dalam perjanjian-perjanjian pinjaman adalah bertujuan untuk mengelakkan bayaranbalik pinjaman oleh Kerajaan Negeri tertunggak dan terus meningkat.

Memandangkan peruntukan pinjaman ini yang disediakan meliputi tempoh Rancangan Malaysia Kelima maka ianya telah pun luput kerana tidak dibelanjakan. Untuk menyediakan peruntukan baru bagi projek tersebut dalam Rancangan Malaysia Keenam adalah didapati sukar kerana ianya melibatkan siling baru dan projek-projek tersebut bukanlah projek-projek yang diluluskan dalam RM6. Dengan demikian peruntukan sebanyak RM17.51 juta tidak dapat dipertimbangkan untuk disediakan dan Kerajaan Negeri Kelantan haruslah mencari sumber-sumber lain untuk membiayai pelaksanaan projek-projek tersebut.

#### **HOSPITAL KERAJAAN — KENAIKAN BAYARAN X-RAY**

**17. Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed** minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah bayaran perkhidmatan X-Ray dan bayaran perkhidmatan kesihatan yang lain di hospital Kerajaan telah dinaikkan. Jika ya, apakah justifikasi kenaikan tersebut.

**Dato' Mohd. Farid bin Ariffin:** Bayaran perkhidmatan X-Ray dan

bayaran perkhidmatan kesihatan yang lain di hospital Kerajaan masih dikekalkan pada kadar caj seperti yang telah ditetapkan di dalam Perintah Fee (Perubatan) 1982.

#### **PERUMAHAN — PENYERAHAN KUNCI TANPA CF**

**18. Tuan Tan Kok Wai** minta Menteri Perumahan dan Kerjaan Tempatan menyatakan bilangan skim perumahan dan rumah-rumah yang terlibat yang mana kunci telah diserahkan kepada pembeli-pembeli rumah tanpa memiliki Sijil Kelayakan Menduduki (CF) dan berapa banyak skim ini yang telah diduduki; bilakah kementerianya mula bekerja dengan idea merumus peraturan baru yang bertujuan untuk mengeluarkan Sijil Kelayakan Menduduki (CF) pada masa yang sama kunci rumah diserahkan pada pembeli rumah dan bagaimanakah kemajuan setakat ini.

**Menteri Perumahan dan Kerjaan Tempatan [Dato' Dr. Ting Chew Peh]:** Untuk makluman Ahli-Ahli Dewan yang mulia, bukan peranan Kementerian ini menyimpan rekod atau angka mengenai skim perumahan dan jumlah unit rumah yang telah diserahkan kepada pembeli-pembeli rumah dan diduduki tanpa memiliki Sijil Kelayakan Menduduki (CF).

Untuk makluman Ahli-Ahli Dewan yang mulia, Kementerian ini sedang mengemaskinikan peraturan-peraturan Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989. Di antara perkara yang sedang diambilkira ialah cadangan kunci rumah diserahkan hanya selepas pemaju memperolehi Sijil Kelayakan Menduduki (CF). Perkara ini masih lagi dalam kajian Kementerian dan dijangka akan dapat disiapkan tidak lama lagi.

## BSKL — SIASATAN ATAS INSIDER TRADING

**19. Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) jumlah mereka yang telah ditahan sehingga kini untuk siasatan berhubung dengan kes Insider Trading di BSKL;
- (b) apakah peranan Suruhanjaya Sekuriti (Security Commission) di dalam menandatangani kes-kes ini bagi menentukan pasaran BSKL itu sihat daripada berlakunya perkara-perkara yang boleh menjejaskan dan menggugat pasaran BSKL; dan
- (c) sejauh manakah kajian yang telah dijalankan dengan cadangan Kerajaan untuk menubuhkan rumah Bursa Saham Kedua dan bilakah cadangan ini akan dijalankan.

**Menteri Kewangan [Dato' Seri Anwar bin Ibrahim]:**

- (a) Sehingga kini tidak ada sebarang penahanan dilakukan untuk siasatan berhubung dengan kes dagangan dalaman dengan izin 'insider trading' di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).
- (b) Suruhanjaya Sekuriti sentiasa mengawal dan mengawasi keadaan pasaran saham pada setiap masa. Selain daripada mengawasi kes dagangan dalaman suruhanjaya Sekuriti juga mengawasi lain-lain kes manipulasi pasaran secara terperinci dengan cara mendapatkan penjelasan daripada Bursa Saham Kuala

Lumpur (BSKL) apabila berlaku pergerakan luar biasa bagi kaunter-kaunter yang disenaraikan sama ada di Papan Utama ataupun di Papan Kedua BSKL. Suruhanjaya juga akan menyiasat latarbelakang pergerakan kaunter tersebut dan syarikat yang terlibat. Jika perlu, Suruhanjaya Sekuriti akan meminta BSKL untuk mengarahkan syarikat yang terlibat mengeluarkan pengumuman serta merta seperti diperlukan mengikut peruntukan-peruntukan penyenarai BSKL.

- (c) Buat masa ini Kerajaan belum lagi bercadang untuk menubuhkan Bursa Saham Kedua. Oleh itu soal sejauh mana kajian mengenainya adalah tidak berbangkit. Bagaimanapun, sekiranya pertanyaan ini bermaksud Rumah Terbitan Kedua, maka ingin dijelaskan bahawa ianya sedang dalam proses penubuhannya.

## HUKUMAN MATI SEJAK MERDEKA — BILANGAN

**20. Tuan R. Karpal Singh** minta Menteri Undang-undang menyatakan bilangan hukuman mati kehakiman di dalam negeri sejak Merdeka dan sama ada Kerajaan bercadang mengharamkan hukuman mati kerana ianya tidak menjadi penghalang.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-Undang Malaysia [Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]:** Bilangan banduan yang telah menjalani hukuman gantung (mati) di dalam negara sejak merdeka sehingga 16 Julai 1993 ialah seramai 388 orang. Setakat ini Kerajaan belum lagi bercadang untuk menghapuskan hukuman mati.

**PENDATANG VIETNAM —  
SYARAT KERAKYATAN**

**21. Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) apakah kemahiran yang ada pada pendatang Vietnam menjadi syarat untuk mereka mendapatkan hak kerakyatan; dan
- (b) tidakkah syarat ini amat mudah untuk dipenuhi dan ianya pasti akan menjejaskan atau menutup peluang pekerjaan penduduk tempatan.

**Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad:** Pendatang Vietnam yang berada di negara ini adalah dikategorikan sebagai Pendatang Tanpa Izin. Oleh itu, mereka tidak layak memohon kerakyatan negara ini. Kehadiran mereka di negara ini adalah untuk satu tempoh jangka pendek sahaja dan mereka akan dihantar ke negara ketiga ataupun dihantar pulang ke negara asal mereka kemudiannya.

**SIJIL KEWARGANEGARAAN  
(ARTICLE 30)—JUMLAH  
DITERIMA**

**22. Tuan Kerk Kim Hock** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah sijil kewarganegaraan (Article 30) yang telah diterima oleh Jabatan Pendaftaran Negara untuk proses pengesahan;
- (b) berapa di antaranya di mana proses pengesahan telah selesai.

**Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad:**

- (a) Jumlah sijil kewarganegaraan di bawah perkara 30 perlembagaan yang telah diterima oleh Jabatan

Pendaftaran Negara untuk proses pengesahan ialah sebanyak 159,812.

- (b) Jumlah yang telah selesai ialah sebanyak 159,680.

**RAKYAT TERMISKIN  
MENGIKUT NEGERI —  
BILANGAN**

**23. Tuan Mohamed Khaled bin Nordin** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) bilangan rakyat termiskin mengikut negeri;
- (b) daripada jumlah tersebut berapa ramai yang tinggal di bandar dan berapa ramai yang daripada luar bandar; dan
- (c) sejauhmanakah tabung Amanah Ikhtiar Malaysia dan Skim Pinjaman Amanah Saham Bumiputera dijayakan untuk membantu golongan miskin dalam negeri ini.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:**

- (a) Berdasarkan Kajian Pendapatan Isirumah 1990, bilangan keluarga termiskin mengikut negeri adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Bilangan</i>
Perlis	1,400
Kedah	23,600
Pulau Pinang	4,600
Perak	20,000
Selangor	5,200
Wilayah Persekutuan	1,400
Negeri Sembilan	3,000
Melaka	4,100
Johor	7,200

<i>Negeri</i>	<i>Bilangan</i>
Pahang	4,800
Terengganu	15,300
Kelantan	60,700
Sabah	24,700
Sarawak	11,100
Jumlah	<u>143,100</u>

(b) Daripada jumlah 143,100 keluarga termiskin tersebut, 123,066 keluarga adalah di luar bandar dan 20,034 keluarga di bandar.

(c) (i) Semenjak ditubuhkan dalam tahun 1989 sehingga kini, Amanah Ikhtiar Malaysia, melalui Skim Pinjaman Ikhtiar telah menubuhkan 34 buah cawangan untuk mengawasi 21,178 sahabat/peminjam yang telah mendapat faedah dari skim tersebut. Tumpuan skim ini adalah kepada golongan miskin yang berpendapatan kurang daripada RM250.00 sebulan. Skim ini telah berjaya membantu meningkatkan pendapatan purata sahabat daripada RM198.00 sebulan kepada RM466.00 sebulan. Kualiti hidup mereka juga telah bertambah baik seperti keadaan rumah yang lebih selesa dan amalan pemakanan yang lebih seimbang. Di samping itu, skim ini juga telah membawa perubahan positif dalam sikap sahabat/peminjam dan menjadikan mereka lebih yakin untuk menghadapi masa depan.

(ii) Semenjak dilancarkan pada bulan Mac tahun lalu, skim pinjaman Amanah Saham Bumiputera untuk Program Pembangunan Rakyat Termiskin (ASB-PPRT) telah mengeluarkan pinjaman sejumlah RM497.1 juta kepada 99,417 keluarga termiskin iaitu 69.5% daripada jumlah keluarga miskin berdaftar. Pada tahun 1992 dividen berjumlah RM10.78 juta telah dibayar kepada 6,844 peminjam. Secara puratanya peminjam telah mendapat dividen pada kadar 4% bersamaan dengan lebih kurang RM200.00 setahun dan wang dividen ini dapat mengurangkan beban perbelanjaan sekolah anak-anak peminjam.

#### WARGANEGARA ASING — BILANGAN YANG DITAHAN

24. Tuan Wong Wing On minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan warganegara asing yang kini ditahan oleh pihak polis atau pihak berkuasa imigresen dan juga nyatakan:

- (a) jenis kesalahan mereka;
- (b) pecahan mengikut negara asal;
- (c) pecahan mengikut jantina; dan
- (d) sama ada Kerajaan Malaysia giat menghubungi Kerajaan-kerajaan negara asal tahanan itu dan membuat aturan supaya mereka akan dihantar balik ke negara-negara asal mereka.

**Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan warganegara asing

yang sedang ditahan di depot-depot imigresen pada masa ini berjumlah 5,481 orang.

- (a) Jenis kesalahan yang dilakukan ialah masuk secara haram, tinggal lebih masa dan bekerja tanpa pas.
- (b) dan (c) Warganegara asing yang ditahan di depot-depot Imigresen terdiri daripada 4915 orang lelaki, 395 orang perempuan dan 172 orang kanak-kanak. Mereka ini berasal dari negara Indonesia, Bangladesh, Myanmar, India, Nepal, Thailand, Pakistan, Sri Langka, Ghana, Filipina, Kampuchea, Nigeria, Sudan, Malawi dan Iran.
- (d) Pihak berkuasa sentiasa berurus dengan Pejabat-pejabat Perwakilan Asing bagi mendapatkan kerjasama di dalam mengambil tindakan penghantaran pulang seseorang tahanan imigresen ke negara asal.

#### **MAS — PAKAIAN SERAGAM ANAK KAPAL**

**25. Tuan Haji Mohamad bin Sabu** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) berapakah kos sebenar yang dilibatkan untuk menukar pakaian anak-anak kapal MAS; dan
- (b) nyatakan sama ada tender terbuka atau tertutup digunakan untuk menentukan syarikat yang membekal pakaian tersebut. Aakah benar, syarikat yang berjaya itu mempunyai kaitan

dengan anak saudara Perdana Menteri.

#### **Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:**

- (a) Jumlah kos sebenar yang terlibat untuk menukar pakaian anak-anak kapal MAS adalah RM28.5 juta.
- (b) MAS telah memilih tender terhadap (restricted tender) untuk menentukan syarikat-syarikat yang membekal pakaian anak-anak kapal MAS. Adalah tidak benar syarikat-syarikat yang berjaya mempunyai kaitan dengan anak saudara Perdana Menteri.

#### **PERTUBUHAN MAJLIS HAL EHWAL PENGGUNA — KEBERKESANAN**

**26. Puan Rohani binti Abd. Karim** meminta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan apakah keberkesanan Pertubuhan Majlis Hal Ehwal Pengguna dan negara ini; setakat ini berapa banyakkah Majlis Hal Ehwal Pengguna telah ditubuhkan. Sila senaraikan.

**Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar]:** Majlis Hal Ehwal Pengguna Negeri telah diluluskan penubuhannya oleh Jemaah Menteri pada 6hb November 1991 dan selesai ditubuhkan disetiap negeri sebelum akhir tahun 1992. Majlis-majlis ini ditubuhkan untuk:

- (i) merancang, menyelaras dan melaksanakan aktiviti-aktiviti kepenggunaan;
- (ii) memberi pandangan dan mengemukakan syor-syor

- kepada Kerajaan Negeri berkaitan dengan kepenggunaan; dan
- (iii) menjadi sumber maklumat dalam membantu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna serta Majlis Penasihat Pelindung Pengguna Kebangsaan (MPPPK) menjalankan tugasnya. Secara amnya Majlis ini merupakan forum perbincangan bagi isu-isu pengguna di antara Kerajaan, Peniaga dan Pengguna.
- (2) Keberkesanan Majlis ini boleh dilihat dari segi pelaksanaan aktiviti-aktiviti kepenggunaan seperti berikut:
- (i) Menjalankan aktiviti-aktiviti kepenggunaan di peringkat negeri dan daerah masing-masing untuk meningkatkan kesedaran, kefahaman, serta pengetahuan rakyat dalam hal-hal kepenggunaan. Dalam aspek ini, Majlis telah mengadakan sambutan Hari Pengguna Sedunia di peringkat negeri, melaksanakan Kuiz Pengguna Sekolah Menengah di peringkat negeri dan daerah dan aktiviti-aktiviti kepenggunaan lain, iaitu Seminar Pendidikan Seminar Pendidikan Pengguna, Pameran Kepenggunaan dan Ceramah Pengguna bagi berbagai kumpulan. Semua aktiviti ini mendapat sambutan dan penyertaan rakyat yang sangat memuaskan.
- (ii) Sebagai forum perhubungan rasmi antara pengguna peniaga dan Kerajaan, Majlis telah memberi pandangan-pandangan kepada Kerajaan mengenai isu-isu pengguna yang perlu diberi perhatian di peringkat Kerajaan Negeri. Pandangan ke atas isu-isu misalnya berkaitan dengan alam sekitar telah dapat mempengaruhi Kerajaan dalam membuat keputusan-keputusan penting.
- (iii) Dari masa ke semasa Majlis menyampaikan kepada Kementerian maklumat-maklumat mengenai isu-isu kepenggunaan dan cadangan-cadangan tindakan untuk mengatasinya. Pengerusi-pengerusi Majlis adalah juga ahli-ahli Majlis Penasihat Pelindung Kebangsaan (MPPPK) dan sentiasa mengadakan perbincangan dan pertukaran fikiran dengan ahli-ahli lain dalam mesyuarat-mesyuarat MPPPK.
- (3) Secara amnya, melalui perbincangan-perbincangan, Majlis telah dapat merapatkan hubungan antara wakil-wakil peniaga serta sektor korporat. Pegawai-pegawai Kerajaan dan wakil-wakil pengguna yang menghasilkan tindakan-tindakan segera diambil ke atas isu-isu yang dibangkitkan oleh pihak-pihak yang berkenaan. Secara tidak langsung, Majlis juga dapat membimbing dan menyokong aktiviti Persatuan Pengguna-Pengguna di peringkat ini.
- (4) Pada keseluruhannya, Kementerian berpendapat MHEPN telah

membuktikan keberkesannya. Pada masa ini, Kementerian sedang mengambil tindakan bersama-sama dengan Kerajaan Negeri menubuhkan Majlis ini di peringkat Daerah, supaya kesedaran pengguna dapat disebar luaskan kepada penduduk-penduduk luar bandar.

### **KWSP — PENGELUARAN PERUBATAN**

**27. Tuan G. Palanivel** minta Menteri Kewangan menyatakan adakah Kementerian memberi perhatian kepada KWSP supaya ahli-ahlinya boleh mengeluarkan sebahagian daripada simpanan mereka bagi tujuan perbelanjaan perubatan.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan untuk membenarkan pencarum KWSP mengeluarkan simpanan mereka bagi tujuan perbelanjaan perubatan masih di bawah kajian Kerajaan. Sepertimana Yang Berhormat sedia maklum, tujuan utama penubuhan KWSP adalah untuk menentukan pencarum mempunyai bekalan kewangan yang mencukupi di hari tua mereka. Oleh itu kemudahan pembiayaan perubatan yang dirancang kepada pencarum-pencarum KWSP adalah lebih ditumpukan untuk memenuhi kehendak-kehendak pencarum selaras dengan objektif KWSP.

### **DASAR LUAR NEGARA — PERUBAHAN SESUAI DENGAN ORDER BARU DUNIA**

**28. Tuan Mohamed Kamal bin Hussain** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah dasar luar negara telah diubah bagi menyesuaikan dengan Order Baru Dunia yang

memperlihatkan keangkuhan kuasa-kuasa besar menggunakan kekuatan persenjataan mereka untuk mempermainkan negara-negara lemah. Adakah Bangsa-Bangsa Bersatu cukup berwibawa menyelesaikan permasalahan dunia dan apakah Malaysia mendapati perlu perubahan-perubahan radikal kepada PBB bagi menjaga kepentingan semua negara-negara anggota.

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Semenjak mencapai kemerdekaan Malaysia telah berjaya menggariskan suatu landasan yang mantap dalam penggubalan dasar luarnya. Dasar yang mantap itu telah membolehkan negara kita menghadapi berbagai-bagai dugaan dan cabaran.

Untuk makluman Yang Berhormat, kita sentiasa peka dengan perubahan-perubahan di peringkat antarabangsa dan sentiasa bersikap pragmatik dalam usaha mencapai objektif dasar luar kita tanpa mengkompromikan prinsip-prinsip asas kita.

Malaysia berpendapat bahawa sebarang pembentukan order baru dunia harus memberi peranan yang kukuh dan penting kepada PBB. Setakat ini, PBB melalui sokongan yang diberikan kepadanya telah memainkan peranan positif dalam membantu menyelesaikan pelbagai konflik di beberapa pelusuk dunia. Malaysia percaya PBB akan berupaya melaksanakan dengan sepenuhnya tanggungjawabnya sepertimana yang digariskan dalam Piagam PBB sekiranya ia mendapat sokongan yang padu dari semua negara ahli. Dalam hubungan ini Malaysia percaya bahawa beberapa perubahan harus dibuat kepada struktur Badan Dunia ini supaya ianya akan lebih demokratik, adil dan saksama dalam

keputusannya. Untuk tujuan ini Malaysia telah menggesa supaya rombakan dibuat kepada badan-badan utama PBB terutamanya Majlis Keselamatan PBB.

**KOLEJ TAR —  
PENGIKTIRAFAN KURSUS SIJIL  
DAN DIPLOMA—BILANGAN**

**29. Tuan Chian Heng Kai** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) bilangan kursus Sijil dan Diploma yang ada di Kolej TAR pada masa sekarang dan sebutkan setiap nama Sijil dan Diploma itu mengikut pecahan (i) yang telah diiktirafkan oleh Kerajaan dan (ii) yang belum diiktirafkan;
- (b) sudahkah Kabinet diberitahu mengenai Projek Pulau Langkawi yang dilancarkan oleh MCA. Jika ya, sebutkan tarikhnya; dan
- (c) berapakah peruntukan dipohon oleh MCA untuk membiayai projek ini, tarikh permohonan peruntukan dan apakah keputusan Kerajaan.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Othman bin Abdul]:**

- (a) Kursus-kursus di peringkat Sijil dan Diploma yang ditawarkan oleh Kolej Tuanku Abdul Rahman (TAR) adalah seperti berikut:

(I) School of Arts and Science

- (i) Bachelor or Science (Campbell University U.S.A.)
- (ii) Diploma in Science

(iii) Certificate in Computer Programming and Information Processing (C.P.I.P.).

(iv) Certificate in Computing with Accounting (C.C.A.).

(v) Certificate in Computer Studies (C.C.S.).

(vi) Data Processing Management Part I – IV (D.P.M.).

(II) School of Business Studies

(i) Diploma in Commerce (Financial Accounting)

(ii) Diploma in Commerce (Business Management)

(iii) Diploma in Commerce (Management Accounting)

(iv) Malaysian Association of Certified Public Accountants (M.A.C.P.A.)

(v) Chartered Association of Certified Accountants (A.C.C.A.), U.K.

(vi) Institute of Chartered Secretaries and Administrators II (I.C.S.A.), U.K.

(vii) Chartered Institute of Management Accountants (C.I.M.A.), U.K.

(viii) Certified in Accounting with Business Computing (C.A.B.C.)

(III) School of Technology

(i) Diploma in Technology (Building)

(ii) Diploma in Technology (Electroni Engineering)

(iii) Diploma in Technology (Materials Engineering)

- |  |  |
|--|--|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>(iv) Diploma in Technology (Mechanical and Manufacturing Engineering)</li> <li>(v) Certificate in Technology (Architecture)</li> <li>(vi) Certificate in Technology (Building)</li> <li>(vii) Certificate in Technology (Civil Engineering)</li> <li>(viii) Certificate in Technology (Quality Surveying)</li> <li>(ix) Certificate in Technology (Electronic Engineering)</li> <li>(x) Certificate in Technology (Materials Engineering)</li> <li>(xi) Certificate in Technology (Mechanical Engineering)</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>(e) Sijil Teknologi (Binaan);</li> <li>(f) Sijil Teknologi (Kejuruteraan Bahan-Bahan);</li> <li>(g) Sijil Teknologi (Ukur Bahan);</li> <li>(h) Sijil Dalam Perkomputeraan Dengan Perakuan; dan</li> <li>(i) Sijil Dalam Pengajian Komputer.</li> <li>(b) Tidak</li> <li>(c) Tidak berkenaan.</li> </ul> |
|--|--|

**PERDAGANGAN —  
KOORDINASI KERAJAAN  
PUSAT/NEGERI**

Pada masa ini, dua Diploma Kolej TAR telah diberi pengiktirafan oleh Kerajaan sebagai setaraf dengan Diploma Keluaran Institut Teknologi MARA (ITM), iaitu Diploma Perdagangan (Perakaunan dan Kewangan) dan Diploma Perdagangan (Pengurusan dan Perniagaan). Di peringkat persijilan, Kerajaan telah mengiktiraf sembilan jenis Kolej TAR sebagai setaraf dengan Sijil Keluaran Politeknik Ungku Omar (PUO) iaitu seperti berikut:

- (a) Sijil Teknologi (Kejuruteraan Awam);
- (b) Sijil Teknologi (Kejuruteraan Elektronik);
- (c) Sijil Teknologi (Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan);
- (d) Sijil Teknologi (Seni Bina);

**30. Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan memandangkan pada suatu masa dahulu, misi dan rombongan perdagangan dan pelaburan hanya dikelolakan khusus oleh Kementerian beliau, tetapi pada masa ini, Kerajaan-Kerajaan Negeri pula berlumba-lumba menghantar misi dan rombongan mereka secara bersendirian dan ini menunjukkan tiada ada koordinasi dalam usaha Kerajaan Persekutuan menarik pelabur asing dan ini boleh mengancam dasar perindustrian Kerajaan Persekutuan kerana kerajaan-kerajaan negeri memerlukan sokongan Kerajaan Persekutuan dari segi kemudahan asas seperti bekalan tenaga dan air. Apakah tindakan yang beliau hendak ambil.

2.8.1993

**50. Puan Lim Lay Hoon** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan sama ada benar atau tidak bahawa Negeri Kedah selalu dikecualikan

daripada menyertai misi dan promosi dagangan antarabangsa anjuran Kerajaan Pusat. Jika tiada, sila senaraikan:

- (a) bilangan misi dan promosi dagangan ke luar Negeri yang dianjurkan oleh Kementeriannya; dan
- (b) bilangan misi dan promosi dagangan ke luar Negeri yang dianjurkan oleh Kementeriannya di mana Negeri Kedah dijemput turut.

**Menteri Perdagangan Antara-bangsa dan Industri [Dato' Seri Rafidah Aziz]:** Izinkan saya menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Y.B. Puan Hajah Rahibah binti Haji Abdul Manap bersama-sama dengan soalan Y.B. Lim Lay Hoon (2 Ogos 1993), kerana kedua-dua soalan itu meliputi perkara yang sama.

Di bawah Rancangan Jangka Panjang Kedua (OPP2) Kerajaan telah menetapkan supaya ekonomi negara mencapai pertumbuhan sebanyak 7 peratus setahun. Untuk mencapai matlamat ini sektor perindustrian telah dikenalpasti sebagai daya penggerak pembangunan ekonomi negara. Menjelang tahun 2000, sektor ini akan menyumbangkan 37.2% daripada Keluaran Negara Kasar. Dalam hubungan ini, prestasi pelaburan asing dalam sektor perindustrian mempunyai peranan yang penting dalam mencapai matlamat pembangunan ekonomi negara.

Rancangan Malaysia ke Enam (RM 6) menjangkakan pelaburan sebanyak RM 80 ribu juta dalam sektor perindustrian. Pelaburan asing akan menyumbangkan hampir 40% daripada jumlah tersebut. Oleh itu ada pentingnya

Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri berkerjasama untuk mencapai matlamat tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peranan Kerajaan Pusat adalah untuk meyakinkan bakal pelabur-pelabur asing tentang iklim pelaburan di Malaysia dan membuka jalan, dan terpulanglah kepada Kerajaan-Kerajaan Negeri untuk mengambil kesempatan membuat lawatan-lawatan susulan bagi merebut dan menarik pelabur-pelabur asing ke negeri masing-masing.

Penyertaan dalam rombongan galakan perdagangan dan pelaburan adalah terbuka kepada semua pihak termasuk Kerajaan-Kerajaan Negeri, Perbadanan Pembangunan Ekonomi Negeri (SEDC), anak-anak syarikat SEDC dan pengusaha-pengusaha swasta tempatan. Untuk tahun ini, Kementerian telah menganjurkan sebanyak 4 rombongan galakan perdagangan dan pelaburan dan 5 lagi rombongan akan dianjurkan sehingga akhir tahun ini. Kerajaan-Kerajaan Negeri telah memberi sambutan yang baik kepada program-program tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Y.B. Menteri Besar Pahang dan Perak serta wakil-wakil SEDC Pahang, Kedah, Perak, Johor, Melaka, Terengganu dan PDC Pulau Pinang telah menyertai rombongan galakan perdagangan dan pelaburan tahun ini.

#### SUKAN — GANJARAN KEPADA JAGUH

**31. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan Sukan SEA telah berakhir dan Malaysia telah meraih 43 pingat emas, 45 pingat perak dan 65 pingat gangsa, sumbangan terbesar pingat-pingat itu ialah dari pasukan olahraga dan bowling dan yang demikian:

- (a) apakah ganjaran dan insentif yang akan diberi kepada mereka ini selain dari RM1,500 untuk pingat emas, RM1,000.00 bagi pemecah rekod sebagaimana yang telah dijanjikan;
- (b) ke manakah 'wira' badminton negara menghilang apabila kita memerlukan perkhidmatan mereka. Apakah benar mereka ini bukan sahaja jaguh kampung tetapi juga mata duitan dan tidak patriotik; dan
- (c) apakah tindakan Kementerian supaya jaguh dan wira sukan ini dapat menyumbang tenaga dan mengharumkan nama negara di samping mencari kemenangan peribadi glamour dan sumber kekayaan.

**Menteri Belia dan Sukan [Dato' Haji Annuar bin Musa]:** Soalan ini telah dijawab pada 20 Julai, 1993.

**PENDIDIKAN —  
MENYESUAIKAN SUKATAN  
PELAJARAN DENGAN  
WAWASAN 2020**

**32. Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman** minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah beliau mempunyai rancangan untuk mengubahsuaikan sukatan pendidikan yang ada sekarang supaya sesuai dengan strategi Wawasan 2020 yang disediakan oleh Jabatan Perdana Menteri.

**Dato' Amar Haji Sulaiman bin Haji Daud:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sukatan pelajaran yang ada sekarang adalah sejajar dengan hasrat dan cita-cita dalam Wawasan 2020. Oleh itu, perkara berkenaan tidak perlu dipersoalkan.

**FILEM — PENAYANGAN UNSUR  
GANAS OLEH TV**

**33. Tuan Fong Kui Lun** minta Menteri Penerangan menyatakan tentang sejak akhir-akhir ini RTM dan TV3 sering menayangkan filem dan drama berunsurkan keganasan seperti pendekar yang melibatkan penggunaan senjata dan adakah menjadi dasar Kerajaan menggalakkan keganasan seperti ini.

**Menteri Penerangan [Dato' Mohamed bin Rahmat]:** Pada dasarnya Kerajaan tidak membenarkan keganasan dalam rancangan-rancangan yang disiarkan melalui televisyen.

Semua rancangan yang ditayangkan melalui stesen-stesen TV ditapis Lembaga Penapisan Filem. Bagi siaran RTM ianya ditapis sekali lagi sebelum disiarkan.

Rancangan-rancangan seperti pendekar menggambarkan corak hidup masyarakat mengikut perjalanan cerita pada ketika tertentu. Ianya menggambarkan pelakon utama dan pelakon sampingan sebagai membela keadilan. Filem-filem dan Drama-drama yang ditayangkan mengandungi unsur-unsur budaya Nasional, nilai-nilai murni sejagat dan nilai-nilai positif.

**RM5 DAN RM6 — JUMLAH  
PERUNTUKAN DAN  
RANCANGAN YANG DISALUR  
KEPADA PERAK**

**35. Tuan Lau Dak Kee** minta Menteri Kesihatan menyatakan berapa rancangan dan peruntukan dalam RM5 dan RM6 telah dan akan disalurkan kepada Negeri Perak. Adakah Kementerian menganggap peruntukan tersebut mencukupi untuk meningkatkan taraf Kesihatan yang dijangkakan, jika tidak, apakah Rancangan dan Peruntukan akan datang.

**Dato' Mohamed Farid bin Ariffin:**  
Peruntukan sebanyak RM144,399,010 telah disediakan untuk Negeri Perak dalam tempoh RM6 untuk projek-projek berikut:

Bil.	Nama Program/Projek	Peruntukan RM
1.	Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar	19,533,000
2.	Memperbaiki Kemudahan Kesihatan	23,014,000
3.	Hospital Daerah Teluk Intan	72,917,000
4.	Hospital Besar Ipoh	896,000
5.	Hospital Daerah Sri Manjung	35,000
6.	Hospital Daerah Selama	18,391,000
7.	Hospital Daerah Sungai Siput	8,500,010
8.	Kemudahan Perkhidmatan Pergigian	446,000
9.	Pasukan Pergigian Bergerak Kroh	16,000
10.	Perkhidmatan Ubatan dan Setor (Perubatan)	31,000
11.	Asrama dan Rumah Rasmi Jabatan	407,000
12.	Pembelian Kenderaan	213,000
		144,399,010

Sebanyak RM186,639,000 telah disediakan bagi tempoh RM6 untuk projek-projek berikut:

Bil.	Nama Program/Projek	Peruntukan RM
1.	Latihan	7,150,000
2.	Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar & Pencegahan Kesihatan	13,439,000

3.	Bekalan Air dan Kebersihan	6,456,000
4.	Kemudahan Kesihatan	33,248,000
5.	Pelan Induk dan membangun semua Hospital Daerah Taiping	6,265,000
6.	Hospital Daerah Sungai Siput	32,825,000
7.	Hospital Daerah Sri Manjung	71,529,000
8.	Hospital Daerah Selama	1,379,000
9.	Hospital Daerah Slim River	500,000
10.	Perkhidmatan Psikiatri	13,848,000
		186,639,000

Selain dari itu, Pejabat Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan Negeri Perak juga diberikan peruntukan untuk perbelanjaan mengurus seperti berikut:

1991	—	RM133,239,623
1992	—	RM147,240,830
1993	—	RM152,816,749

Peruntukan di atas dianggap mencukupi bagi keperluan Negeri Perak untuk meningkatkan taraf kesihatan di negeri tersebut.

### PERTAHANAN — NEGARA YANG MENGADAKAN PERJANJIAN DENGAN MALAYSIA

**36. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang** minta Menteri Pertanian menyatakan:

(a) nama-nama negara yang telah mengadakan perjanjian pertahanan dengan Malaysia dan tahun ianya ditandatangani;

(b) apakah alasan-alasan untuk mengadakan perjanjian tersebut bagi setiap buah negara; dan

- (c) apakah ada di antara perjanjian tersebut yang telah dimansuhkan dan nyatakan sebab-sebab di atas tindakan tersebut.

**Menteri Pertahanan [Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak]:**

- (a) Nama negara-negara yang telah mengadakan perjanjian pertahanan dalam bentuk Memorandum Persefahaman dengan Malaysia dan tahun ianya ditandatangani adalah seperti berikut:

<i>Negara</i>	<i>Tahun</i>
(i) United Kingdom	1988
(ii) Papua New Guinea	1991
(iii) Brunei	1992
(iv) Indonesia	1992
(v) India	1993
(vi) Peranchis	1993

- (b) Secara amnya, tujuan bagi mengadakan Memorandum Persefahaman tersebut dengan setiap negara berkenaan ialah bagi mengeratkan hubungan dan mewujudkan kerjasama di antara kedua-dua buah Angkatan Tentera khususnya dari segi peralatan ketenteraan, kerjasama industri dan teknologi pertahanan, latihan serta lawatan anggota tentera.
- (c) Tidak ada sebarang Memorandum Persefahaman tersebut yang dimansuhkan setakat ini.

### **SELAT MELAKA — TOL BAGI KAPAL-KAPAL DAGANG**

**37. Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Abdul Rahman** minta Menteri Pengangkutan menyatakan berhubung dengan cadangan Kerajaan untuk mengadakan Sistem Tol terhadap kapal-kapal perdagangan yang menggunakan laluan Selat Melaka untuk mengawal dan menjaga perairan Selat Melaka dari pencemaran. Bagaimanakah Sistem Tol ini akan dilaksanakan. Apakah halangan-halangan dan apakah tindakan lain yang akan diambil sekiranya Sistem ini tidak dapat dilaksanakan.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Di bawah Undang-undang Kelautan Antarabangsa (UN Convention On The Law of the Sea) 1982, negara pantai tidak boleh mengenakan apa-apa caj atau levi ke atas laluan lautan di wilayahnya, kecuali levi-levi yang dikenakan itu ada berhubung dengan perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan oleh sesebuah negara itu. Oleh yang demikian Malaysia bersama-sama dengan Indonesia dan Singapura sedang membincangkan langkah-langkah untuk mendapatkan sumbangan daripada pengguna-pengguna Selat bagi tujuan pelaksanaan langkah-langkah keselamatan serta penyelenggaraan di Selat Melaka.

### **SKIM PINJAMAN TANPA FAEDAH (SPTF) — JUMLAH HAD NILAI**

**38. Tuan Shahidan bin Kassim** minta Menteri Kewangan menyatakan berapakah jumlah had nilai yang dibolehkan untuk meminjam dalam Skim Pinjaman Tanpa Faedah (SPTF), dan siapakah yang layak untuk meminjam dalam SPTF. Apakah faedah yang diperolehi melalui SPTF dan berapa lamakah tempoh pinjaman tersebut.

Apakah Kerajaan sedia menghadapi risiko sekiranya rancangan SPTF ini tidak berjaya dan sekiranya berjaya apakah langkah-langkah yang akan dijalankan seterusnya.

28.7.1993

**14. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) apakah perkembangan terakhir setelah pihak Kementerian memperkenalkan Skim Perbankan Tanpa Faedah (SPTF) di beberapa buah bank di Malaysia; dan
- (b) senarai bank-bank yang masih belum mengamalkan skim ini dan apakah alasan-alsannya.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Oleh kerana pertanyaan berkaitan dengan perkara yang sama telah juga dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Marang yang dijadualkan dijawab pada 27 Julai 1993, saya mohon untuk menjawab pertanyaan-pertanyaan itu serentak sekarang. Skim Perbankan Tanpa Faedah (SPTF) telah dilancarkan pada 4 Mac 1993 dengan penyertaan awal oleh tiga buah bank yang terkemuka di negara ini, iaitu Maybank, Bank Bumiputera Malaysia Berhad dan United Malayan Banking Corporation Berhad dan disertai di rangkaian cawangan bank-bank tersebut yang terdapat di seluruh negara.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, SPTF ialah sebuah skim di mana institusi-institusi kewangan dibenarkan untuk menawarkan produk-produk perbankan yang tidak melibatkan faedah. Dengan demikian, Skim Perbankan Islam dapat dikembangkan secara lebih meluas dengan menggunakan infrastruktur perbankan yang sedia ada.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, di bawah Garis Panduan, SPTF tidak ada jumlah had nilai yang ditetapkan bagi peminjam di bawah Skim SPTF tersebut. Walau bagaimanapun, selaras dengan peruntukan di dalam Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989, had pinjaman bagi *seorang* pelanggan adalah setakat 30 peratus dari dana pemegang saham sesebuah institusi kewangan tersebut. Peruntukan tersebut telah diperkenalkan bagi memastikan sesebuah institusi kewangan itu tidak menanggung risiko yang tinggi akibat daripada memberikan tumpuan yang berlebihan dalam pemberian pinjaman kepada seseorang pelanggan. Mengenai kelayakan untuk meminjam, Skim SPTF ini adalah terbuka kepada semua yang layak, sama ada orang Islam atau bukan Islam, asalkan ia memenuhi syarat-syarat pinjaman seperti mana yang ditetapkan oleh sesebuah institusi kewangan tersebut. Tempoh sesuatu pembiayaan diberikan di bawah SPTF adalah tertakluk kepada jenis pembiayaan dan keperluan/kemampuan seseorang peminjam.

Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, pihak Kerajaan, khususnya Bank Negara Malaysia telah mengambil tempoh yang agak lama di dalam membuat kajian sebelum SPTF ini dilancarkan, dengan mengambilkira berbagai fakta termasuklah daya maju SPTF itu sendiri. Kejayaan Bank Negara dan tanda-tanada awal kejayaan yang dicapai oleh bank-bank yang telah menyertai SPTF setakat ini adalah menunjukkan bahawa SPTF ini mempunyai masa depan yang cerah.

Sehubungan dengan itu, SPTF kini diperkembangkan ke seluruh institusi kewangan di negara ini, meliputi bank-bank perdagangan, bank saudagar dan

syarikat-syarikat kewangan. Pada masa ini, beberapa buah institusi kewangan termasuk beberapa buah bank asing telah menunjukkan minat yang tinggi untuk menawarkan SPTF di institusi kewangan masing-masing. Malah ada beberapa buah di antaranya yang akan melancarkan Skim tersebut tidak lama lagi. Kementerian Kewangan akan sentiasa mengawasi perjalanan skim ini bagi memastikan ianya berjalan dengan lancar.

### **SENJATA API— PENYELUDUPAN KE MALAYSIA**

**39. Tuan Mohamed Kamal bin Hussain** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bagaimanakah perangkaan-perangkaan senjata api yang telah diseludup masuk ke Malaysia sehingga Jun 1993;
- (b) apakah cara-cara penyeludupan dan dari negara manakah senjata tersebut diperolehi;
- (c) bagaimana dan dari mana penjenayah P. Kalimuthu mendapat senjata sehingga pembunuhan bersenjata begitu mudah dilakukan; dan
- (d) bagaimanakah perangkaan dan kadar jenayah di negara ini sehingga Jun 1993 yang melibatkan penggunaan senjata api.

**Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad:**

- (a) Sejak Januari 1991 hingga Jun 1993 sejumlah 334 pucuk senjatapi yang diseludup masuk ke negara ini telah dirampas dari penjenayah-penjenayah di Malaysia;

(b) Senjatapi diseludup masuk ke negara ini ialah dengan cara diselitkan pada badan, disembunyikan di antara barang-barang dan pakaian dan disembunyikan di dalam kenderaan bermotor atau sampan. Kesemua senjatapi tersebut diseludup ke negara ini melalui negara-negara jiran.

(c) Senjatapi yang digunakan oleh P. Kalimuthu dipercayai dibeli dari negara jiran dan diseludup masuk ke negara ini. Dari tiga pucuk senjatapi yang dirampas, dua adalah buatan Jerman dan sepucuk lagi buatan Sepanyol.

(d) Dari Januari hingga Jun 1993 terdapat sejumlah 553 kes jenayah yang melibatkan penggunaan senjatapi.

### **ELEKTRIK — KERUGIAN KEPADA KERAJAAN AKIBAT GANGGUAN**

**40. Tuan Chian Heng Kai** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) Kerugian masa kerja (jam atau hari) pejabat-pejabat dan Jabatan-Jabatan Kerajaan akibat daripada gangguan tenaga elektrik, "brown outs" dan "load shedding" sejak 1991 hingga 30 Jun 1993 dan berapa kerugiannya dalam aspek kewangan;
- (b) Sama ada kejayaan Wawasan 2020 telah sedang dan akan dipengaruhi. Jika ia, sebutkan butir-butirnya. Jika tidak mengapa; dan
- (c) Apakah Kabinet berpuas hati tentang prestasi Menteri berkenaan dalam hal ini. Jika tidak,

apakan tindakan telah, sedang dan akan diambil kepadanya.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Othman bin Abdul]:**

- (a) Kerajaan tidak menyimpan data mengenai kerugian masa kerja pejabat-pejabat dan Jabatan-Jabatan Kerajaan akibat daripada gangguan tenaga elektrik;
- (b) kekurangan tenaga elektrik yang dialami adalah bersifat sementara sahaja. Kekurangan ini disebabkan "reserve margin" yang tidak mencukupi, sekiranya terdapat kerosakan loji janakuasa atau terpaksa diberhentikan untuk menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan, bekalan kuasa elektrik akan berkurangan. Keadaan kekurangan "reserve margin" telah timbul kerana pertumbuhan ekonomi yang pesat dan pada kadar luar dugaan telah mengakibatkan pertumbuhan dalam permintaan kuasa elektrik yang tinggi. Dalam jangka masa pendek adalah sukar untuk menambahkan keupayaan penjana bagi menampung permintaan tersebut. Dengan siapnya janakuasa-janakuasa baru yang sedang giat dipasang sekarang keupayaan penjana akan bertambah baik. Keadaan akan kembali normal pada pertengahan tahun depan; dan
- (c) Ya.

**PELANCONGAN — PERSIAPAN TAHUN MELAWAT MALAYSIA 1994**

**41. Tuan Jason Wong Sing Nang** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan:

- (a) bagaimanakah persiapan untuk Tahun Melawat Malaysia 1994; dan
- (b) jumlah pelancong yang dijangka akan melawat negara kita pada tahun 1994.

**Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Sabaruddin Chik]:**

- (a) Persiapan untuk Tahun Melawat Malaysia '94 telah dimulakan semenjak awal 1992 sebaik sahaja Kerajaan memutuskan pada November 1991 supaya diadakan program TMM '94.

Langkah terawal di peringkat Kementerian ialah menubuhkan beberapa Jawatankuasa yang bertanggungjawab untuk merangka, merancang dan melaksanakan beberapa program bagi melaksanakan program TMM '94.

Program pertama yang telah dilaksanakan ialah Majlis Pelancaran Kempen Publisiti TMM 1994 oleh Y.A.B. Perdana Menteri pada 1 Ogos 1992 yang lalu.

Seterusnya usaha-usaha berikut telah dan sedang dilaksanakan sebagai persiapan bagi TMM '94:

- (i) Merancang acara-acara tersebut sebagai perayaan-perayaan di sepanjang Tahun Melawat Malaysia '94 dan mengadakan beberapa pakej lawatan berdasarkan kepada pakej-pakej yang berkenaan.
- (ii) Merancang dan melaksanakan promosi Tahun Melawat Malaysia '94 di dalam dan luar negeri.

- (iii) Melengkap dan memperbaiki, dan memperindahkan infrastruktur dan produk-produk pelancongan di seluruh negara.
  - (iv) Menjalankan kempen-kempen bagi menyedarkan rakyat akan tanggungjawab mereka terhadap industri pelancongan di samping menggalakkan mereka melancong di dalam negeri.
  - (v) Menggalakkan kegiatan-kegiatan teras asas pelancongan seperti aktiviti kesenian, kempen kebersihan, memperbaiki mutu perkhidmatan pelancongan, kempen kesedaran pelancongan, mengadakan kursus bahasa pemandu pelancong, menggalakkan agensi pelancongan mengadakan pakej-pakej pelancongan yang lebih menarik, mengenalpasti dan memperbaiki produk-produk pelancongan dan mengadakan acara-acara tarikan alam semulajadi.
- (b) Seramai 7 juta orang pelancong dijangka melawat Malaysia bersempena dengan Tahun Melawat Malaysia '94.

#### **BANJIR KILAT — RANCANGAN PENCEGAHAN DI LEMBAH KELANG**

**42. Tuan Liew Ah Kim** minta Perdana Menteri menyatakan rancangan konkrit bagi mengatasi dan mencegah bencana banjir kilat di Lembah Kelang dalam tempoh lima tahun akan datang. Nyatakan juga:

- (a) jumlah peruntukan perbelanjaan yang telah ditetapkan; dan
- (b) sama ada penyelidikan dan cadangan daripada pakar-pakar antarabangsa akan dipelawa.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed]:** Projek tebatan banjir telah bermula pada tahun 1973 iaitu berikutan banjir besar yang melanda Kuala Lumpur pada tahun 1971 dan dijangka siap sepenuhnya menjelang tahun 2005. Kos keseluruhan projek ini dianggarkan sebanyak RM760 juta dan perbelanjaan terkumpul sehingga kini adalah lebih kurang RM215 juta. Ini bermakna bahawa sehingga kini hanya 30% daripada keseluruhan projek tebatan banjir telah disiapkan dan baki 70% kerja akan dilaksanakan dengan kadar segera bagi mengatasi masalah banjir di Lembah dan Sungai Klang.

Kerajaan sememangnya berusaha untuk mengurangkan masalah banjir di kawasan Lembah Sungai Klang, dengan memperkenalkan beberapa program iaitu:

- (i) Rancangan Tebatan Banjir Lembah Sungai Klang;
  - (ii) Rancangan Perparitan Wilayah Persekutuan.
  - (iii) Program 10 Tahun Pembersihan Sungai Klang.
- (a) Di bawah Rancangan Malaysia Ke-6, peruntukan sejumlah RM91.7 juta telah disediakan di bawah Rancangan Tebatan Banjir Lembah Sungai Klang, RM20 juta bagi Rancangan Perparitan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan RM10 juta bagi

program kecil Membuang Kelodak di bawah program 10 Tahun Pembersihan Sungai Klang.

- (b) Jabatan Pembetulan dan Perparitan, DBKL tidak mempunyai kepakaran di dalam sistem pembetulan, perparitan induk dan sanitasi. Dengan itu DBKL bercadang untuk mempelawa beberapa syarikat perunding untuk membuat kajian di Jabatan Pembetulan dan Perparitan, DBKL.

**BANK PERDAGANGAN  
MENGENAKAN BAYARAN  
PERKHIDMATAN KE ATAS  
PENGGUNA**

**43. Tuan Lim Eng Guan** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) keputusan muktamad Bank Negara tentang cadangan bank-bank perdagangan mengenakan bayaran perkhidmatan ke atas para pengguna;
- (b) sama ada beliau sedar rancangan ini akan menaikkan kadar inflasi, membawa beban yang berat di kalangan golongan tidak berada dan menjejaskan usaha Kerajaan menggalakkan simpanan yang lebih besar di kalangan rakyat;
- (c) adakah benar bank-bank perdagangan akan membuat keuntungan besar sebanyak RM500 juta dari bayaran perkhidmatan ini dan kalau tidak apakah jumlah yang akan dikutip oleh pihak bank; dan
- (d) adakah bank akan mengalami kerugian atau keuntungan mereka

akan merosot kalau bayaran perkhidmatan ini tidak dikenakan dan kalau tidak rasional meluluskannya.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:**  
Jawapan berkaitan dengan perkara ini telah pun dibuat pada 21 Julai 1993 iaitu semasa menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat daripada Padang Serai. Oleh itu saya tidak bercadang untuk mengulangi jawapannya.

**AIR BERSIH — BIAYA  
PEMBEKALAN KE PULAU  
REDANG**

**44. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang** minta Menteri Sains Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) berapakah jumlah pembiayaan yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri Terengganu dan Kerajaan Pusat untuk membekalkan air bersih melalui paip dasar laut dari tanah besar ke Pulau Redang, Terengganu; dan
- (b) apakah kesan projek tersebut terhadap Taman Laut yang telah diisytiharkan oleh pihak Kerajaan di persikataran pulau tersebut.

**Menteri Sains Teknologi dan Alam Sekitar [Datuk Law Hieng Deng]:**

- (a) Kerajaan Negeri Terengganu membiayai RM5.55 juta dan Kerajaan Pusat membiayai RM9.25 juta untuk membekalkan air bersih melalui paip dasar laut dari tanah besar ke Pulau Redang, Terengganu.
- (b) Adalah menjadi hasrat Kerajaan supaya projek ini tidak akan

membawa kerosakan ke atas Taman Laut di persekitaran Pulau tersebut dan sekiranya ini tidak dapat dielakkan ianya akan dikawal pada tahap paling minima. Laluan paip di dasar lautan akan ditetapkan oleh Juruperunding Projek selepas kerja-kerja ukur dasar laut dibuat dengan mengambilkira kesan ke atas kehidupan di Taman Laut.

#### **ALAM SEKITAR — KEBERKESANAN UNDANG- UNDANG**

**45. Tuan Foo Piew Kok** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada Kementerianya berpuashati dengan keberkesanan undang-undang untuk melindungi alam sekitar yang sedia ada sekarang, jika tidak, apakah kelemahan yang telah dikenalpasti dan apakah cadangan dari Kementerian untuk mengatasi kelemahan ini.

**Datuk Law Hieng Ding:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara keseluruhannya Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan-peraturan yang telah dibuat di bawahnya adalah berkesan dan lengkap untuk mencegah, menghapus dan mengawal pencemaran. Walau bagaimanapun, masalah alam sekitar pada masa ini kini merangkumi skop yang amat luas. Isu-isu baru berkaitan pencemaran dan perlindungan alam sekitar yang timbul dari semasa ke semasa menjadikan usaha-usaha pengurusan bertambah rumit. Berdasarkan keadaan ini, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah memulakan usaha mengulangkaji undang-undang alam sekitar yang sedia ada dan Jawatankuasa yang bertanggungjawab ke atas hal ini telah

mengenalpasti kelemahan-kelemahan dalam langkah perundangan dan membuat syor-syor pindaan undang-undang yang sewajarnya.

Di antara syor-syor yang dibuat adalah mengadakan peruntukan lebih berkesan dalam melindungi eksploitasi sumber-sumber alam selitar dan meningkatkan keupayaan langkah penguatkuasa yang ada. Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sedang mempertimbangkan syor-syor berkenaan dari segi kesesuaian dasar dengan melibatkan Kementerian-kementerian lain yang berkaitan sebelumnya ianya dimaklumkan kepada Jemaah Menteri.

#### **KLSE — PENGGANTUNGAN PERNIAGAAN SAHAM UNION PAPER HOLDING BHD. (UPHB)**

**46. Tuan Wee Choo Keong** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) atas dasar apakah jawatankuasa Kuala Lumpur Stock Exchange (KLSE), yang mengandungi pengarah-pengarah syarikat-syarikat ahli KLSE (Broker Saham) menggantungkan perniagaan saham-saham Union Paper Holdings Bhd. (UPHB) pada 29.6.93. Sila berikan sebab-sebab penuh kejadian tindakan tersebut oleh jawatankuasa KLSE.
- (b) atas dasar apakah jawatankuasa KLSE menetapkan harga jualan saham UPHB dengan harga RM15.20 sesaham pada 1.7.93. Sila berikan sebab-sebab sepenuhnya.
- (c) telah disiarkan dalam surat khabar bahawa Security Commission dan KLSE telah menyiasat saham-saham UPHB yang berada dalam

keadaan "CORNERED". Kenapakah saham-saham UPHB di "CONERED". Apakah keputusan penyiasatan tersebut.

- (d) adakah terdapat sebarang syarikat-syarikat broker saham ("Stock broking firms") yang terlibat dalam jualan jangka masa pendek ("short selling") dalam saham-saham UPHB. Sila berikan nama-nama orang-orang atau syarikat-syarikat broker saham yang terlibat dalam "short selling" saham-saham UPHB baru-baru ini; dan
- (e) adakah Menteri Kewangan ingin menyingkir pengarah-pengarah syarikat ahli KLSE dari menjadi ahli jawatankuasa KLSE dan menyusun semua ("reconstitute") jawatankuasa KLSE dengan orang dari luar syarikat ahli KLSE supaya memastikan bahawa jawatankuasa KLSE adalah badan yang bebas dan boleh memelihara kepentingan awam.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:**

- (a) Penggantungan perniagaan saham Union Paper Holdings Berhad (UPHB) telah dibuat pada 28.6.93 kerana disyaki terdapat unsur spekulasi berlebihan dan manipulasi di dalam kaunter tersebut. Pada biasanya apabila satu-satu kaunter itu diletakkan di bawah sekuriti bertanda, volatiliti harga tidak akan berlaku kerana ini adalah pasaran pembeli. Tetapi sebaliknya telah berlaku di mana dagangan saham UPHB di bawah status sekuriti bertanda pada hari tersebut (28.6.93) telah menunjukkan satu ciri pergerakan harga

yang berlainan. Para pembeli telah membuat permintaan sehingga menyebabkan harga melonjak tinggi daripada RM4.75 kepada RM8.10 sesaham.

Penjual-penjual juga lebih berminat untuk menjual saham mereka di pasaran biasa daripada menjual kepada belian ganti yang dijalankan oleh Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) sungguhpun harga belian ganti lebih menarik daripada harga tutup sesi pagi dan bayaran akan diperolehi lebih awal daripada jualan di pasaran biasa.

Fenomena tersebut di atas bersama dengan kegagalan BSKL untuk menyempurnakan tindakan belian ganti selama dua hari berturut-turut mendorong BSKL membentuk pendapat bahawa kanuter UPHB telah dikorner dan seterusnya digantung.

- (b) Penetapan harga belian ganti tidak boleh dilakukan secara sesuka hati. Ini tidak dibenarkan di bawah peraturan-peraturan BSKL. Walau bagaimanapun, BSKL mempunyai pilihan sama ada menokok 10 bida kepada harga penutup atau terus menokok 25% maksimum yang dibenarkan di bawah peraturan-peraturan BSKL.

Memandangkan keingkarannya yang berlaku dalam kes ini agak serius, BSKL memutuskan supaya penokokan 25% maksimum ke atas harga penutup dikenakan. Ini menjelaskan bagaimana harga RM15.20 sesaham diperolehi pada 1.7.93.

- (c) Sebab-sebab mengapa saham UPHB dikorner telah pun dijelaskan sebentar tadi.

- (d) Penyiataan masih lagi dijalankan untuk menentukan sama ada keingkaran penyerahan saham-saham UPHB yang berlaku itu berpunca daripada kegiatan jualan jangka menurun atau sebaliknya.
- (e) Kementerian Kewangan berpuas-hati dengan cara Jawatankuasa BSKL menangani isu berhubung dengan kes UPHB ini. Justeru itu, soal mengubah struktur Ahli Jawatankuasa BSKL tidak timbul. Tambahan pula sekarang ini sudah pun terdapat empat Ahli yang dilantik oleh Menteri Kewangan terdiri daripada mereka yang tidak mempunyai kepentingan di dalam mana-mana syarikat broker saham.

#### PELANCONGAN DI NEGERI PERAK — PROMOSI

**47. Tuan Lau Dak Kee** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan:

- (a) langkah-langkah yang telah diambil untuk memperbanyak dan menjayakan aktiviti-aktiviti berbentuk kebudayaan dan pelancongan di Negeri Perak;
- (b) usaha-usaha Kerajaan Pusat untuk “melawat ke Negeri Perak” dapat dimasukkan ke dalam program Kebangsaan; dan
- (c) berapa peruntukan dan sum-bangan daripada Kerajaan Pusat untuk meningkat galakan promosi pelancongan di Negeri Perak sejak 5 tahun yang lalu dan 5 tahun yang akan datang.

**Dato' Sabaruddin Chik:**

- (a) Berbagai langkah telah dan akan terus dilakukan untuk mem-

perbanyakkan aktiviti-aktiviti berbentuk kebudayaan dan pelancongan bukan sahaja di Negeri Perak malah di semua negeri seluruh Malaysia. Seperti negeri-negeri lain, bagi Negeri Perak, langkah-langkah tersebut telah dijalankan melalui program-program penggalakan, penyelidikan, perhubungan dan acara-acara. Aktiviti-aktivitinya merangkumi semua bidang kebudayaan seperti Seni Persembahan, Seni Tampak, Kesusasteraan, Nilai dan Norma yang dijalankan melalui festival, persembahan, pameran, kursus, bengkel, manifestasi, pertandingan, ceramah, seminar, penerbitan, kempen, khidmat nasihat dan sebagainya. Aktiviti-aktiviti ini akan terus diperbanyakkan dari masa ke semasa. Kerajaan Pusat juga akan membangunkan sebuah pusat kegiatan kebudayaan/kesenian di negeri Perak.

- (b) Di dalam usaha mempromosi pelancongan negara, Kementerian akan menjalankan kempennya secara umum dan menyeluruh di mana usaha-usaha dibuat bagi memperkenalkan semua produk-produk/aktiviti pelancongan yang terdapat di seluruh negara tanpa pengkhususan kepada satu-satu negeri. Di antara usaha-usaha promosi ialah menyenaraikan semua acara-acara/program pelancongan bagi setiap negeri di dalam brosur, risalah-risalah dan majalah-majalah pelancongan yang dikeluarkan sebagai bahan publisiti, mengesyorkan pakej-pakej pelancongan khas, dan mengeluarkan filem dokumentasi mengenai pelancongan domestik.

- (c) Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan tidak mempunyai perangkaan jumlah peruntukan bagi tujuan promosi pelancongan di negeri Perak sejak 5 tahun yang lalu, kerana Kementerian ini melaksanakan promosi Pelancongan bagi negara secara umum dan tidak khusus untuk sesuatu negeri tertentu. Dasar ini juga akan dipakai di masa akan datang.

### EDUCATION BLUEPRINTS

**48. Tuan Nurnikman bin Abdullah** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah persediaan-persediaan yang telah dibuat untuk menjayakan Education Blueprint bagi Negeri Sabah yang telah diumumkan baru-baru ini. Adakah Kementerian mempunyai tenaga atau manpower yang cukup untuk melaksanakan program ini dan apakah keberkesanan bagi jangka pendek dan jangka panjang program ini.

**Datuk Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara persediaan yang dibuat oleh Jabatan Pendidikan Negeri Sabah dalam menjayakan "Education Blueprints" ialah seperti berikut:

- (i) mengadakan kursus "Perancangan Strategik Pendidikan".
- (ii) mengadakan bengkel penyediaan pelan bertindak di peringkat Bahagian dan Daerah.
- (iii) penyediaan dan penulisan pelan bertindak.

Pelan bertindak ini akan diserahkan kepada Kementerian Pendidikan pada bulan Oktober 1993 untuk penelitian selanjutnya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian memang mempunyai tenaga dan kepakaran yang mencukupi untuk melaksanakan program-program pendidikan di Negeri Sabah.

Walau bagaimanapun, semua pihak sama ada golongan pendidik mahupun bukan pendidik perlu berganding bahu bagi menjayakan pelaksanaan pelan bertindak ini kelak. Adalah dijangka program ini akan memberi kesan yang positif dalam jangka pendek dan jangka panjang.

### KONGSI GELAP — LANGKAH MENGHALANG/MENUMPAS

**49. Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah langkah-langkah segera dan berkesan yang diambil untuk menghalang atau menumpas tindak-tanduk kongsi gelap atau kumpulan samseng yang menjadi ancaman kepada orang ramai, dan nyatakan:

- (a) jumlah kongsi gelap yang dikesan;
- (b) jumlah yang ditumpaskan dan jumlah yang masih bermaharajalela; dan
- (c) jenis dan bentuk aktiviti jenayah yang mereka lakukan.

**Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad:** Pihak Polis sentiasa mengadakan operasi dari masa ke semasa dalam usaha mencegah dan menumpaskan kumpulan-kumpulan kongsi gelap yang mengancam ketenteraman awam. Mereka yang didapati terlibat dengan kegiatan jenayah akan diambil tindakan mengikut peruntukan undang-undang yang ada.

- (a) Jumlah kongsi gelap yang dikenalpasti setakat ini ialah sebanyak 99 kumpulan.
- (b) Sejak Januari 1991 hingga Mac 1993 seramai 101 orang ahli kumpulan kongsi gelap telah diambil tindakan di bawah Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969. Seramai 40 orang dipercayai masih bebas dan usaha-usaha menangkap mereka sedang dijalankan.
- (c) Kegiatan jenayah yang dilakukan oleh kumpulan-kumpulan kongsi gelap melibatkan jenayah membunuh, pengedaran dadah, mendatangkan cedera dan bencana, peras ugut, merusuh, rompakan dan samun.

**MAKTAB SAINS MARA —  
PENCAPAIAN PROGRAM  
AMERICAN ASSOCIATE  
DEGREE (AAD)**

**50. Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) sejauh manakah pencapaian Program American Associate Degree (AAD) yang dijalankan di Maktab Sains Mara; dan
- (b) bagaimanakah prestasi yang ditunjukkan oleh pelajar-pelajar yang mengikuti program tersebut.

**Menteri Perusahaan Awam [Dato' Dr. Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor]:**

- (a) Pada umumnya program American Associate Degree (AAD) yang dijalankan di Maktab Sains MARA (MSM) merupakan satu

program yang berjaya. Sehingga tahun 1993, Maktab Sains MARA telah berjaya menempatkan seramai 1988 pelajar ke Universiti-universiti di Amerika Syarikat (USA). Pencapaian program ini dapat dilihat dari aspek-aspek berikut:

- (i) Sebanyak 165 buah universiti di USA telah mengiktiraf program MSM ini dan menerima perpindahan kredit dari maktab tersebut. Universiti-universiti berkenaan adalah diiktiraf oleh JPA dan badan profesional. Di antara universiti-universiti itu ialah Brown University, University of Illinois, Pennsylvania State University dan Indiana University.
- (ii) Pendedahan kepada program-program yang disusun di MSM menjadikan pelajar-pelajar berkenaan lebih matang sebelum ke luar negeri. Pendedahan ini juga dapat membantu mereka untuk mengatasi masalah-masalah sosial di negara-negara tersebut.
- (iii) Program AAD ini juga dapat menjimatkan pengaliran wang keluar negara sebanyak RM35,000 setahun bagi setiap pelajar (purata kos di USA ialah RM45,000 setahun sedangkan di MSM hanya RM10,000 setahun).
- (iv) Tempoh masa mengikuti pengajian di luar negeri juga dapat dipendekkan, misalnya pelajar-pelajar lepasan MSM dapat menamatkan pengajian

dengan Bosnia-Herzegovina. Malaysia akan terus berusaha dan bekerja rapat dengan negara-negara OIC lain ke arah mencapai penyelesaian muktamad kepada masalah Bosnia-Herzegovina.

### LAPANGAN TERBANG LONG AKAH, BANGA DAN BARIO — PEMBINAAN

**52. Tuan Harrison Ngau Laing** minta Menteri Pengangkutan menyatakan bilakah pembinaan lapangan terbang di Long Akah dimulakan dan pembinaan lapangan terbang yang baru di Long Banga dan Bario dijangka siap.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Kerja-kerja mengenalpasti tapak (sites identification) bagi Padang Terbang Long Akah sedang dijalankan. Kerja-kerja pembinaan akan dimulakan sebaik sahaja tapak untuk projek ini dikenalpasti.

Kerja-kerja pembinaan Padang Terbang Long Banga telah mencapai tahap 85% siap dan dijangka siap sepenuhnya pada akhir 1993.

Kerja-kerja sivil bagi Padang Terbang Bario sudah mencapai 50% siap dan dijangka siap pada akhir tahun ini. Tender untuk pembinaan terminal bagi padang terbang ini akan dipanggil sedikit masa lagi. Pada keseluruhannya, adalah dijangkakan bahawa lapangan terbang Baru Bario ini akan dapat digunakan sepenuhnya pada awal 1994.

### SYARIKAT MILIK KERAJAAN DISWASTAKAN — KRITERIA- KRITERIA

**53. Tuan Shahidan bin Kassim** minta Perdana Menteri menyatakan apakah kriteria-kriteria yang membolehkan

mana-mana syarikat milik Kerajaan diswastakan. Adakah syarikat ini mendapat untung pada tahun sebelumnya atau mengalami kerugian dan dengan sebab itu ia diswastakan. Sekiranya ia mengalami kerugian tidakkah ini akan membebankan syarikat yang mengam-bilalihnya nanti.

**Tuan Othman bin Abdul:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk menswastakan syarikat-syarikat miliknya dengan harapan syarikat-syarikat berkenaan dapat diuruskan dengan cekap dan efisien. Ini disebabkan Kerajaan berpendapat pihak swasta akan dapat menguruskan kegiatan komersil dengan lebih efisien memandangkan ianya tidak tertakluk kepada kerenah birokrasi yang akan menghalang kelicinan perjalanan syarikat.

Dalam hubungan ini, suka saya menjelaskan bahawa sebelum sesuatu syarikat diswastakan, Kerajaan akan meneliti mengenai kesesuaian dan kewajaran sesebuah syarikat tersebut diswastakan. Ini termasuklah kaedah yang akan dipakai dalam menswastakan sesuatu syarikat iaitu sama ada melalui penyenaiaan saham di Bursa Saham Kuala Lumpur, Pembelian Syarikat Oleh Pihak Pengurusan atau dengan izin, management buyouts, atau penjualan terus kepada pihak swasta yang akan dibuat melalui tawaran berasingan.

Mengenai persoalan sama ada hanya syarikat yang untung atau yang rugi sahaja diswastakan, sukalah saya memaklumkan bahawa Kerajaan bukan sahaja akan menjual syarikatnya yang memperolehi keuntungan tetapi juga akan menjual syarikat yang mengalami kerugian. Sekiranya ada pihak yang berminat untuk menswastakan syarikat

di USA dalam masa 2-2<sup>1</sup>/<sub>2</sub> tahun berbanding dengan 4-5 tahun sepertimana lazimnya.

- (v) Sebanyak 88% kursus-kursus di MSM telah mendapat perpindahan kredit manakala 12% yang tidak dipindahkan ialah kursus agama.
- (vi) Pelajar-pelajar lepasan program tersebut yang telah kembali ke Malaysia selepas menamatkan pengajian di USA telah pun diterima bekerja dalam berbagai bidang pekerjaan di sektor awam dan swasta.
- (b) Prestasi pelajar-pelajar yang mengikuti program AAD juga sungguh menggalakkan di mana secara puratanya, 80% daripada keseluruhan pelajar-pelajar tersebut dapat ditempatkan di universiti di USA selepas menjalani kursus 2 tahun di MSM. Mereka yang tidak mencapai tahap yang memuaskan pula dikehendaki mengulang di MSM sebelum dihantar ke luar negeri.

Peratus pelajar yang layak melanjutkan pelajaran ke USA mengikut semester bagi tempoh 1991 - 1002 adalah seperti berikut:

Musim bunga 1991	=	96.7%
Musim luruh 1991	=	97.5%
Musim bunga 1992	=	96.4%
Musim luruh 1992	=	95.44%

Keputusan mengikut Cumulative Grade Point Average (CGPA) pula adalah seperti berikut:

- (i) Purata peratusan pelajar yang mendapat CGPA 2.50 dan ke atas ialah 69.72%.
- (ii) Purata peratusan pelajar yang mendapat CGPA 2.00 dan ke atas ialah 95.44%.

### OIC — LANGKAH MENYELAMATKAN UMAT ISLAM BOSNIA

**51. Dr. Sanusi bin Daeng Mariok** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah langkah Kerajaan bagi mempengaruhi keputusan dan tindakan OIC untuk menyelamatkan umat Islam Bosnia.

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Malaysia telah memainkan peranan yang penting di dalam kesemua Mesyuarat OIC mengenai isu Bosnia-Harzigovina. Beberapa cadangan telah kita kemukakan di dalam Mesyuarat-mesyuarat tersebut supaya tindakan yang lebih tegas, konkrit dan berkesan diambil bagi membantu penduduk Islam Bosnia. Atas inisiatif, pengaruh dan cadangan yang dikemukakan oleh Malaysia, OIC telah berjaya mencapai persetujuan mengenai tindakan sedemikian di Mesyuarat Khas Peringkat Menteri yang diadakan di Islamabad pada 12-13 Julai, 1993 tanpa mengeluarkan Resolusi semata-mata. Satu, dengan izin Yang di-Pertua, "Action Plan" telah dipersetujui bagi menghantar pasukan tentera seramai 20,000 orang ke Bosnia-Herzegovina. Tindakan-tindakan susulan lain sedang diambil oleh, dengan izin, "OIC Contact Group" di New York bagi melaksanakan perkara-perkara berkaitan

dengan Bosnia-Herzegovina. Malaysia akan terus berusaha dan bekerja rapat dengan negara-negara OIC lain ke arah mencapai penyelesaian muktamad kepada masalah Bosnia-Herzegovina.

### LAPANGAN TERBANG LONG AKAH, BANGA DAN BARIO — PEMBINAAN

**52. Tuan Harrison Ngau Laing** minta Menteri Pengangkutan menyatakan bilakah pembinaan lapangan terbang di Long Akah dimulakan dan pembinaan lapangan terbang yang baru di Long Baga dan Bario dijangka siap.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Kerja-kerja mengenalpasti tapak (sites identification) bagi Padang Terbang Long Akah sedang dijalankan. Kerja-kerja pembinaan akan dimulakan sebaik sahaja tapak untuk projek ini dikenalpasti.

Kerja-kerja pembinaan Padang Terbang Long Baga telah mencapai tahap 85% siap dan dijangka siap sepenuhnya pada akhir 1993.

Kerja-kerja sivil bagi Padang Terbang Bario sudah mencapai 50% siap dan dijangka siap pada akhir tahun ini. Tender untuk pembinaan terminal bagi padang terbang ini akan dipanggil sedikit masa lagi. Pada keseluruhannya, adalah dijangkakan bahawa lapangan terbang Baru Bario ini akan dapat digunakan sepenuhnya pada awal 1994.

### SYARIKAT MILIK KERAJAAN DISWASTAKAN — KRITERIA- KRITERIA

**53. Tuan Shahidan bin Kassim** minta Perdana Menteri menyatakan apakah kriteria-kriteria yang membolehkan

mana-mana syarikat milik Kerajaan diswastakan. Adakah syarikat ini mendapat untung pada tahun sebelumnya atau mengalami kerugian dan dengan sebab itu ia diswastakan. Sekiranya ia mengalami kerugian tidakkah ini akan membebankan syarikat yang mengambilalihnya nanti.

**Tuan Othman bin Abdul:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk menswastakan syarikat-syarikat miliknya dengan harapan syarikat-syarikat berkenaan dapat diuruskan dengan cekap dan efisien. Ini disebabkan Kerajaan berpendapat pihak swasta akan dapat menguruskan kegiatan komersil dengan lebih efisien memandangkan ianya tidak tertakluk kepada kerenah birokrasi yang akan menghalang kelicinan perjalanan syarikat.

Dalam hubungan ini, suka saya menjelaskan bahawa sebelum sesuatu syarikat diswastakan, Kerajaan akan meneliti mengenai kesesuaian dan kewajaran sesebuah syarikat tersebut diswastakan. Ini termasuklah kaedah yang akan dipakai dalam menswastakan sesuatu syarikat iaitu sama ada melalui penyenaian saham di Bursa Saham Kuala Lumpur, Pembelian Syarikat Oleh Pihak Pengurusan atau dengan izin, management buyouts, atau penjualan terus kepada pihak swasta yang akan dibuat melalui tawaran berasingan.

Mengenai persoalan sama ada hanya syarikat yang untung atau yang rugi sahaja diswastakan, sukalah saya memaklumkan bahawa Kerajaan bukan sahaja akan menjual syarikatnya yang memperolehi keuntungan tetapi juga akan menjual syarikat yang mengalami kerugian. Sekiranya ada pihak yang berminat untuk menswastakan syarikat

yang rugi, Kerajaan bersedia menimbangkannya dengan teliti dengan syarat tawaran yang dibuat adalah tawaran yang munasabah dan menguntungkan kedua-dua pihak.

Mengenai isu bahawa penjualan syarikat yang rugi akan membebaskan syarikat yang mengambilalih, saya berpendapat ianya tidak berbangkit kerana pada kebiasaannya pihak yang mengambilalih telah dapat meramalkan keupayaan syarikat yang rugi tersebut untuk maju dan akan dapat membuat turn around dalam jangkamasa yang pendek selepas membuat penyusunan semula bagi meningkatkan kecekapan dan daya saing syarikat.

#### **SYILING RM1.00 — LANGKAH BANTERAS WANG PALSU**

**54. Tuan Liew Ah Kim** minta Menteri Kewangan menyatakan langkah-langkah konkrit yang telah dan akan diambil bagi membanteras kegiatan mengedar syiling RM1.00 palsu yang telah dapat dikesan oleh Bank Negara baru-baru ini.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagai langkah membanteras kegiatan mengedar duit syiling RM1.00 palsu, pihak Bank Negara telah mengeluarkan kenyataan akhbar bagi memaklumkan kepada orang ramai tentang perbezaan yang terdapat dalam duit syiling RM1 palsu berbanding dengan yang tulin. Dengan cara ini adalah diharapkan orang ramai dapat membezakan di antara yang palsu dengan yang tulin. Cara ini juga dijangka akan dapat mengurangkan pengedaran duit palsu oleh mereka yang tidak bertanggungjawab.

Di samping itu orang ramai juga telah diminta supaya melaporkan dengan

segera kepada pihak polis sekiranya mereka mengesyaki yang dimiliki adalah palsu ataupun mempunyai maklumat mengenai sindiket pemalsuan matawang.

#### **HICOM/PERNAS — PRESTASI SYARIKAT**

**55. Tuan Fong Kui Lun** minta Perdana Menteri menyatakan kedudukan prestasi HICOM dan PERNAS serta anak-anak syarikat masing-masing setakat ini dan bagaimanakah kedudukan ekuiti saham kerajaan dalam syarikat-syarikat tersebut dan sama ada Kerajaan bercadang untuk menjualkannya menerusi penswastaan.

#### **Tuan Othman bin Abdul:**

- (a) Setakat ini HICOM Berhad telah menunjukkan prestasi yang memuaskan dengan mencatatkan keuntungan sejak tahun pertama ia diperbadankan. Sebagai sebuah kumpulan pula, HICOM mula mencatatkan keuntungan bagi tahun kewangannya yang berakhir pada 31 Mac 1989 dan seterusnya bagi tahun-tahun yang berikutnya telah menunjukkan pencapaian kewangan yang menggalakkan sehingga kini. Dari segi operasi HICOM telah berkembang dengan pesat dan kini mempunyai 15 buah syarikat subsidiari dan 24 buah syarikat sekutu. Pada 31 Mac 1993, Kerajaan memiliki 100% ekuiti di dalam HICOM yang bernilai RM436.1 juta.

Pihak Kerajaan telah meluluskan satu skim penswastaan bagi HICOM yang dijadual dilaksanakan dalam tahun ini juga. Maklumat terperinci mengenai penyenaaran dan penjualan saham-saham HICOM kepada orang ramai akan diumumkan pada masa yang sesuai kelak.

(b) Kumpulan PERMAS pula telah mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM21.4 juta dalam tahun kewangan 1991/92 dan jumlah keuntungan terkumpul sebanyak RM74.2 juta sehingga 31 Januari 1992. Aktiviti Kumpulan PERNAS dijalankan melalui 71 buah syarikat subsidiari dan 19 buah syarikat sekutu. Pada 31 Januari 1992, Kerajaan memegang 100% ekuiti di dalam PERNAS yang bernilai RM751.01 juta.

Kerajaan pada masa ini sedang menimbang laporan-laporan kajian yang antara lain mengandungi syor-syor ke arah penswastaan PERNAS. Satu keputusan mengenainya akan dibuat tidak berapa lama lagi.

### **MEMPERTINGKATKAN MUTU PELAJAR LUAR BANDAR**

**56. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah kejayaan yang diperolehi oleh Kerajaan dalam mempertingkatkan mutu pelajar luar bandar dan membetulkan ketidakseimbangan di antara sekolah bandar dan luar bandar semenjak.

- (i) pelancaran Dasar Ekonomi Baru pada tahun 1970; dan
- (ii) pengenalan KBSR pada tahun 1981;

dengan menyatakan kewangan yang diperuntukkan untuk tujuan ini di bawah setiap rancangan lima tahun; dan apakah rancangan dan peruntukan untuk tujuan ini di bawah Rancangan Malaysia Keenam dan Dasar Pembangunan Negara 1991 – 2000.

**Datuk Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, banyak kejayaan telah dicapai

oleh Kerajaan dalam mempertingkatkan mutu pelajar luar bandar dan membetulkan ketidakseimbangan di antara sekolah bandar dan luar bandar semenjak pelancaran Dasar Ekonomi Baru pada tahun 1970 dan pengenalan KBSR pada tahun 1981. Antara kejayaan tersebut adalah peningkatan peratus penyertaan pelajar di semua peringkat institusi pendidikan di bandar atau di luar bandar, pengurangan atau penurunan kadar keciciran, dan peningkatan peratus kelulusan pelajar/murid.

Pelajar-pelajar sama ada di bandar atau di luar bandar telah dapat menunjukkan sikap dan gerakbalas positif dalam proses pembelajaran di bilik darjah atau di luar bilik darjah.

Peruntukan pembangunan pendidikan ke arah meningkatkan mutu pendidikan semenjak tahun 1970 adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Peruntukan (RM billion)</i>
1971 - 1975 (RM Ke-2)	0.67 billion
1976 - 1980 (Rm Ke-3)	1.81 billion
1981 - 1985 (RM Ke-4)	3.6 billion
1986 - 1990 (RM Ke-5)	4.5 billion
1991 - 1995 (RM Ke-6)	6.4 billion

Bagi peruntukkan kewangan yang disediakan dalam tempoh RM Ke-6 sejumlah RM5.1 billion adalah dikhususkan bagi menyediakan kemudahan pendidikan di luar bandar.

Bagi maksud pelaksanaan KBSR jumlah kewangan yang telah diperuntukkan sejak pelaksanaannya pada tahun 1981 – 1993 ialah sebanyak RM0.2 billion.

## PEKERJA HARAM — MENGATASI MASALAH

**57. Tuan Jason Wong Sing Nang** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah pekerja haram ditahan pada tahun 1992 dan 1993, dengan jumlah setiap negeri; dan
- (b) apakah tindakan-tindakan yang diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah ini.

**Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat.

- (a) Jumlah terkumpul pekerja asing tanpa izin yang ditahan sejak 1.7.92 hingga 30.6.93 ialah seramai 38,973 orang. Pecahan mengikut depot-depot imigresen adalah:

DEPOT	JUMLAH
1. Juru, Pulau Pinang	1,898
2. Langkap, Perak	2,646
3. Semenyeh, Selangor	8,886
4. Lenggeng, Negeri Sembilan	7,406
5. Macap, Melaka	7,185
6. Kemayan, Pahang	6,772
7. Pekan Nenas, Johor	2,679
8. Kelapa Sawit, Johor	1,501
Jumlah Besar:	<u>38,973</u>

Bagaimanapun pada masa ini (21.7.93) hanya seramai 5,658 orang PATI sahaja sedang ditahan di depot-depot imigresen sementara menunggu dihantar pulang ke negara asal mereka.

(b) Antara langkah-langkah yang diambil bagi mengatasi masalah kemasukan pekerja asing tanpa izin ke negara ini ialah:

- (i) meningkatkan kawalan di persisiran pantai dan kawasan sempadan yang dikenalpasti sebagai tempat mendarat dan pintu masuk rakyat asing ke negara ini.
- (ii) mengadakan pemeriksaan di tempat-tempat yang disyaki menjadi tumpuan pekerja-pekerja asing seperti di tapak pembinaan (construction sites), ladang-ladang, kilang-kilang dan restoran/gerai-gerai makanan.
- (iii) mendakwa di mahkamah majikan dan pekerja-pekerja asing yang didapati menyalahi undang-undang dan peraturan imigresen.

## MARA — PRESTASI ANAK- ANAK SYARIKAT

**58. Che Ibrahim bin Mustafa** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) bilangan anak-anak syarikat milik MARA yang masih lagi beroperasi;
- (b) bilangan yang rugi dan mencatatkan keuntungan;
- (c) jumlah pelaburan modal dalam semua anak-anak syarikat ini; dan
- (d) bilakah urusan untuk menyerahkan pengurusan atau syarikat kepada pihak swasta.

**Dato' Dr. Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor:**

- (a) Sebanyak 62 anak-anak syarikat MARA masih lagi beroperasi.

- (b) Sehingga tahun berakhir 31 Disember 1992, sebanyak 35 syarikat memperolehi keuntungan terkumpul dan 27 syarikat mengalami kerugian terkumpul.
- (c) Jumlah pelaburan MARA dalam anak-anak syarikat ini ialah sebanyak RM322.8 juta.
- (d) Dari masa ke semasa MARA akan menswastakan anak-anak syarikat sekiranya MARA menerima cadangan yang baik dari pihak swasta.

#### ISA — PENGGANTUNGAN PERINTAH TAHANAN

**59. Tuan Maidom P. Pansai** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bahawa dalam temuramah Timbalan Menteri Dalam Negeri yang mendapat liputan oleh RTM mengenai 2 orang tahanan di bawah ISA dari Sabah yang masing-masing bersama ASP Abdul Rahman dan Bernabas Benedict Topin telah pun dibebaskan setelah pihak berkuasa mendapati bahawa mereka ini telah pun benar-benar insaf apa yang telah mereka lakukan. Jika benar seperti yang dinyatakan, mengapa mereka dikenakan syarat seperti buang daerah atau "Restricted Residence" dan kenapa tidak diberikan "Unconditional Release".

**Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad:** Kedua-dua tahanan dari Sabah iaitu ASP Abdul Rahman bin Ahmad dan Benedict Topin telah dibebaskan dengan bersyarat di bawah Penggantungan Perintah Tahanan (Suspension of Detention Order). Pembebasan dengan bersyarat ke atas mereka berdua adalah bertujuan untuk memastikan supaya mereka tidak terlibat semula dalam kegiatan yang boleh mengancam

keselamatan negara atau diperalatkan oleh pihak yang mempunyai kepentingan tertentu.

#### KERETA NASIONAL — KEDUA

**60. Tuan Chor Chee Heung** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) bilakah kereta Nasional yang kedua iaitu 'MIRA' akan dirasmikan pengeluarannya dan bilakah sejumlah 280 buah kereta akan diserahkan kepada para pembeli;
- (b) apakah masalah yang dihadapi dengan syarikat Usahasama Daihatsu sebagaimana yang pernah dinyatakan oleh YAB Perdana Menteri dan adakah semua masalah ini telah mencapai penyelesaian; dan
- (c) adakah mungkin bagi semua komponen kereta Nasional dikeluarkan dan diperolehi secara tempatan tanpa perlu mendapat bekalan dari negara Jepun.

#### Dato' Seri Rafidah Aziz:

- (a) Projek Kereta Nasional yang kedua dijangka akan memulakan pengeluaran pada bulan Jun atau Julai 1994 dan dijangka berada di pasaran pada bulan September dan Oktober tahun yang sama. Bagi pengedaran 280 buah kereta Mira yang diimport untuk tujuan kajian pasaran, kereta tersebut telah pun diserahkan kepada para pembeli melalui satu cabutan awam yang telah diadakan pada 9 Mac 1993.
- (b) Memang terdapat sedikit masalah dari segi pembahagian ekuiti semasa projek kereta Nasional ini

mula dirancangan. Walau bagaimanapun semua masalah-masalah tersebut telah dapat diselesaikan.

- (c) Adalah dijangkakan pada peringkat awal projek kereta Nasional Kedua, tidak kesemua komponen akan diperolehi daripada sumber tempatan. Walau bagaimanapun, sebagaimana Proton, penggunaan komponen tempatan akan ditingkatkan secara berperingkat dan bagi jangka masa panjang kita yakin bahawa Malaysia akan berupaya untuk mengeluarkan semua komponen yang diperlukan oleh industri kereta motor.

#### **SALURAN AIR BAWAH LAUT — PEMBIAYAAN**

**61. Dr. Kua Kia Soong** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) Sebab mengapa tabung awam digunakan untuk membiayai projek saluran air bawah laut yang bernilai RM20 juta untuk kegunaan Redang Island Resort, sebahagian dari Kumpulan Berjaya, yang akan menggunakan 84% daripada jumlah air berkenaan;
- (b) sama ada EIA telah dijalankan untuk projek saluran air bawah laut ini;
- (b) sama ada EIA telah dijalankan untuk projek saluran air bawah laut ini;
- (c) mengapakah projek ini boleh diluluskan memandangkan masalah pembekalan air masih

belum lagi dipertimbangkan ataupun diselesaikan; dan

- (d) apakah jaminan yang akan diberikan oleh kerajaan yang memastikan zon penamparan (buffer zone) di antara padang golf yang dimajukan dengan kawasan pinggir laut tidak akan disentuh oleh pemaju memandangkan para pakar marin telah menyatakan bahawa inilah satu-satunya harapan untuk menyelamatkan ekosistem di sekitar pulau berkenaan.

#### **Datuk Law Hieng Ding:**

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah amalan biasa Kerajaan supaya menyediakan kemudahan-kemudahan asas untuk menggalakkan pertumbuhan perindustrian serta ekonomi. Projek bekalan air ini akan dapat memenuhi bukan sahaja keperluan bekalan air projek pelancongan Redang Island Resort (RIR) bahkan juga keperluan orang kampung dan industri-industri lain. Dalam hubungan ini, oleh kerana RIR merupakan pengguna yang paling besar, syarikat ini telah bersetuju menyumbang sebahagian besar kepada kos pembangunan projek ini. Lagipun pada perbekalan kepada RIR nanti Kerajaan bercadang menyelaraskan syarat-syarat perbekalan dengan mengambilkira juga semua faktor-faktor lain yang sesuai dan berkenaan.
- (b) Bagi cadangan projek saluran air dasar laut, aktiviti tersebut tidak tertakluk kepada kajian EIA;

- (c) Laporan EIA bagi projek ini diluluskan berdasarkan cadangan bekalan air akan diperolehi dengan pembinaan empangan; dan
- (d) Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menetapkan syarat kelulusan laporan EIA merangkumi aktiviti penebangan pokok dan pembersihan kawasan hanya boleh dijalankan dalam kawasan pembinaan sahaja. Kawasan hutan di sekeliling kawasan pembinaan hendaklah dikekalkan.

#### DADAH — USAHA PEMULIHAN PENAGIH

**63. Tuan R. Karpal Singh** meminta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan penagih dadah berdaftar dalam negara sejak 30.6.1993 dan usaha-usaha yang diambil oleh Kerajaan untuk memulihkan penagih-penagih dadah itu.

**Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad:** Untuk makluman Yang Berhormat, tidak ada agensi Kerajaan yang mendaftar penagih dadah. Namun begitu kes-kes penagih dadah dikawal dan diawasi oeh Pasukan Petugas Anti Dadah, Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri, Malaysia. Terlalu awal untuk memberi kedudukan bilangan penagih dadah yang berdaftar sejak 30.6.1993 kerana data-data tersebut perlu mengambil masa sekurang-kurangnya dua (2) bulan untuk penerimaan dan pemerosesan.

Pihak Kerajaan dari semasa ke semasa terus berusaha untuk memulihkan penagih dadah tersebut. Usaha yang telah, sedang dan akan dilakukan oleh Kerajaan termasuklah:

- (a) Mengeluarkan peruntukan berjuta-juta ringgit;

- (b) Menubuh dan menambahkan Pusat Serenti yang baru termasuk juga Pusat Jagaan Lanjutan di setiap negeri dan daerah di bawah pentadbiran Bahagian Rawatan dan Pemulihan Dadah, Kementerian Dalam Negeri, Malaysia;
- (c) Menggalakkan pertambahan pusat pemulihan dadah persendirian;
- (d) Menggunakan pelbagai pendekatan pemulihan baik di sudut psikologi, fizikal mahupun keagamaan;
- (e) menyeru orang perseorangan, ahli keluarga dan anggota masyarakat untuk sama-sama menggembeling tenaga memulih penagih-penagih dadah tersebut;
- (f) Mengadakan rundingan dan pakatan dengan pihak swasta dan syarikat persendirian serta Jabatan Tenaga Manusia supaya tenaga buruh perlu juga diambil daripada bekas-bekas penagih dadah yang telah berjaya menjalani proses pemulihan dadah di dalam Pusat mahupun dalam masyarakat terbuka.

#### SUKAN — MENINGKATKAN PRESTASI

**64. Tuan Michael Asang** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) langkah yang sedang dan akan diambil oleh Kementerian untuk mempertingkatkan lagi mutu sukan negara di masa hadapan terutamanya pasukan bolasepak, badminton dan pasukan takraw negara; dan
- (b) tindakan Kementerian berhubung dengan prestasi pasukan negara yang tidak begitu menggalakkan

semasa Sukan SEA di Singapura yang baru lalu.

1992 1993  
(MAC)

**Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Dato' Ismail bin Said]:** Soalan ini telah dijawab pada 20 Julai, 1993.

Pahang	2,431	2,229
Terengganu	2,230	2,090
Kelantan	3,857	3,564
Wilayah Persekutuan	5,542	4,517
Sabah	4,492	4,584
Sarawak	1,874	1,947
Jumlah:	42,344	39,728

**PEKERJAAN — JUMLAH  
PENDAFTAR DENGAN  
KEMENTERIAN**

**65. Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan berapa jumlah mereka yang mendaftar untuk mencari pekerjaan dengan pihak Kementerian sehingga Mei 1993. Sebutkan bilangan mengikut negeri-negeri.

**Dato' Lim Ah Lek:** Jumlah pencari kerja yang berdaftar dengan rangkaian Jabatan Tenaga Rakyat diseluruh negara pada tahun 1992 hingga bulan Mac, 1993, mengikut negeri-negeri, adalah seperti di bawah. Butir-butir pendaftaran pencari kerja bagi bulan April dan Mei 1993 sedang dikumpul.

	1992	1993 (MAC)
Perlis	1,663	1,445
Kedah	5,894	5,262
Pulau Pinang	2,118	1,963
Perak	2,769	2,630
Selangor	2,952	2,975
Negeri Sembilan	2,933	3,179
Melaka	1,070	962
Johor	2,519	2,311

**PESAWAT F-180 HORNET/MIG  
29 — TAWARAN AMERIKA/  
RUSSIA**

**66. Tuan Chor Chee Heung** minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- apakah perkembangan terbaru terhadap tawaran Amerika Syarikat untuk menjual kepada negara kita lapan belas buah jet pejuang jenis "Mc Donnell Douglas F-180 Hornet Strike Aircraft";
- adakah harga tawaran sebanyak RM4.1 billion bagi lapan belas buah jet ini dikatakan murah berbanding dengan tawaran yang sama oleh Russia bagi jet pejuang jenis Mikoyan MIG - 29s'; dan
- apakah jenis 9 buah jet pejuang yang dipunyai oleh negara kita buat masa ini dan jika pembelian "F" 180 Hornet Striket Aircraft" dibuat adakah setengah jet pejuang yang telah ketinggalan zaman akan juga ditawarkan kepada negara-negara lain.

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Selain soalan Ahli Yang Berhormat dari Alor Setar ini, terdapat 7 soalan lain mengenai perkara yang sama yang dikemukakan dalam sesi ini. Saya berharap jawapan ini akan memberi penjelasan kepada cadangan Kerajaan untuk memperolehi pesawat-pesawat pejuang untuk kegunaan TUDM.

(a) Seperti yang telah saya umumkan di dalam Persidangan Akhbar pada 29 Jun 1993 yang lalu, Kerajaan telah membuat keputusan untuk memperolehi dua jenis pesawat pejuang. Pesawat-pesawat tersebut ialah 18 buah MIG 29 dari Russia dan 8 buah F/A 18-D dari Amerika Syarikat. Perolehan ini adalah berdasarkan kepada keperluan mewujudkan keupayaan pertahanan udara yang di antara lain akan meningkatkan kemampuan serang dan pintas oleh Tentera Udara DiRaja Malaysia. Keupayaan dan kemampuan yang dikehendaki ini adalah selaras dengan rancangan pertahanan udara seperti yang telah diputuskan. Pertimbangan perolehan ini juga berdasarkan kepada kesediaan pihak pembekal untuk menyokong penggunaan pesawat-pesawat ini buat beberapa lama dengan mewujudkan pusat penyenggaraan di negeri ini dan sistem sokongan logistik yang berkesan. Di samping itu negara juga akan mendapat faedah dari segi pemindahan teknologi dan program-program off-set.

(b) Untuk makluman YB, soal perbandingan harga setakat ini belum boleh saya maklumkan lagi kerana harga bagi kedua-dua jenis

pesawat akan dirundingkan. Di samping itu, perbandingan harga tidak wajar dibuat kerana kedua-dua jenis pesawat MIG 29 dan F/A 18-D ini mempunyai keupayaan, peranan dan fungsi yang berbeza.

(c) Seperti yang telah saya jelaskan sebentar tadi, pembelian pesawat-pesawat ini adalah untuk meningkatkan keupayaan pertahanan udara dan kemampuan serang dan pintas TUDM. Ini bermakna pembelian yang dibuat adalah untuk menambah kemampuan dan kekuatan yang sedia ada dan bukannya untuk mengganti pesawat-pesawat yang digunakan sekarang.

#### MENTERI-MENTERI KABINET MELAWAT SABAH

**67. Tuan Joseph Voon Shin Choi** minta Perdana Menteri menyatakan kenapakah Menteri-Menteri Kabinet sejak kebelakangan ini kerap kali melawat Sabah tetapi kurang melawat Sarawak. Apakah tindakan-tindakan atau program-program khusus yang telah dilaksanakan oleh para pemimpin persekutuan ini di Sabah hasil dari lawatan-lawatan Sabah.

28.7.1993

**10. Datuk Haji Abdul Manan bin Othman** minta Perdana Menteri menyatakan kenapakah di akhir-akhir ini begitu kerap lawatan dibuat oleh Menteri-Menteri Persekutuan ke Sabah. Berapa banyakkah wang pembayaran cukai digunakan untuk tujuan menampung lawatan itu. Kenapa hanya Sabah diberikan tumpuan yang begitu hebat oleh Menteri-Menteri Persekutuan kita.

Kenapa tumpuan yang sama tidak diberikan kepada Sarawak dan negeri-negeri lain seperti Terengganu dan Kedah yang turut mempunyai kadar kemiskinan yang tinggi.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Othman bin Abdul]:** Saya mohon menjawab soalan ini bersekali dengan soalan daripada Yang Berhormat dari Kuala Terengganu pada 28 Julai 1993 kerana kedua-dua soalan tersebut membawa maksud yang sama.

Memanglah menjadi amalan kita sejak dahulu bahawa Menteri-Menteri Kabinet selalu membuat lawatan untuk berjumpa dengan rakyat dan melihat sendiri tingkat pembangunan di negeri. Lawatan Menteri perlu dibuat bagi mempercepat serta menentukan bahawa keputusan ke atas dasar program, projek dan perkhidmatan Kementerian dilaksanakan dengan licin. Keputusan mengenai langkah-langkah tersebut perlu dibuat segera bagi mengatasi apa-apa masalah yang berlaku di sesuatu negeri.

Jika didapati Menteri-Menteri Kabinet lebih banyak melakukan lawatan ke Sabah berbanding dengan negeri lain adalah kerana terdapat kepincangan dalam usaha membangun kesejahteraan rakyat di Sabah. Sebagai contoh:

- (i) Kebanyakan negeri terus menikmati kadar pembangunan ekonomi yang tinggi pada kadar purata antara 8 hingga 9% setahun tetapi Sabah tidak dapat menikmati pertumbuhan yang pesat ini. Kadar pertumbuhannya merosot dari 3.6% dalam tahun 1990 kepada negatif 1.0% dalam tahun 1991. Berbanding dengan Sarawak ia berjaya mencapai kadar pembangunan yang tinggi

sebanyak 8.8% dalam tahun 1990 dan meningkat kepada 9.1% dalam tahun 1991. Kadar purata bagi seluruh negeri di Malaysia ialah 9.7% dalam tahun 1990 dan 8.7% dalam tahun 1991;

- (ii) Jentera bagi melaksanakan banyak projek-projek Persekutuan di Sabah sekarang ini dikuasai oleh Kerajaan Negeri. Kerajaan Persekutuan terpaksa membentuk jentera baru bagi meneruskan pelaksanaan projek-projek yang sudahpun diatur untuk Sabah. Bagi mengurangkan masalah jentera pelaksanaan ini Menteri Kabinet perlu melawat Sabah dengan lebih kerap. Bagi Sarawak jentera pelaksanaan projek-projek tidak berubah.
- (iii) Tingkat pembangunan infrastruktur terutama di luar bandar adalah masih ketinggalan di Sabah dan juga di Sarawak. Di Sarawak dalam pembangunan bekalan air luar bandar misalnya Kerajaan negeri dapat meneruskan projek-projek seperti yang sudah diatur. Di Sabah sebaliknya Kerajaan baru Negeri tidak dapat memenuhi keperluan bekalan air luar bandar lebih-lebih lagi apabila berlaku musim kemarau yang panjang. Walaupun bidang bekalan air adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri, Kerajaan Pusat tidak boleh berdiam diri jika berlaku masalah bekalan air apabila berlaku krisis akibat kemarau panjang.

Dari beberapa contoh di atas maka adalah sangat wajar sebagai memenuhi tanggungjawab memberi perhatian mereka ke Sabah berbanding dengan negeri-negeri lain. Di dalam menjalankan tanggungjawab itu Kerajaan tidaklah melibatkan tambahan perbelanjaan kerana ia dibiayai dari peruntukan biasa Kementerian masing-masing yang jumlahnya dibentangkan di Dewan ini tiap-tiap tahun.

**PENSWASTAAN —  
MENGUGURKAN  
KEMENTERIAN**

**68. Dr. Kua Kia Soong** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sama ada Kerajaan berhajat untuk menggugurkan Kementerian-Kementerian seperti Pengangkutan, Tenaga, Pos dan Telekom, memandangkan kebanyakan daripada mereka telah pun diswastakan, dan seterusnya menggantikan mereka dengan Kementerian Industri penswastakan; dan
- (b) sama ada satu badan pengawalan harus dibentuk untuk memastikan supaya industri penswastakan monopoli tidak mengenakan tarif yang tidak adil ke atas para pengguna.

**Tuan Othman bin Abdul:**

- (a) Tidak; dan
- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam menimbang untuk menswastakan sesuatu projek, Kerajaan memberi perhatian yang khusus mengenai faedah penswastakan projek tersebut dalam mencapai objektif penswastakan di samping memastikan bahawa penswastakan tersebut

tidak akan menjejaskan kepentingan orang ramai. Dalam penswastakan industri bersifat monopoli, Kerajaan yang bertanggungjawab memastikan pengguna mendapat perlindungan daripada kuasa-kuasa monopoli. Sebagai contohnya, Jabatan-Jabatan Kerajaan seperti Jabatan Bekalan Elektrik, Jabatan Telekom Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Pos dan Jabatan Penerbangan Awam diberi tanggungjawab mengawalselia industri monopoli yang berkaitan. Kuasa badan kawalselia ini antara lainnya meliputi perkara-perkara mengenai penetapan harga perkhidmatan (tarif) kepada pengguna, mutu perkhidmatan yang memenuhi piawaian yang ditetapkan, dan tersedianya perkhidmatan apabila diperlukan oleh pengguna. Ini bermakna syarikat monopoli berkenaan tidak mempunyai kebebasan penuh sepertimana yang diandaikan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

**USUL**

**AKTA ACARA KEWANGAN  
(PINDAAN) 1972**

**Menambah Butiran Baru kepada  
Jadual Kedua:**

**Kumpulanwang Amanah bagi  
Membiayai Kerusi  
Pengajian Melayu di Leiden  
University, the Netherlands**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan atas masalah "Bahawa Dewan ini, mengikut Peruntukan di bawah perenggan (a)

Seksyen Kecil (4), Seksyen 10 Akta Prosedur Kewangan 1957 (Pindaan 1972), membuat ketetapan bersetuju supaya Jadual Kedua Akta tersebut dipinda dengan menambah kepadanya butiran baharu seperti berikut:

Kumpulanwang Amanah bagi membiayai Kerusi Pengajian Melayu di Leiden University, the Netherlands.” [21hb Julai, 1993]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat dari Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw:** [Bangun]

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, siapa bangun dahulu?

**Tuan Yang di-Pertua:** Kepong belum habis.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Kepong belum bercakap pada hari semalam.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Belum bermula lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya?

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Belum mula.

**Tuan Yang di-Pertua:** Belum mula?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua....

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Siapa dahulu?

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti, nanti. Dalam *Hansard* saya rasa Kepong yang bangun. Tak apalah Yang Berhormat dari Kepong sila berucap.

3.35 ptg.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan mengambil masa yang panjang dan Arau mesti ada peluang untuk mengambil bahagian.

Semalam, Tuan Yang di-Pertua, saya ada mendengar ucapan Yang Berhormat dari Padang Terap dan nampaknya dia ada beberapa point yang baik, termasuk penyelidikan yang dicadangkan untuk sejarah Sri Vijaya yang kena-mengena dengan pengajian Melayu, termasuk untuk menyelidik bahan-bahan yang berbahasa Mandarin. Ini satu cadangan yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada beberapa point di sini. Yang pertamanya, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah menyebutkan bahawa kumpulanwang yang setakat ini menurut peruntukan di bawah perenggan (a) Seksyen Kecil (4), Seksyen 10 Akta Prosedur Kewangan, 1957 adalah 35 jumlah kumpulanwang amanah seperti ini. Bolehkah Yang Berhormat menerangkan amaun wang pengurusan yang terlibat dan diperlukan untuk tiap-tiap tahun bagi 35 kumpulanwang ini dan juga mengumumkan prestasi program-program di mana kumpulanwang amanah ini ditujukan. Ini adalah paling penting kerana Yang Berhormat dari Padang Terap sendiri ada sebutkan mengenai kerusi pengajian Melayu di Ohio University yang tidak digunakan dengan sepenuhnya. Dan juga oleh kerana suasana yang tidak begitu sihat untuk pengajian seperti ini, maka tidak banyak orang yang suka atau ghairah untuk pergi ke Ohio University memegang kerusi itu. Ini bermakna pilihan untuk mengadakan kerusi itu di Ohio University adalah tidak betul. Inilah perlu bagi pihak Kerajaan untuk mengkaji semula sama ada untuk menarik balik dan mencari universiti yang lain. Saya tidak cadangkan kita mesti adakan Cornell University, kerana Cornell merupakan alma mater kepada Padang Terap, memang itulah akma jiwa dia. Kalau kita ikut akma jiwa dia itu, saya

boleh mencadangkan kita adakan pengajian Melayu di University Leeds yang mempunyai tradisi yang baik juga...

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:**  
[Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, dia bangun.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Saya mencadangkan Cornell bukan kerana ianya adalah alma mater saya, tetapi Cornell adalah merupakan universiti yang mempunyai pusat pengajian Melayu yang terbesar di Amerika dan di utara Benua Amerika dan di seluruh western atmosphere. Itu sebab saya mencadangkan Cornell University.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, itu tafsiran dia, ada pusat-pusat yang lain, di Hawaii pun ada, di London School of Oriental Studies pun ada, bukan kecil. Itu tafsiran dia sahaja, tetapi kita boleh memanggil orang-orang yang berkecuali, yang bebas, untuk mentafsirkan mana-mana pusat yang diperlukan untuk mengadakan lebih banyak kerusi-kerusi pengajian Melayu. Saya setuju, kita mesti adakan kerusi-kerusi yang lebih banyak, lebih bermakna, tidak seperti yang diadakan di Ohio, itu yang buang masa dan buang wang sahaja. Itu tidak patut.

Jadi cadangan untuk mengadakan di Eropah itu, baik – “lemah diraih, pantai di titi.” Memang. Tetapi pilihan di University Leiden, saya anggap mungkin tidak sesuai juga. Mungkin. Kerana ini merupakan satu pusat bahasa yang kebanyakannya menumpu kepada Indonesia. Kursus Pengajian Indonesia. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, pun tahu bilangan orang di Indonesia itu banyak. Keturunan

orang Islam pun 185 juta orang, penduduk Malaysia tidak sampai 18 juta. Memang, kalau kita hendak campur di University Leiden mungkin akan menimbulkan masalah juga sepertimana yang wujud dari masa ke semasa di dalam perhubungan di antara Malaysia dengan Indonesia. Mungkin kita mempertimbangkan lagi masalah yang boleh timbul kerana kita seolah-olah hendak bersaing dengan pihak mereka. Mungkin Arau bersetuju dengan saya kerana kita sekarang pun, walaupun kita adakan perundingan dan hubungan serta mesyuarat yang baik di Langkawi, tetapi susah juga kita hendak mencapai tahap yang lebih tinggi.

Saya sedarlah Yang Amat Berhormat pun telah keluar dalam akhbar yang mengatakan hubungan itu lebih baik sekarang. saya percaya demikianlah tetapi setakat mengadakan satu kerusi yang baru di University Leiden perlu kita kaji semula. Mungkin di Universiti Paris atau University Amsterdam atau pindah ke Universiti of London (School of Oriental Studies). Mungkin. Ada.

Jadi ini boleh menimbulkan masalah. Saya timbulkan hal ini dan tepat untuk mengadakan kerusi-kerusi seperti ini oleh kerana setahu saya manuskrip-manuskrip dalam jawi, manuskrip zaman purba yang paling banyak untuk pengajian Melayu ini ada di Eropah. Bukan di Malaysia, bukan di Indonesia kerana faktor sejarah yang pihak ilmiawan Eropah memang pandai – semasa penjajahan dia ambil semua yang berharga, yang bernilai, yang bersejarah, balik ke Eropah. Mungkin kita boleh minta mereka serahkan balik. Walau bagaimanapun, setakat ini memang adalah sesuai untuk mengadakan kerusi-kerusi yang lebih banyak lagi di Eropah untuk tujuan tersebut.

Walau bagaimanapun, saya nampaknya di dalam pembentangan Usul semalam, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tidak menyebutkan bagaimana luasnya bidang pengajian Melayu. Cuma dia ada sebutkan mengenai budaya dan ekonomi dan bolehkah Yang Berhormat terangkan lebih teliti lagi apakah yang hendak dibuat di situ dan kita boleh sama-sama membincangkan bagaimana kita dapat mempertingkatkan hasrat kita untuk pengajian Melayu. Kerana di dalam proses untuk mengadakan kerusi seperti itu kita boleh menggalakkan pertukaran ilmiah di dalam satu cross-fertilization, cross-pollination - persenyawaan silang dan pendebungaan silang. Ini perlu di dalam bidang ilmu. Di dalam bidang ilmiawan, cendekiawan, memang kita perlukan pertukaran pendapat, pertukaran fikiran untuk memaju atau melangkah ke hadapan untuk memperkembangkannya.

Saya hendak menanya dalam pilihan profesor untuk kerusi ini bagaimana kita menetapkan kriteria, sama ada orang-orang selain daripada orang keturunan Malaysia dapat menjawat kerusi seperti itu. Kerana di dalam proses untuk cross-fertilization atau cross-pollination ini, memang kita baik menggalakkan bukan keturunan Malaysia pun menjadi profesor. Ini boleh menambahkan daya fikiran ke tahap yang lebih tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mencadangkan satu perkara yang saya anggap penting kerana walaupun saya mempunyai ideologi yang tidak serupa, saya terpaksa membaca jawi di dalam suratkhbar yang tertentu yang mempunyai ideologi berlainan dengan saya. Kerana tulisan jawi ini kalau kita tidak baca, tidak tulis tiap-tiap hari, kita hilang, tidak pandai dan kita buang sahaja.

Di dalam beberapa tahun ini, saya nampak pada tahun 60an naskah edaran harian sampai 60,000 - 70,000. Dan dalam tahun 90an iaitu dari 1992 dan 1993 turun ke tidak sampai 20,000 naskah. Ini bermakna populariti penggunaan jawi ini sudah merosot dengan sangat serius. Kerana penggunaan bahasa ini berubah dari masa ke semasa. Itu sebagai alat komunikasi memang bahasa berubah. Itu tidak boleh disangkal, tidak boleh dinafikan. Dan kerana hakikat ini mungkin langkah-langkah yang lebih positif boleh diambil. [*Membuka akhbar*] Saya nampak akhbar ini dia ada memuatkan satu ruangan baru sejak 1hb Julai yang dinamakan "Program Jawi Arab Amali". Saya bukan hendak mempopularkan akhbar ini sahaja kerana ideologi tidak serupa dengan saya tetapi ada tulisan jawi di dalamnya. Itu sahaja. Setakat itu tidak cukup. Ini memang, kerana kita ada program seperti ini mungkin untuk 20,000 orang sahaja tiap-tiap hari. Itu pun orang tua-tua belaka. [*Ketawa*]

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:**  
[*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Padang Terap bangun.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:**  
Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan sedikit. Saya kurang faham apakah yang dimaksudkan oleh sahabat saya dari Kepong ideologi suratkhbar itu tidak serupa dengan dia. Ideologi ini selalunya di antara dua parti politik. Tetapi dia dengan akhbar pun ber"ideologi". Apakah yang dimaksudkan?

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat hendak tanya sahaja, dia sudah pun faham. [*Ketawa*]

Yang dimaksudkan ialah ideologi politik, kalau dia tidak faham lagi cuba baca muka depan - cuba baca..... [*Ketawa*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangkitkan hal ini kerana saya hendak cadangkan satu perkara iaitu di dalam mewujudkan Kerusi Pengajian Melayu ini, mungkin kita kena mengadakan satu bahagian khusus untuk penyelidikan sejarah tulisan jawi.

Untuk pendidikan sejarah tulisan jawi itu baik, kerana kita pun tahu ada Batu Bersurat di Terengganu. Tuan Yang di-Pertua pun ada pergi ke Terengganu beberapa kali satu tahun, ada Batu Bersurat yang berasal daripada batu Abad ke-14. Saya percaya tulisan ini lebih awal lagi dan mungkin satu pengajian yang lebih teliti boleh dibuat khusus untuk sejarah tulisan jawi di rantau ini atau di Nusantara ini, dan ini memang akan berhasil dengan lebih bermakna untuk Kerusi Pengajian Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi iaitu mengenai perkara yang biasa berlaku seperti berlaku ke atas Institut Penterjemahan diperpolitikkan, kerana diperpolitikkan ia telah menjejaskan institut tersebut. Dan saya berharap Kerusi-kerusi seperti ini tidak diperpolitikkan, biarlah untuk ilmuan, ilmiawan dan cendekiawan yang bukan berpolitik untuk memilih orang-orang yang lebih sesuai sebagai menjawat Kerusi tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin kekhususan untuk ditumpu kepada satu subjek lagi iaitu mengenai pencapaian istilah saintifik. Banyak istilah saintifik datang dari Eropah sama ada Belanda,

United Kingdom ataupun Perancis, dan beratus-ratus ribu istilah telah diwujudkan di dalam tempoh lebih 40 tahun. Kebanyakan istilah yang dibentuk itu tidak digunakan dan kegagalan pemakaian istilah-istilah saintifik ini adalah satu perkara yang perlu dikaji. Mengapa beratus-ratus ribu istilah yang diwujudkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka untuk maksud ini tidak dapat dipakai? Apakah faktor-faktor yang terlibat, sama ada di dalam konteks penggunaan ataupun konteks penterjemahan bahan saintifik? Kerana kita perlukan banyak bahan saintifik diterjemahkan daripada bukan Bahasa Malaysia kepada Bahasa Malaysia, dan kewujudan ribuan istilah sains itu adalah perlu.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin penyelidikan seperti ini perlu dibuat untuk mengkaji, untuk menyelidik, menganalisiskan masalah-masalah penterjemahan, masalah imbuhan, masalah rentetan kata, masalah jamak, masalah penjodoh bilangan dan sebagainya. Dan ini saya percaya akan membawa hasil yang baik kerana besar kemungkinan akan digunakan untuk memperbaiki keadaan kekurangan buku-buku terjemahan dan kegagalan pemakaian istilah-istilah saintifik yang diwujudkan oleh pihak Dewan Bahasa dan Pustaka.

Itulah sahaja perkara yang hendak saya sebutkan di sini dengan mengharapkan peraturan yang ketat untuk mengawalseliakan Kumpulanwang Amanah seperti ini, termasuk Kerusi Pengajian Melayu di Ohio University dan lain-lain tempat supaya wang yang dipinta hari ini dapat digunakan dalam erti kata yang sebenarnya.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Arau.

3.54 ptg.

**Tuan Shahidan bin Kassim [Arau]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong cadangan daripada Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan supaya diadakan Kumpulanwang Amanah bagi Membiayai Kerusi Pengajian Melayu di Leiden University.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat satu pendekatan yang menyeluruh tentang kepentingan kita mengadakan Kerusi ini. Dan sebelum Yang Berhormat menjawab, saya ingin menjawab dahulu, saya percaya Yang Berhormat setuju dengan jawapan ini bahawa di samping asas-asas yang telah diletakkan betapa penting adanya Kerusi ini. Asas-asas yang lain telah disebutkan oleh Ahli daripada Padang Terap dan sedikit daripada Kepong.

Yang Berhormat dari Kepong dia baca jawi kerana dia telah diarahkan oleh DAP untuk belajar jawi supaya senang mereka berkahwin dengan PAS nanti. [Ketawa] Saya rasa macam itulah, tetapi majlis ini majlis ilmu, kita hendaklah bercakap perkara yang akademik sedikit, ya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengadakan Kerusi ini, kita perlu mengadakan Kumpulanwang Amanah yang pertamanya dicadangkan oleh Kerajaan atau swasta. Untuk kes ini oleh sebab swasta dari Netherlands telah membiayai 50% dan Kerajaan 50%. Jadi, ini merupakan sumbangan sektor swasta luar, sumbangan sektor swasta dalaman seperti Tenaga Nasional, Telekom dan lain-lain lagi ialah dalam bentuk yang ada dalam negeri. Sumbangan dari

mereka yang luar ini kita patut memberi penghargaan kepada pihak swasta di luar yang menanam modal di sini, oleh kerana sumbangan mereka adalah ke arah perkembangan kebudayaan tersebut.

Saya tertarik hati dengan sahabat saya daripada Padang Terap bahawa memang tidak patut timbul 'bias' sebab kita tidak dapat lari daripada hubungan budaya dan sejarah. Tidak ada sejarah yang tidak berbudaya, budaya dan sejarah memang dia ada kaitan, sebab budaya itu satu yang dinamik, dia berubah, zaman moden ini lagi hebat perubahannya. Malah budaya parti-parti politik juga berubah, DAP juga berubah, dahulu merajuk, sekarang tidak merajuk, dia berubah, jadi 'budaya merajuk' itupun berubah, sekarang lebih dinamik.

Dahulu parti sosialis menyokong negara jiran, tetapi sekarang tidak berani kata apa, sebab negara jiran lebih tidak menghormati hak kemanusiaan daripada negeri ini. Dia tidak berani sebut lagi negara jiran, sebab dia takut kerana bapanya tidak menghormati soal-soal kemanusiaan, jadi dibantai kita balik, tetapi kita kenal asal-usulnya.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ini cerita politik, saya lebih berminat kepada soal ini sebab saya juga telah mengabdikan masa saya untuk Degree kedua di Belanda. Saya melihat bahawa Belanda adalah negeri yang tepat, walaupun Leiden ataupun The Hague adalah tempat yang sesuai untuk kajian tersebut. Soal penetapan dan juga 'bias' sejarah bermula daripada Kesultanan Melaka, itu saya bersetuju. Tetapi sejarah juga telah mempamerkan bahawa soal batu bersurat itu, kalau kita hendak ambil daripada awal lagi, daripada batu bersurat - kalau kita hendak ambil awal lagi, kita

ambil kepada sejarah Kedah Tua. Banyak sejarah-sejarah di China, misalnya sebelum kedatangan Cheng Ho, tiap-tiap kali dia datang dia sebut 'Langkawi', 'Langkawi' itu adalah 'Langkawi' sebab pelat bahasanya jadi 'Langkawi'. Langkawi itu ada tercatat dalam Sejarah Ming.

Saya hendak cadangkan di sini, apakah boleh pihak swasta lain juga mengambil daya-usaha melalui usaha daripada Kementerian Kewangan, tidak payah kita tulis Kerusi Pengajian Melayu di Leiden. Jadi, Kerusi untuk semua negara-negara yang kita fikirkan sesuai, sebab untuk memilih negara ini yang pertama mesti ada keilmuan seperti University Cornell yang disebutkan oleh Yang Berhormat daripada Padang Terap.

Asas yang kedua, ini yang penting. Asasnya ialah ada ilmu yang hendak dipelajari walaupun asas keilmuan tidak ada, contohnya tidak ada pengajian Melayu di situ, tetapi ada sejarah yang melibatkan budaya Melayu, seperti di Afrika Selatan.

Kita harus melihat bahawa bukan sahaja asas keilmuan, tetapi asas ilmu yang hendak dipelajari sendiri. Sebab saya telah bangkitkan semasa perbincangan isu Raja-Raja, walaupun semua yang ketawa pada saya, tetapi saya ingat di Afrika Selatan.

Kita harus melihat bahawa bukan sahaja asas keilmuan, tetapi asas ilmu yang hendak dipelajari sendiri. Sebab saya telah bangkitkan semasa perbincangan isu Raja-raja, walaupun semua orang ketawa pada saya, tetapi saya ingat patut dikaji.

Saya kata orang Melayu ini asalnya daripada Nabi Ibrahim, satu daripada

keturunannya Nabi Ismail menjadi bangsa Arab. Satu lagi keturunannya daripada Nabi Ishak jadi Yahudi. Satu lagi, daripada isterinya yang bernama Khatura turunnnya orang Melayu. Sebab itu ada nama Banjaran Himalaya. "Malaya" itu Melayu dan "Hima" itu Besar. Jadi, maknanya Melayu Besarlah.

Ini menunjukkan bahawa ianya harus dikaitkan, walaupun Harun-al-Rashid telah menulis buku "Panglima Awang" - Tuan Yang di-Pertua pun sudah baca, saya tahu. Saya seronok membaca buku itu sebab ia mengandungi kisah-kisah yang menarik - ada *adventurous* sedikit, ada romantis sedikit, jadi saya seronok membacanya - Dia sebut, Panglima Awang ini mengkiut Ferdinand Magellan pergi ke Sepanyol, patah balik dan akhirnya dia balik ke Melaka. Jadi, dialah orang yang pertama mengelilingi dunia. Ini merupakan benda yang boleh diambilkira sebagai satu bahan pengajian. Kalau sekiranya gagal untuk dibuktikan dari segi sejarah, jadikan ini satu bentuk perkembangan budaya penceritaan dan sebagainya.

Saya cadangkan kerusi ini dibuat secara umum dan saya cadangkan satu lagi kerusi mungkin boleh diadakan di India, di Beijing sebab kita tahu Ming Dynasty - keturunan Ming di China, setengah daripada maharaja-maharaja Ming adalah maharaja yang beragama Islam. Untuk mengelakkan rakyat Cina biasa daripada mengetahui tentang keadaan sebenarnya yang mereka ini beragama Islam, maka ditubuhkan Forbidden City. Jadi, orang tidak tahu sejarah Forbidden City ini ada hubungan dengan maharaja-maharaja Ming yang beragama Islam. Mengapa dia menghantar duta-duta yang beragama Islam ke negara-negara Asia Tenggara ialah, kerana ini ada hubung-kait. Jadi,

buka lagi satu kerusi di Beijing, buka lagi satu di India. India memang sudah lama sebab itu memanglah hubungan yang paling awal - negeri Kedah ada nama Langkasuka dan ini ada hubungan dengan Raja Chulan, Raja Suran dan sebagainya. Kerusi ini dibuka dan kita akan bukakan kepada pihak swasta ataupun pihak yang berminat untuk membuka kerusi-kerusi yang telah disebutkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik hati fasal banyak cerita-cerita rakyat yang mengaitkan nama-nama. Contohnya, nama seperti Iskandar Zulkarnain (Alexander The Great). Semua raja-raja yang kuat-kuat dikatakan daripada keturunan Alexander the Great. Pada hal kita tahu Alexander the Great tidak berkahwin, dia mati muda. Macam mana dia ada anak. Jadi, siapa yang claim mereka itu adalah keturunan ini iaitu keturunan yang tidak berkahwin ini, jadi susah kita. Kita minta dikaji mengapa ada hubung-kait tentang Iskandar Zulkarnain yang ditukar nama menjadi Alexander the Great.

Semua ini adalah benda-benda yang menarik dan saya hendak sebutkan kepada Yang Berhormat dari Kepong, istilah Melayu ini adalah satu istilah yang luas, besar. Kalau untuk tujuan kajian budaya dan sejarah, ia mesti meliputi semua sebab sejarah di peringkat awal itu belum ada political boundaries lagi di masa itu - Indonesia campur sampai ke kumpulan Pasifik, Filipina, tetapi pendatang-pendatang Barat telah menyebabkan kita telah dipecahkan. Kalau tidak, mungkin keturunan saya dari Filipina pun ada, kita mana tahu.

**Dr. Tan Seng Giaw:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Kepong bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Yang Berhormat sebut "Nusa Tenggara" atau "Nusantara"?

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Nusantara ataupun Nusa Tenggara, mana-mana boleh diterimapakai. Jadi kita harus mengambil pendekatan yang lebih sihat, iaitu dengan mengadakan kerusi terbuka. Dengan itu, orang-orang yang kita hantar haruslah orang-orang yang berwibawa dan anggaplah ini merupakan kerusi yang berbentuk promosi untuk pegawai-pegawai Kerajaan dan sekali gus saya bersetuju dengan sahabat-sahabat saya bahawa kita ingin mendapatkan prestasi, laporan thesis yang khusus mengenai mereka yang telah pergi ke sana dan kita minta dipublishkan supaya dapat satu salinan seorang mengenai apa yang mereka telah buat. Apabila mereka di sana mereka harus membuat dua kerja utama. Yang pertama, menjadi juru perunding. Maknanya, orang yang ingin membuat nasihat dan sebagainya. Keduanya, kajian yang khusus mengenai apa yang kita hendak mereka kaji.

Tuan Yang di-Pertua, kita cadangkan kerusi ini dibuat secara terbuka dan tempat-tempatnya hendaklah dipilih bukan sahaja tempat yang ada asas ilmu, tetapi tempat-tempat yang ada ilmu yang harus dipelajari, yang mana kita kena tengok di mana budaya atau sejarah ini dapat dikembangkan ataupun dijadikan asas untuk kita mewujudkan satu budaya yang lebih dinamik. Kita semua ini lahirnya daripada Adam, tidak lari ke mana, asalnya sama. Tetapi kemudiannya, jadilah bangsa-bangsa Cina, Melayu, India dan sebagainya. Tetapi kalau kita fikir kita semua daripada Adam, tidak bergaduhlah kita, tidak berlakulah seperti Bosnia, tidak berlakulah kadang-kadang antara kita berdua selalu macam ini, kerana kita terlupa kita berasal daripada

mana. Adam ini, cuma kita yang percaya. Setengah daripada kawan-kawan saya percaya cara lain. Walau bagaimanapun, hakikatnya bahawa ini penting dalam usaha kita untuk menambahkan kajian yang lebih mendalam tentang sejarah dan juga pengajian Melayu secara keseluruhannya. Saya monyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Nilam Puri. Selepas itu Yang Berhormat Setiausaha Parlimen akan menjawab.

4.07 ptg.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Nilam Puri]:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pihak Kementerian Kewangan untuk mewujudkan kerusi pengajian Melayu di Leiden University di Belanda ini. Memanglah pengajian hal Melayu ini perlu diadakan sekarang ini terutamanya kita lihat sekarang di Malaysia ini penghakisan Melayu atau perkataan Melayu itu memang sedang menjadi-jadi. Kita lihat daripada Bahasa Melayu telah menjadi Bahasa Malaysia, Tanah Melayu telah menjadi Malaya dan Malaysia, kemudian pula perkataan 'Melayu' itu sendiri sekarang ini telah menjadi 'Melayu Baru'. Jadi, semuanya kita lihat pengkajian hendak dibuat, tetapi unsur-unsur Melayu itu semakin hari semakin menurun bahkan bangsa pun disebut-sebut oleh orang Melayu sendiri, sudah tidak mahu panggil bangsa Melayu atau bangsa Cina. Hendak panggil bangsa Malaysia. Kita menyokong pengajian ini kerana sesuatu tamadun bangsa itu perlu dikorek balik untuk dikaji di mana kelemahan dan di mana ada kekuatan yang ada pada bangsa Melayu itu sendiri.

Dari segi PAS sendiri, memang pemimpin kami yang ulung dahulu, Dr.

Burhanuddin al-Helmi memang kuat menyuarakan soal perjuangan Melayu Raya ataupun Malay Archipelago iaitu untuk menyatukan suku bangsa yang beragama Islam berbangsa Melayu di daerah Nusantara ini untuk digerakkan sebagai satu ummah yang dahulunya pernah mencipta satu tamadun yang agung sehingga Melaka digelar Venice Timur iaitu satu pelabuhan yang maju yang barangkali setaraf dengan Rotterdam-Belanda sekarang ini.

Memang kerusi ini dipilih, salah satunya yang telah dibuat dahulu ialah Ohio dan sekarang ini di Belanda, di universiti ini. Kita bersetuju, sebab Belanda salah sebuah negara yang menjajah begitu lama di kawasan Nusantara ini dan Belanda adalah sebuah negeri yang begitu smart menjajah, sama handal dengan British. Kita lihat di sudut negara-negara yang menjajah, Amerika adalah sebuah negeri yang tidak berapa pandai menjajah jika dibandingkan dengan negeri-negeri seperti ini. Pemberontakan timbul begitu cepat di negeri-negeri yang Amerika atau negeri lain menjajah. Tetapi British dan Belanda, cara mereka menjajah amat cantik, amat smart dan mereka boleh menundukkan bangsa yang mereka jajah itu dalam jangka masa yang begitu panjang.

Misalnya, Belanda telah mengirinkan seorang yang begitu terkenal untuk mengkaji di mana kekuatan Melayu, di mana kekuatan yang ada kepada Nusantara ini. Oleh itu seorang Profesor yang terkenal, Snouk Hourgronje, beliau ini telah ditugaskan untuk mengkaji di mana punca (the root) kekuatan orang Islam atau orang Melayu. Snouk Hourgronje ini akhirnya berpura-pura memeluk agama Islam, bertukar nama kepada Abdul Ghafar, bukan Ghafar

Baba – Abdul Ghafoor atau Abdul Ghafar. Dan beliau ini untuk melanjutkan pengajiannya lagi, hendak mengetahui di mana kekuatan Islam itu, beliau pergi ke Mekah menunaikan fardu Haji dan di sana beliau mengetahui rupanya kekuatan Islam ada dua tonggak utama pada pandangan beliau. Yang pertama, ialah Haji, dan yang kedua ialah kekuatan yang terletak di pesantren ataupun pondok-pondok. Haji ini bagi beliau, umat Islam ada kekuatan tahunan di situ. Di situ ada himpunan tahunan di mana soal antarabangsa dibincang. Snouk Hourgronje mendapati, kalau kita hendak jajah negeri-negeri umat Islam, mesti ubah mereka ini supaya mereka pergi Haji, pergi dalam bentuk menengok Mekah dan bukan memahami Haji.

Sebab itu kita lihat kebelakangan ini bila Imam Khomeini cuba membawa balik politik haji, Barat amat susah hati. Barat, terutamanya Amerika dan Britain tahu bahawa bila umat Islam memahami politik haji, kekuatan mereka akan kembali. Sebab kita tahu dalam Surah Bara'ah ada diceritaka bagaimana haji itu, tetapi haji yang dibuat oleh umat Islam secara sekarang ini, terutamanya selepas negara umat Islam dijajah, pergilah dua juta setahun, orang Barat tidak hairan kerana mereka hanya tidak lebih daripada melihat Mekah, Ka'abah dan melihat Madinah. Tetapi Snouk Hourgronje tahu, kalau mereka memahami politik haji yang dikerjakan oleh Rasulullah dan para sahabat yang sekarang cuba diketengahkan balik oleh Imam Khomeini, maka dia tahu lambat laun kekuatan Islam ini akan muncul kerana Mekah dan Madinah, himpunan haji itu dijadikan satu himpunan politik untuk menyatakan satu hasrat umat Islam.

Kedua, Snouk Hourgronje mencari cara untuk menjajah seluruh nusantara

ini, perlu diterokai di mana kekuatan. Kekuatan yang didapati adalah punca banggunya penentangan terhadap Belanda dan juga British ialah di pondok-pondok. Sebab itulah mereka cuba memisahkan dua aliran pengajian. Satu pengajian Belanda dan pengajian Inggeris dan satu lagi pengajian pondok dan pengajian pondok ini diusangkan dan diketepikan supaya mereka ini bila 'graduate' nanti tidak akan mempunyai kerja. Kemudian, diasaskan pula pengajian-pengajian Belanda dan pengajian-pengajian British dari hasil kertas kerja ataupun pandangan Wawasan yang dikemukakan oleh Snouk Hourgronje ini untuk melahirkan dua aliran pemikiran di dalam Nusantara ini dan akhirnya kesan pertembungan golongan pondok dan golongan yang dididik oleh Barat ini menyebabkan mereka dapat menjajah begitu lama di kawasan Nusantara ini.

Snouk Hourgronje adalah seorang yang berjasa besar kepada penjajah kerana beliau seorang yang membuat penyelidikan. Barangkali bersama dengan beliau, beliau membawa balik foto-foto, manuskript-manuskript yang begitu banyak ke negeri Belanda. Oleh itu, sudah tiba masanya negeri yang menjajah begitu lama iaitu lebih 300 tahun di Indonesia dan di Kepulauan Melayu ini, perlulah intelek-intelek kita pergi semua ke situ. Pergi semula untuk mencari dan merombak semula sistem pengajian sejarah negara kita yang kita lihat kadangkalanya sejarah negara ini dipuja orang lain dan bukan dipuja oleh pejuang-pejuang Melayu dan pejuang-pejuang Islam yang membawa kemajuan kepada Nusantara dahulunya. Misalnya, selalu yang dipuja ialah Abdullah Munshi, sedangkan kita mahu bahawa Abdullah Munshi itu adalah seorang talibarut kepada Raffles. Tidak

diutarakan pejuang-pejuang yang lain seperti yang kita lihat penyair-penyair seperti Abdullah Fansuri, yang kadangkalanya tidak dikenal oleh generasi muda sekarang ini. Pada hal orang seperti Abdullah Fansuri itu seorang penyair seperti Iqbal, untuk meniupkan kebangkitan bangsa Melayu di sudut menentang penjajah dan membawa kemajuan di Nusantara ini.

Oleh itu pengajian di Belanda ini adalah cukup penting dan kita menyokong dan orang-orang yang hendak dihantar ke situ mestilah orang yang berwibawa dan mengetahui sejarah. Barangkali dalam otak Menteri Kewangan - kita tidak tahulah pemikiran beliau, siapa yang dia hendak hantar, mungkin Dr. Siddiq Fadhil atau mungkin Yang Berhormat dari Pasir Mas - itu kita tidak tahu. Tetapi bagi pandangan saya orang yang layak di situ, kalau tidak pun seumpama itu, seakan-akan seperti itulah, seperti Profesor Syed Naguib al-Atas ataupun Profesor Ismail Hussein dan rakan-rakan yang sewaktu dengannya, ertinya orang-orang yang setaraf dengannya. Tetapi kalau hendak hantar Dr. Siddiq Fadhil pun, kepada saya, saya tidak menentang, asalkan orang itu benar-benar 'qualified' untuk mengkaji sejarah ini.

Selain daripada itu, kita juga kena melihat sejarah kedatangan Islam di Asia Tenggara ini, terutama sekali bila kita lihat ada berbagai-bagai pendapat - ada yang mengatakan ada yang masuk melalui Pasai, ada yang mengatakan masuk melalui Patani, ada yang mengatakan masuk melalui Aceh - walau dari mana pun, ia datang hampir serentak dan kebanyakannya ia dibawa dari India dan juga Parsi. Kita lihat Pasai yang menjadi kubu kuat Kerajaan Islam dahulunya, sanggup bekerjasama dengan

Melaka apabila Raja Melaka menerima dan menganut agama Islam sebab Raja Melaka ini ingin berdagang dengan pedagang-pedagang Islam dari India dan juga Parsi dan Pasai berjanji setelah kamu menerima Islam, kamu berdaganglah dengan negeri-negeri yang kami berdagang selama ini dan kami sanggup lepaskan kekuasaan kami berdagang dengan negeri tersebut setelah kamu menerima Islam. Oleh itu, Melaka yang selama ini berdagang dengan negeri China telah mengubah haluan dagangannya dengan negara Parsi dan juga dengan India.

Tidak kurang juga dengan pengaruh-pengaruh Parsi dan kita perlu juga selepas di Belanda ini, kalau boleh buat Kerusi ataupun Kementerian Kewangan memikirkan untuk membuat satu Kerusi di negeri Parsi, kerana sekarang ini kita lihat, misalnya, di negeri-negeri di sebelah utara seperti Kelantan, Terengganu dan juga Pattani, Thailand - iaitu sebuah lagi negeri Melayu - di situ dikatakan Islam datang daripada Parsi. Sebab itulah kita lihat bahawa pengaruh kebudayaan mereka di situ, misalnya, perayaan asyura dipraktikkan sampai sekarang, walaupun ia berubah sehingga ia buat bubur sahaja, tetapi 10 Muharram itu dipraktikkan ataupun di sambut di negeri Kelantan dan di Pattani secara besar-besaran sehingga hari ini.

Asyura ini adalah pengaruh daripada Parsi di mana mereka mengenang kematian cucu Rasulullah s.a.w. pada 10 Muharram di hari Karbala iaitu cucu Rasulullah s.a.w. bangun menentang khalifah Yazid yang bertindak zalim di waktu itu. Sekarang ini pula isu yang hebat di Malaysia ialah isu Syiah yang dimainkan oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan sekarang

ini diperdebatkan secara umum oleh ahli-ahli akademik dan juga Persatuan Ulama Malaysia yang telah membuat satu simposium dan satu seminar iaitu "Taqrib-bainal-mazhab". Taqrib itu adalah untuk merapatkan antara mazhab-mazhab dan di Malaysia ini, kita jangan lupa iaitu di negeri Selangor, pada Majlis Islamnya tercatat secara rasmi bahawa mazhab yang diiktiraf ialah lima, iaitu Mazhab Hanafi, Maliki, Hambali, Shafie dan satu lagi ialah Mazhab Ja'afari. Dalam keadaan yang tidak disedari Mazhab Ja'afari itu adalah Syiah. Tetapi Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri menyerang Syiah tanpa mengajak berbincang dalam bentuk ilmiah supaya kita dapat mengetahui 'root' Islam yang datang ke negara ini di antaranya ialah dari negara Parsi.

Sebab itulah kita lihat orang tua-tua kita dahulu, bila bermain bola, dia marah kepada kita "jangan main bola, kerana kalau kamu bermain bola, itu adalah seperti menyepak kepala Saidina Hussein". Ini adalah kerana pengaruh cintakan "Ahlul-bait" atau pun keluarga Rasulullah s.a.w. tertanam dalam Islam yang datang dari Parsi, yang kebanyakan mereka ini adalah menganut "Mazhab" ataupun kumpulan Mazhab Syiah itu. Oleh itu, kita berharap antara Syiah dan Sunni ini janglah dijadikan perdebatan di kedai kopi tetapi hendaklah dijadikan perbincangan di peringkat universiti dan kita minta kalau boleh buka satu Kerusi di negeri Parsi ini juga untuk kita mengkaji 'root' of Islam, untuk kita mengkaji tamadun kita dan juga menaikkan balik semangat orang Melayu kita ini untuk kembali menghayati kejayaan bangsa mereka pada masa dahulu.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, di atas dasar, oleh kerana Kerusi ini adalah

untuk mendapatkan ilmu, kita harus mengorek balik bahan sejarah dan juga membawa bangsa kita mengenali kekuatan dan kelemahan bangsa kita, maka pihak PAS bersetuju Kerusi ini diwujudkan dan orang yang selayaknya hendaklah duduk di Kerusi ini, dan dengan itu kita akan dapat mengembalikan kegemilangan tamadun kita pada masa yang akan datang. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Setiausaha Parlimen diminta menjawab.

*4.18 ptg.*

**Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Mustapha bin Mohamad]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap, Arau dan Nilam Puri kerana telah mengambil bahagian dalam perbahasan. Sebenarnya saya tidak menyangka bahawa Bil ini akan mengambil masa satu jam setengah sebelum habis, tetapi agak baik juga kita mendengar syarahan daripada beberapa orang profesor dan bakal profesor, termasuk Ustaz dari Nilam Puri. Itu tidak lagi termasuk Profesor dari Muar. Kalau ada Muar, mungkin panjang lagilah.

Jadi, jarang sekali kita membincangkan dalam Dewan ini secara ilmiah ataupun secara intelektual beberapa permasalahan yang dihadapi oleh kita. Nampaknya kita membincangkan perkara ini tanpa emosi. Ini satu perbahasan yang refreshing dan interesting, dengan izin. Jadi, saya ucapkan terima kasih kerana tanpa emosi dan penuh ilmiah, intelektual dan kita dapat bersama-sama memahami beberapa aspek sejarah dan itu meningkatkan ilmu kita tentang bahasa dan bangsa Melayu kita sendiri.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan dari Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kerana saya tidak berkesempatan untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini.

Saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, apakah beliau bersetuju, kerana saya turut mengalu-alukan pengwujudan Kerusi Pengajian Melayu di Leiden University, Netherlands, kalau saya mencadangkan supaya Kerusi ini dinamakan "Kerusi Dr. Mahathir bin Mohamad" sepertimana "Kerusi Tun Abdul Razak di Ohio University" dan menjuruskan kewujudan Kerusi ini ke arah pengkajian bangsa Melayu ke arah tahun-tahun yang mendatang selain daripada kita menitik berat soal-soal sejarah yang lalu.

Cerita-cerita lalu yang telah ditinggalkan oleh sejarah itu, walaupun penting sebagai panduan, tetapi saya kira yang penting pengkajian sekarang ialah ke arah perjuangan bangsa kita di peringkat antarabangsa yang dipelopori oleh Dr. Mahathir Mohamad bermula dengan kajian melalui buku *Malay Dilemma*. Ianya harus bermula ke arah itu. Sebab itu saya ingin mencadangkan, kalau boleh, supaya Kerusi ini dinamakan "Kerusi Dr. Mahathir Mohamad" di dalam pengkhususan Pengajian Melayu.

Cerita yang dibuat oleh Ahli Parlimen Nilam Puri itu, saya bersetuju sangatlah tetapi janganlah pengkajian itu dijuruskan sepertimana cadangan beliau tadi sebab saya bimbang kalau kita kaji orang-orang Melayu ini, walaupun ramai dan pihak mana yang harus dijadikan kumpulan sasar dari segi kajian kalau dikaji sesetengah kumpulan, saya kira ianya bukan mewakili watak bangsa Melayu sebenarnya. Sebab itu, penjurusan itu

haruslah tepat dan saya kira dengan perkembangan dunia sekarang ini dan peranan yang dimainkan oleh negara kita melalui pimpinan Perdana Menteri sekarang ini.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.....

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali.....**wajar Kerusi ini dinamakan "Kerusi Dr. Mahathir bin Mohamad." Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat hendak membuat ucapankah atau hendak meminta penjelasan?

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Lebih kurang begitulah. [*Ketawa*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ini sepatutnya tidak boleh.

**Tuan Mustapha bin Mohamed:** Terima kasih, Pasir Mas. Kita ucapkan terima kasih, Kerajaan akan menimbang-kan dan mengkaji cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Pasir Mas.

Sebelum saya menjawab perkara-perkara yang dibangkitkan, satu perkara yang agak ketara dalam perbahasan yang baru berlalu dan juga semalam telah terdapat perbezaan pendapat antara empat-empat Ahli Yang Berhormat yang berucap. Padang Terap mahukan Kerusi ini di Cornell, Kepong mahukan di Leeds, Arau mahu di Belanda, manakala Nilam Puri mahu di Iran. Ini satu perkara yang amat ketara yang saya perhatikan. Walaupun kebanyakannya bersetuju diadakan di Leiden, tetapi nampaknya banyak sekali cadangan untuk Kerusi-

kerusi baru dikemukakan. Jadi, ini satu perkara yang agak menariklah bagi saya.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya maklumkan di sini bahawa selain daripada perjanjian utama yang ditandatangani di antara Kerajaan Malaysia dengan pihak-pihak berkenaan berkaitan dengan penubuhan Kerusi ini, ada juga perjanjian tambahan. Semalam saya maklumkan bahawa jumlah peruntukan bagi kerusi ini ialah 102,000 Netherlands Guilders. Ini terkandung dalam Memorandum Persefahaman Utama yang ditandatangani. Selepas itu, ada satu lagi Memorandum yang ditandatangani yang melibatkan tambahan peruntukan sebanyak 45,000 Netherlands Guilders yang menjadikan kesemuanya sekali 147,000 Netherlands Guilders. Bermakna peruntukan bagi Kerusi ini agak tinggi berjumlah kira-kira RM200,000 setahun.

Kita ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak swasta, khususnya syarikat-syarikat Belanda yang beroperasi di Malaysia yang memberi sumbangan yang begitu banyak bagi menubuhkan Kerusi ini. Kira-kira 10 buah syarikat telah bersetuju untuk menyumbangkan 78,000 Netherlands Guilders. Kerajaan Malaysia sendiri sebenarnya akan menyumbang hanya 42,000 Netherlands Guilders dan Kerajaan Negara Belanda (Netherlands) akan menyumbangkan 27,000 Netherlands Guilders.

Jadi, hasil gabungan daripada sumbangan tiga pihak iaitu Kerajaan Netherlands, Kerajaan Malaysia dan syarikat-syarikat Belanda yang beroperasi di Malaysia, maka jumlah peruntukan untuk Kerusi ini sebenarnya ialah 147,000 Netherlands Guilders dan kita ingin merakamkan penghargaan

khususnya kepada tanggungjawab sosial yang ditunjukkan oleh syarikat-syarikat tersebut dalam membiayai Kerusi ini di Universiti Leiden.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menjawab beberapa persoalan khusus yang dibangkitkan oleh keempat-empat Ahli Yang Berhormat. Yang pertama, Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap membangkitkan tiga perkara Yang pertama, beliau mencadangkan supaya Kerusi ini diwujudkan di mana sudahpun ada asas pengajian ilmu berkaitan. Ahli Yang Berhormat mencadangkan umpamanya di Cornell, alma mater beliau dan juga beberapa universiti lain mungkin sesuai ditempatkan Kerusi ini.

Dalam hubungan ini, Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap bersetuju menempatkan Kerusi ini di Leiden, tetapi bagi Kerusi-kerusi yang akan datang, beliau berpendapat bahawa ianya harus ditempatkan di universiti-universiti tersebut. Dalam hal ini, ingin saya jelaskan bahawa terdapat dua jenis Kerusi. Yang pertama ialah Kerusi yang ditubuhkan oleh Kerajaan Malaysia yang dibiayai oleh kita. Yang kedua, Kerusi yang disumbangkan oleh pihak lain iaitu pihak negara asing. Di Leiden ini merupakan Kerusi yang disumbangkan, diusahakan, diinisiatifkan oleh Malaysia, tetapi Kerusi Tun Razak di Universiti Ohio itu merupakan Kerusi yang dibiayai hampir sepenuhnya oleh Universiti berkenaan. Oleh yang demikian, terdapat perbezaan yang ketara.

Pemilihan universiti itu adalah tertakluk kepada siapa yang hendak membiayainya. Biasanya kalau ianya merupakan keputusan universiti berkenaan, maka kita tidak ada ruang untuk mempengaruhi pemilihannya.

Salah satu dari sebab kenapa Ohio dipilih umpamanya oleh Universiti Ohio ialah kerana mungkin terdapat bilangan pelajar Malaysia yang ramai di universiti tersebut. Itu mungkin merupakan asas kenapa universiti tersebut dipilih, bukan kerana adanya tradisi ilmu yang tinggi, yang meluas, yang mendalam di universiti tersebut.

Jadi, bagi Kerusi Leiden ini merupakan Kerusi yang diusahakan oleh Kerajaan Malaysia sendiri dan untuk Kerusi ini, maka kita mempunyai pilihan di mana kita hendak menempatkan Kerusi tersebut. Jadi, di mana kita tempatkan itu bergantung kepada siapa yang membiayai Kerusi tersebut. Dalam kes Universiti Ohio, bukan Kerajaan Malaysia yang membiayainya, sebaliknya yang menyumbang kepada Kerusi tersebut ialah Universiti Ohio sendiri.

Yang kedua yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap ialah berkaitan dengan bidang kajian pengertian Pengajian Melayu itu. Beliau antara lain menghujah dengan panjang lebar tentang kenapa kita perlu memperluaskan Pengajian Sejarah supaya ia meliputi juga dengan lebih mendalam Sejarah Melayu sebelum 1400. Itu antara hujah yang dikemukakan.

Dalam hubungan ini, sepertimana yang kita sedia maklum pada pandangan saya antara sebab kenapa sejarah Malaysia ini bermula pada sekitar tahun 1400 adalah oleh kerana ilmu kita pada ketika itu adalah sempit, belum mencapai tahap yang memuaskan. Dengan lain-lain perkataan, pengkajian kita tentang sejarah sebelum tahun 1400 itu kurang mendalam dan hasil-hasil kajian pun tidak banyak. Oleh hal yang demikian, maka dengan sendirinya Ilmu Sejarah itu yang dipelajari tertumpu kepada

Sejarah Melayu Moden iaitu selepas tahun 1400.

Pada hari ini, saya nampak dengan adanya hasil-hasil kajian baru, penemuan-penemuan oleh penyelidik di Universiti Sains Malaysia, Universiti Kebangsaan dan juga rakan-rakan penyelidik kita di universiti-universiti yang lain dalam negara kita, maka sudah pasti apabila ilmu itu meningkat, maka kita akan dapat menambah atau memperluaskan lagi bidang pengajian dalam negara kita.

Yang ketiganya, berkaitan dengan asas pemilihan tokoh di Universiti Ohio dan Leiden ini, antara lain, Yang Berhormat mencadangkan supaya tidak dipolitikkan. Dalam hal ini, ingin ditegaskan bahawa unsur politik tidak sekali-kali diambilkira dalam memilih tokoh yang berkenaan. Umpamanya sekarang ini baru sahaja Profesor Shamsani berada di Universiti Ohio, beliau digantikan oleh Profesor Ahmad Mahzan Yeop dan kita percaya mereka merupakan orang-orang yang berwibawa dalam bidang masing-masing.

Sebenarnya dalam kes Kerusi di Universiti Leiden ini sudah pun ada penyandangannya iaitu Profesor Dr. Mohamad Haji Salleh, yang merupakan seorang sasterawan negara tahun 1991, seorang karyawan yang agak produktif yang menulis puisi dan juga beberapa bahan lain, bukan sahaja dalam bahasa Malaysia tetapi juga dalam bahasa Inggeris dan Kerajaan percaya beliau mempunyai cukup wibawa untuk menjadikan Kerusi di Leiden itu sebuah Kerusi yang dapat mempamerkan richness, dengan izin, budaya Melayu dan sastera dan sebagainya.

Tuan Yang di-pertua, seterusnya, Ahli Yang Berhormat dari Kepong membang-

kitkan beberapa perkara. Yang pertama, yang dibangkitkan oleh beliau ialah berkaitan dengan kos pengurusan. Saya sebutkan bahawa terdapat 35 buah tabung dalam kumpulan wang amanah ini, dan beliau antara lain meminta supaya peraturan kewangan yang ketat dikenakan agar tidak berlaku pembaziran, agar kos dapat dikawal, agar pengurusan berjalan dengan baik. Kerajaan ingin mengucapkan terima kasih kepada beliau, dan ingin memberi jaminan bahawa kita tetap akan memastikan bahawa tabung ini akan diuruskan dengan baik.

Sebenarnya, tabung ini pelbagai – 35 tabung yang saya nyatakan tadi mengandungi pelbagai, tidak ada satu pun tabung berkaitan dengan Kerusi ini. Tabung yang berkaitan Kerusi inilah yang pertama sekali. Antara tabung-tabung termasuklah Tabung Kumpulan Wang Pembangunan, Tabung untuk Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan Kerajaan. Ini antara contoh-contoh 35 tabung yang saya sebutkan tadi. Jadi, kita ingin memberi jaminan bahawa Kerajaan akan memastikan wang ini akan digunakan dengan secara yang paling berkesan.

Yang kedua, beliau menyatakan bahawa Leiden tidak sesuai oleh kerana tumpuannya adalah terhadap Indonesia. Itu memang benar oleh kerana hubungan sejarah yang panjang antara Indonesia dengan Belanda, maka sudah semestilah kebanyakan universiti di Belanda apabila mengajar ataupun menyelidik tentang pengajian Melayu akan menumpukan perhatian kepada pengajaran ataupun persejarahan dan Bahasa Indonesia dan dengan itu maka pada pandangan Kerajaan, adalah amat baik kita pergi ke Leiden untuk mengimbangkan ilmu berkaitan dengan Melayu yang ada di

Leiden itu pada masa ini tertumpu kepada Indonesia dengan adanya Profesor Muhammad Mohamed Salleh di sana, kita percaya bidang pengajian Melayu yang memberi tumpuan kepada Malaysia akan dapat ditonjolkan dan dengan itu dapat mengimbangi apa jua kepincangan yang terdapat pada masa kini.

Yang seterusnya Kepong bertanya tentang skop ataupun bidang tugas pemegang kerusi ini antara lainnya ialah memberi syarahan mengenai pengajian Melayu yang mana meliputi ialah memberi syarahan mengenai pengajian Melayu yang mana meliputi bahasa, linguistik, kesusasteraan, sejarah, geologi, perbandingan, antropologi dan sosiologi Malaysia sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat dari Padang Terap. Inilah ilmu-ilmu yang akan diajar dan juga diselidiki di Universiti Leiden itu – untuk menjawab persoalan tentang skop.

Kriteria pemilihan, saya sudah sentuh sedikit sebanyak tidak dipolitikkan. Yang dipilih adalah orang-orang yang berwibawa, orang-orang yang telah menunjukkan kepakaran, kepintaran yang boleh menyumbang banyak kepada kita kepada hasil-hasil penyelidikan. Jadi, jangan kita khuatir tentang pemilihan ini. Kerajaan percaya bahawa orang-orang yang layak akan dapat menduduki Kerusi tersebut.

Yang Berhormat dari Kepong juga bercakap tentang tulisan jawi ataupun perlunya diajar jawi dalam bidang tugas di Leiden ini. Kita boleh ambil iktibar daripada minat dan juga kebolehan Kepong untuk belajar jawi ini, tetapi lain-lain tak bolehlah, setakat jawi, boleh. Lain-lain tak boleh kita ambil iktibar. Itu kita akan kaji cadangan agar jawi

dapat diajar di Leiden ini. Saya percaya akan diambil perhatian oleh Kementerian Pendidikan.

Itulah antara perkara-perkara utama yang dibangkitkan oleh Kepong. Dia juga bercakap tentang perlunya kita masukkan beberapa ciri berkaitan dengan istilah sains penciptaan – istilah baru, khususnya dalam usaha kita untuk memperkayakan Bahasa Melayu ini. Ini juga saya percaya akan diambil perhatian oleh Kementerian Pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Yang Berhormat dari Arau ada membuat cadangan yang baik. Beliau yang pertama sekali memberi penghargaan kepada pihak swasta kerana menunjukkan minat mereka, menunjukkan tanggungjawab mereka untuk membantu dalam usaha mewujudkan Kerusi ini dan seperti mana yang saya katakan tadi juga, Kerajaan amat berterima kasih kepada pihak swasta kerana memberi sumbangan.

Sebenarnya pihak swasta ini, bukan ini sahaja yang disumbangkan. Adalah difahamkan bahawa beberapa buah syarikat di Malaysia sekarang ini telah memberi sumbangan kepada satu kajian yang sedang dibuat di ISIS ataupun Institut Kajian Strategi dan Antarabangsa berkaitan dengan kejayaan ekonomi Malaysia. Beberapa hasil kajian menguruskan ekonomi dan kewangannya dan kajian ini dibiayai hampir sepenuhnya oleh beberapa buah syarikat swasta. Ini memang digalakkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dan kita berharap lebih banyak lagi syarikat-syarikat akan memberi sumbangan bukan sahaja kepada kajian, penerbitan buku, usaha-usaha penterjemahan, tetapi secara amnya untuk memperkayakan lagi bidang ilmu.

Yang Berhormat Arau berkata bahawa pemilihan Leiden itu tepat. Ini tidak menghairankan kerana beliau mempunyai 'bias' terhadap The Hague dan the Netherlands kerana beliau menuntut di sana dan Kerajaan mengucapkan terima kasih kerana beliau bersetuju dengan cadangan Kerajaan untuk mengadakan Kerusi di Leiden.

Yang Berhormat Arau juga mencadangkan supaya kerusi ini terbuka dalam erti kata bukan sahaja dari segi bidang ilmunya diliputi bidang-bidang yang lain, tetapi dari segi tempatnya bukan dihadkan kepada negara-negara tertentu, malah beliau mencadangkan agar termasuk India, Beijing dan sebagainya. Itu yang dimaksudkan dengan terbuka oleh Yang Berhormat Arau. Dalam hal ini ingin dimaklumkan bahawa Kerajaan tidak mempunyai kemampuan untuk mengadakan begitu banyak Kerusi di seluruh pelusuk dunia.

Dalam lingkungan kemampuan kewangan Kerajaan, maka sudah pasti Kerajaan ingin melihat agar budaya kita dipelajari, ilmu tentang kebudayaan kita dipelajari. Oleh itu, saya percaya kita akan mengambil langkah tapak demi tapak sebelum pergi ke tempat-tempat lain ataupun merangkumi bidang-bidang lain. Sebenarnya berkaitan dengan bidang-bidang ini, walaupun Kerusi ini adalah berkaitan dengan bidang budaya dan pengajian Melayu, adalah difahamkan bahawa beberapa buah universiti di seluruh dunia sudah pun memulakan pengkajian berkaitan dengan Malaysia berikutan kejayaan kita. Bukan sahaja pengajian Melayu dipelajari, tetapi universiti-universiti tertentu sudah menubuhkan pusat-pusat pengajian ataupun memperkenalkan kursus-kursus yang mempelajari beberapa aspek kejayaan Malaysia.

Umpamanya di Havard Business School, ada kajian kes berkaitan kejayaan Malaysia menguruskan ekonominya dengan jayanya di beberapa universiti seperti di Universiti Monash, sudah pun ditubuhkan atau pusat untuk Pengajian Hal Ehwal Malaysia. Maknanya di seluruh dunia, oleh kerana kejayaan kita dalam pelbagai bidang, maka terdapat minat daripada beberapa buah universiti untuk menubuhkan pusat-pusat pengajian bagi mengkaji kejayaan Malaysia termasuk jugalah di Universiti Cornell, di Cambridge dan lain-lain lagi.

Arau juga mencadangkan supaya disediakan laporan prestasi tentang prestasi penyandang-penyandang Kerusi ini. Ini sudah pasti dibuat oleh penyandang-penyandang tersebut. Ini tidak menjadi masalah.

Seterusnya, akhirnya Yang Berhormat dari Nilam Puri memulakan ucapan beliau dengan penghakisan Melayu - definisi Melayu, ruang lingkup Melayu itu dan sebagainya semakin terhakis katanya. Kita hairanlah kenapa Yang Berhormat Nilam Puri bercakap tentang perkara ini kerana satu masa dahulu PAS marah terhadap Kerajaan kerana kalau kita bercakap tentang semangat Melayu baru dan sebagainya, disebut antara lain kita ini assabiyah, tetapi hari ini nampaknya sudah berubah pandangan PAS berkaitan dengan penghakisan Melayu ini.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:**  
[Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Nilam Puri bangun.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan, hal assabiyah atau tak assabiyah ini kita buka perdebatan lainlah, ini hal

Melayu sebagai satu bangsa yang beragama Islam dengan fahaman assabiyah, kalau hendak didebatkan pula barangkali kita kena buka satu Kerusi di Kota Bahru tentang hal ini.

**Tuan Mustapha bin Mohamed:** Terima kasih Nilam Puri. Saya juga tertarik hati dengan Abdul Ghafur. Saya tak pernah baca. Ini bukan kali pertama Yang Berhormat bercakap tentang Snouk Hourgronje - saya tak tahu bangsa apa itu. Abdul Ghafur, kalau boleh saya hendak pinjamlah buku supaya boleh baca apa yang sebenarnya yang tercatat dalam buku Abdul Ghafur ini.

Yang Berhormat dari Nilam Puri juga bercakap tentang perlunya dirombak sejarah kita khususnya berkaitan dengan semangat pejuang-pejuang Islam, Abdullah Fansuri. Setahu saya memang mereka yang belajar sedikit sebanyak sejarah, ada juga membaca karangan ataupun karya-karya Abdullah Fansuri ini, syair-syair.....

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, untuk catatan, bukan Abdullah Fansuri, Hamzah Fansuri, saya silap tadi, Hamzah Fansuri.

**Tuan Mustapha bin Mohamad:** Saya pun silap juga. Saya ikut Nilam Puri. Saya ingat saya tidak akan ikut Nilam Puri selepas ini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Nilam Puri bercakap tentang perlunya satu Kerusi ditubuhkan di Parsi, maksudnya Iranlah Parsi ini oleh kerana mengikut pandangan beliau, mungkin juga pandangan PAS banyak yang boleh kita pelajari daripada bukan sahaja Parsi tetapi juga daripada perjuangan Ayatollah Khomeini. Ini kita tidak hairanlah. Ini pendirian mereka. Pada pandangan Kerajaan adalah tidak sesuai kita menubuhkan Kerusi di Parsi ini kerana

akan memesongkan lagi arah tuju rakyat Malaysia ini dan dengan itu akan menjadi kacau bilaulah. Cukup sahajalah Kelantan kacau, tempat lain tidak payah kacaulah.

Jadi, Ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan terima kasih kepada Padang Terap, Kepong, Arau dan Nilam Puri kerana mengambil bahagian dalam perbahasan seperti mana yang saya katakan tadi interesting dan refreshing dengan izin. Jarang sekali kita dapat ilmu yang banyak, dapat berdebat tanpa emosi, penuh dengan bahu sejarah yang dapat meningkatkan ilmu kita dan secara umumnya nampak keempat-empat Ahli Yang terhormat itu menyokong cadangan Kerajaan untuk menubuhkan kerusi di Leiden. Sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih sebagai penghargaan Kerajaan kepada pihak swasta khususnya syarikat-syarikat Belanda di Malaysia yang mempunyai perasaan penuh tanggungjawab sehingga mendorong mereka untuk menyumbang kepada penubuhan Kerusi ini dan juga kepada Kerajaan Belanda yang menyumbang sumbangan yang agak besar. Dengan kata itu, saya mengucapkan terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan iaitu:

Bahawa Dewan ini mengikut Peruntukan di bawah Perenggan (a) Seksyen (4), Seksyen 10 Akta Prosedur Kewangan 1957 (Pindaan 1972), membuat ketetapan bersetuju supaya Jadual Kedua Akta tersebut dipinda dengan menambah kepadanya butiran baharu seperti berikut:

“Kumpulanwang Amanah bagi membiayai Kerusi Pengajian Melayu di Leiden University The Netherlands”.

Masalah dikemukakan bagi keputusan dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini mengikut Peruntukan di bawah Perenggan (a) Seksyen Kecil 4, Seksyen 10 Akta Prosedur Kewangan 1957 Pindaan 1972, membuat ketetapan bersetuju supaya Jadual Kedua Akta tersebut dipinda dengan menambah kepadanya butiran baharu seperti berikut:

“Kumpulanwang Amanah bagi membiayai Kerusi Pengajian Melayu di Leiden University The Netherlands”.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERKHIDMATAN PEMBETUNGAN 1993

#### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.45 ptg.

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Dr. Ting Chew Peh]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Akta baru yang dinamakan Akta Perkhidmatan Pembetulan 1993 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat Perlembagaan Persekutuan telah menetapkan bahawa di bawah Butiran 7 Senarai 3, Jadual 9, pembetulan adalah tanggungjawab bersama di antara

Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Selaras dengan Perkara 76, Perlembagaan Persekutuan, beberapa Akta telah digubalkan memberi kuasa kepada pihak berkuasa tempatan dalam rancangan pembinaan dan pengendalian sistem pembedungan yang terletak di dalam kawasan pihak berkuasa tempatan. Tetapi oleh kerana kekurangan sumber kewangan dan kakitangan teknikal yang mahir, pihak berkuasa tempatan terpaksa mendapatkan bantuan kewangan dan nasihat teknikal daripada Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Kementerian Kesihatan.

Perkara pembedungan sebagai perkara bersama di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri juga telah menimbulkan beberapa masalah seperti persoalan pembiayaan projek, pertindihan tugas dan kuasa serta kekurangan dasar seragam yang diamalkan.

Selain daripada mengoperasikan sistem pembedungan yang sedia ada pihak berkuasa tempatan juga bertanggungjawab melaksanakan projek-projek pembedungan berpusat bagi bandar-bandar yang tidak mempunyai sistem pembedungan yang sesuai. Setakat ini hampir kesemua sistem pembedungan berpusat dibiayai oleh pinjaman-pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan. Oleh kerana kos projek yang tinggi pihak berkuasa tempatan mendapati sukar untuk membayar balik pinjaman berkenaan. Sebagai contoh, Majlis Perbandaran Seberang Perai terpaksa menggunakan kira-kira 70% daripada semua hasilnya untuk membayar balik pinjaman Pembedungan yang berjumlah RM94 juta kepada Kerajaan Persekutuan. Selain daripada itu, kadar caj pembedungan yang dikenakan oleh pihak berkuasa tempatan tidak cukup untuk menampung kos

operasi dan penyelenggaraan sistem pembedungan. Hakikat ini menyebabkan pihak berkuasa tempatan enggan melaksanakan projek pembedungan yang sesuai walaupun sistem-sistem pembedungan yang sedia ada tidak memuaskan ataupun tidak sesuai.

Tuan Yang di-Pertua, kekurangan kakitangan teknikal yang mahir dalam sistem pembedungan di pihak berkuasa tempatan telah menyebabkan sistem pembedungan tidak beroperasi dengan sempurna. Terdapat jawatan teknikal di pihak berkuasa tempatan tidak diisi selaras dengan dasar Kerajaan untuk memperkecilkan saiz Perkhidmatan Awam.

Selain daripada itu, pihak berkuasa tempatan menghadapi masalah untuk menarik minat jurutera-jurutera yang berkelayakan untuk menyertai perkhidmatan Kerajaan Tempatan kerana tawaran yang lebih lumayan daripada pihak swasta dan secara perbandingan kekurangan peluang kemajuan kerjaya di sektor awam pada masa ini terdapat kurang daripada 10 orang jurutera di dalam 143 pihak berkuasa tempatan di seluruh negara yang terlibat sepenuh masa dalam sektor pembedungan. Akibatnya kebanyakan pihak berkuasa tempatan terpaksa meminta pihak pemaaju untuk mengendalikan sistem pembedungan yang telah dibina untuk beberapa tahun sehingga pihak berkuasa tempatan mampu mengendalikannya. Walau bagaimanapun, bagi menjimatkan kos, kebanyakan pemaaju tidak mengendalikan loji pembedungan berkenaan dengan sempurna.

Perlaksanaan yang tidak seragam oleh pihak berkuasa tempatan merumitkan lagi masalah pembedungan di seluruh negara. Misalnya setengah pihak berkuasa

tempat menenakan syarat yang ketat terhadap sistem pemetungan, manakala yang lain pula menenakan syarat yang longgar dengan membenarkan tangki septik substandard digunakan. Berdasarkan fakta-fakta yang saya sebutkan itu sektor pemetungan tidak diberi perhatian yang sewajarnya oleh kebanyakan pihak berkuasa tempatan dalam memenuhi keperluan pembangunan jika dibandingkan dengan lain-lain infrastruktur seperti jalan raya, bekalan air dan elektrik. Ini telah menyebabkan wujudnya satu senario bahawa sistem dan perkhidmatan pemetungan di Malaysia adalah tidak memuaskan. Alam sekitar, sumber air dan pantai perangan di negara kita seringkali dicemari oleh effluen yang dikeluarkan dari sistem pemetungan.

Jabatan Alam Sekitar juga telah mengenalpasti sebanyak tujuh batang sungai, antara lainnya ialah Sungai Klang dan Sungai Sepang telah tercemar dengan teruk. Kebanyakan sungai ini merupakan sumber air minuman kita. Kekeraan berlakunya penyakit bawaan air seperti taun dan Hepatitis B adalah buktinya pencemaran yang disebabkan oleh sistem pemetungan telah berlaku. Pencemaran pantai perangan seperti Port Dickson dan Batu Feringgi telah menandakan kesan buruk terhadap industri pelancongan dan juga imej negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa setakat ini masalah perkhidmatan pemetungan tidak dapat diatasi dengan memuaskan oleh pihak berkuasa tempatan maka Kerajaan Persekutuan telah memutuskan untuk mengambil tanggungjawab terhadap semua perkara yang berkaitan dengan sistem dan perkhidmatan pemetungan daripada pihak berkuasa tempatan. Pengambilalihan tanggungjawab pemetungan ini

akan menandakan banyak faedah selain daripada mengurangkan masalah pencemaran, iaitu seperti:

- (i) Peraturan dan piawai serta pelaksanaan sistem pemetungan dapat diseragamkan untuk seluruh negara;
- (ii) dengan adanya keseragaman, maka pengesanan dan pengawalan sistem pemetungan seluruh negara dapat dijalankan dengan lebih licin dan berkesan supaya keperluan piawai yang ditetapkan dapat dipenuhi.
- (iii) pengurusan dan perancangan sistem pemetungan di seluruh negara dapat dijalankan dengan berkesan dan ini akan mempercepatkan pelaksanaan projek pemetungan di seluruh negara;
- (iv) penjimatan sumber kewangan dan tenaga manusia dalam sektor pemetungan kerana tiadanya pertindihan tugas; dan
- (v) membolehkan Kerajaan men-swastakan sistem pemetungan seluruh negara bagi meringankan beban Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi hasrat Kerajaan Persekutuan untuk men-swastakan sistem dan perkhidmatan pemetungan seluruh negara memandangkan tindakan ini akan menandakan banyak faedah. Sehubungan dengan penswastakan ini, satu badan kawalseliaan akan ditubuhkan di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk memastikan bahawa penswastakan

Sehubungan dengan ini, beberapa Ordinan bagi negeri Sabah dan Sarawak juga perlu dipinda. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan memberi nasihat kepada Kerajaan-Kerajaan Negeri tersebut untuk membuat pindaan sewajarnya supaya selaras dengan Rang Undang-undang Perkhidmatan Pembetulan 1993.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menerangkan secara ringkas beberapa peruntukan dalam Rang Undang-undang ini yang dibahagikan kepada 10 Bahagian:

Bahagian I meliputi tajuk tarikh kuatkuasa dan definasi terma-terma yang digunakan;

Bahagian II memperuntukkan pemindahan tanggungjawab aset dan liabiliti pihak berkuasa tempatan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan pembetulan kepada Kerajaan Persekutuan. Ia juga memperuntukkan kuasa kepada Kerajaan Persekutuan untuk menswastakan sistem dan Perkhidmatan pembetulan;

Bahagian III mempertuntukkan perlantikan seorang Ketua Pengarah dan pegawai-pegawainya untuk menjalankan tugas-tugas dan fungsi-fungsi kawalseliaan serta kuasa Ketua Pengarah sebagaimana diperuntukkan di bawah Akta ini. Bahagian ini juga memperuntukkan kuasa kepada Menteri bagi mengeluarkan arahan kepada Ketua Pengarah mengenai perkara-perkara yang berhubung dengan pembetulan;

Bahagian IV memperuntukkan bahawa semua sistem pembetulan yang akan dipindahkan daripada Pihak Berkuasa Tempatan kepada Kerajaan Persekutuan akan dianggap sebagai

sistem pembetulan awam. Ia memberi kuasa kepada Menteri untuk mengisytiharkan mana-mana sistem pembetulan sebagai sistem pembetulan awam. Di samping itu, ia memberi kuasa kepada Ketua Pengarah berhubung dengan pembinaan, operasi dan penyelenggaraan sistem pembetulan awam. Bahagian ini juga memperuntukkan kuasa kepada Ketua Pengarah bagi mengenakan penalti ke atas sesiapa yang menyebabkan kerosakan kepada sistem pembetulan awam yang menghendaki orang itu memperbaiki kerosakan yang dilakukannya;

Bahagian V memperkatakan sistem pembetulan swasta dan memberi kuasa kepada Ketua Pengarah untuk mengawalselia penyenggaraan sistem pembetulan swasta, termasuk tangki septik. Ia juga memperuntukkan kuasa kepada Ketua Pengarah supaya menghendaki sistem pembetulan swasta disambung kepada sistem pembetulan awam jika jarak di antara sempadan premis dan sistem pembetulan awam kurang daripada 30 meter. Di samping itu, ia juga memperuntukkan penalti dikenakan ke atas pemilik bangunan yang tidak mematuhi peruntukan Akta ini;

Bahagian VI memberi kuasa kepada Ketua Pengarah atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Ketua Pengarah untuk memasuki mana-mana kawasan bagi tujuan bersangkutan dengan sistem pembetulan. Ia juga memperuntukkan pampasan perlu dibayar oleh sesiapa yang melakukan kerosakan semasa kerja-kerja berkaitan pembetulan dijalankan;

Bahagian VII memberi kuasa kepada Menteri untuk menentukan caj-caj atau pengecualian yang boleh dikenakan bagi perkhidmatan pembetulan yang diperuntukkan di bawah Akta ini.

Sehubungan dengan ini, beberapa Ordinan bagi negeri Sabah dan Sarawak juga perlu dipinda. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan memberi nasihat kepada Kerajaan-Kerajaan Negeri tersebut untuk membuat pindaan sewajarnya supaya selaras dengan Rang Undang-undang Perkhidmatan Pembetungan 1993.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menerangkan secara ringkas beberapa peruntukan dalam Rang Undang-undang ini yang dibahagikan kepada 10 Bahagian:

Bahagian I meliputi tajuk tarikh kuatkuasa dan definasi terma-terma yang digunakan;

Bahagian II memperuntukkan pemin-dahan tanggungjawab aset dan liabiliti pihak berkuasa tempatan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan pembetungan kepada Kerajaan Persekutuan. Ia juga memperuntukkan kuasa kepada Kerajaan Persekutuan untuk menswastakan sistem dan Perkhidmatan pembetungan;

Bahagian III mempertuntukkan perlantikan seorang Ketua Pengarah dan pegawai-pegawainya untuk menjalankan tugas-tugas dan fungsi-fungsi kawal-seliaan serta kuasa Ketua Pengarah sebagaimana diperuntukkan di bawah Akta ini. Bahagian ini juga memper-untukkan kuasa kepada Menteri bagi mengeluarkan arahan kepada Ketua Pengarah mengenai perkara-perkara yang berhubung dengan pembetungan;

Bahagian IV memperuntukkan bahawa semua sistem pembetungan yang akan dipindahkan daripada Pihak Berkuasa Tempatan kepada Kerajaan Persekutuan akan dianggap sebagai

sistem pembetungan awam. Ia memberi kuasa kepada Menteri untuk mengisytiharkan mana-mana sistem pembetungan sebagai sistem pembetungan awam. Di samping itu, ia memberi kuasa kepada Ketua Pengarah berhubung dengan pembinaan, operasi dan penyelenggaraan sistem pembetungan awam. Bahagian ini juga memperuntukkan kuasa kepada Ketua Pengarah bagi mengenakan penalti ke atas sesiapa yang menyebabkan kerosakan kepada sistem pembetungan awam yang menghendaki orang itu memperbaiki kerosakan yang dilakukannya;

Bahagian V memperkatakan sistem pembetungan swasta dan memberi kuasa kepada Ketua Pengarah untuk mengawalselia penyenggaraan sistem pembetungan swasta, termasuk tangki septik. Ia juga memperuntukkan kuasa kepada Ketua Pengarah supaya menghendaki sistem pembetungan swasta disambung kepada sistem pembetungan awam jika jarak di antara sempadan premis dan sistem pembetungan awam kurang daripada 30 meter. Di samping itu, ia juga memperuntukkan penalti dikenakan ke atas pemilik bangunan yang tidak mematuhi peruntukan Akta ini;

Bahagian VI memberi kuasa kepada Ketua Pengarah atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Ketua Pengarah untuk memasuki mana-mana kawasan bagi tujuan bersangkutan dengan sistem pembetungan. Ia juga memperuntukkan pampasan perlu dibayar oleh sesiapa yang melakukan kerosakan semasa kerja-kerja berkaitan pembetungan dijalankan;

Bahagian VII memberi kuasa kepada Menteri untuk menentukan caj-caj atau pengecualian yang boleh dikenakan bagi perkhidmatan pembetungan yang diperuntukkan di bawah Akta ini.

Bahagian VIII memperuntukkan kuasa kepada Ketua Pengarah bagi meluluskan pelan dan spesifikasi sistem pembedungan. Di samping itu, Ketua Pengarah boleh menurunkan kuasa ini kepada pihak berkuasa perancangan tempatan;

Bahagian IX memperuntukkan supaya kontraktor-kontraktor perlu mendapatkan lesen daripada Ketua Pengarah bagi menjalankan kerja-kerja yang berkaitan dengan perkhidmatan, pembinaan dan penyenggaraan sistem pembedungan. Pelesenan adalah diperlukan bagi tujuan kawalan dan rancangan. Bahagian ini juga memperuntukkan kuasa kepada Ketua Pengarah untuk membatalkan atau menggantung lesen sekiranya pemegang lesen melanggar syarat-syarat lesen yang telah ditetapkan dan prosedur untuk merayu oleh pihak yang terkilan; dan

Bahagian X memperuntukkan cara pendakwaan dan kuasa kepada Ketua Pengarah untuk mengkompau kesalahan yang dilakukan di bawah Akta ini. Ia juga memperuntukkan penentuan tuanpunya premis sebagai pemilik yang berdaftar. Sekiranya berlaku, penjualan dan pemindahan hakmilik, sebarang perbelanjaan berkaitan dengan pembedungan adalah masih menjadi tanggungjawab penjual sehingga pemindahan hakmilik berkuatkuasa. Di samping itu, Menteri berkuasa membuat peraturan-peraturan yang diperlukan bagi melicinkan perjalanan dan pelaksanaan sistem pembedungan.

Tuan Yang di-Pertua, demikianlah intisari beberapa peruntukan dalam Rang Undang-undang ini dan beberapa faedah yang dapat diperolehi oleh negara dan rakyat jelata, setelah sistem dan perkhidmatan pembedungan diseragamkan. Dengan itu, saya mohon menca-

dangkan.

**Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Abdul Ghani bin Othman]:** Tuan yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda dan menyatukan undang-undang yang berhubungan dengan sistem pembedungan dan perkhidmatan pembedungan di seluruh Malaysia bagi maksud memperbaiki kebersihan dan alam sekitar dan meningkatkan kesihatan awam; dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dan bersampingan dengannya, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Tanjong.

5.02 ptg.

**Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang di hadapan kita, saya mahu menggunakan peluang ini untuk menyampaikan takziah saya dan parti saya kepada keluarga Allahyarham Dato' Mazlan Idris, ADUN Pahang yang didapati dibunuh dengan begitu keji dan satu perbuatan yang patut dikutuk dengan sekeras-kerasnya oleh kerana perkara semacam ini tidak patut dibenar berlaku di dalam tanah air kita. Kita berharap bahawa pihak polis akan mengambil segala tindakan yang perlu membawa mereka yang bertanggungjawab ke muka pengadilan.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Perkhidmatan Pembedungan 1993 ialah pertama daripada siri enam Rang Undang-undang yang akan dikemukakan

di dalam Dewan yang mulia ini supaya buat persediaan untuk suatu kontrak penswastaaan yang terbesar sekali dalam sejarah penswastaaan tanahair kita ialah penswastaaan bernilai RM6.27 billion sistem perkhidmatan pembedungan nasional. Rang Undang-undang yang lain ialah:

- (i) Rang Undang-undang Kerajaan Tempatan (Pindaan) 1993;
- (ii) Rang Undang-undang Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 1993;
- (iii) Rang Undang-undang Jalan, Parit dan Bangunan (Pindaan) 1993;
- (iv) Rang Undang-undang Wilayah Persekutuan Labuan (Pindaan Ordinan Kesihatan Awam) 1993; dan
- (v) Rang Undang-undang Wilayah Persekutuan Labuan (Pindaan Ordinan Kerajaan Tempatan) 1993.

Kesemua enam Rang Undang-undang.

Dalam Rancangan Malaysia Keenam, yang dibentang dalam Dewan yang mulia ini pada Julai 1991, mengenai pembedungan adalah perenggan ini yang berbunyi:

#### “12.34 Pembedungan

Selaras dengan objektif Kerajaan untuk memelihara kualiti dan kuantiti sumber-sumber air, meningkatkan kesihatan umum dan menggalakkan pelancongan pembangunan program pembedungan akan diberi keutamaan yang lebih dalam tempoh Rancangan

Malaysia Keenam. Usaha-usaha akan diteruskan bagi menyediakan kemudahan-kemudahan pembedungan, berpusat di ibu-ibu negeri, pusat-pusat bandar utama dan di tempat-tempat pelancongan.

Selain dari itu, kemudahan-kemudahan loji rawatan yang sesuai akan disediakan di kawasan-kawasan muka saut sungai di mana risiko dari jangkitan penyakit akibat pembuangan najis adalah tinggi. Di samping meningkatkan lagi penguatkuasaan peraturan supaya pemaju-pemaju perumahan, hotel, tempat-tempat pelancongan dan lain-lain pembangunan, membina loji-loji rawatan berkelompok dan sistem pembedungan berpusat di kawasan projek masing-masing; industri-industri akan digalakkan untuk merawat dan membuang sisa kilang ke loji-loji rawatan pembedungan.

Memandangkan kos membina sistem pembedungan berpusat adalah tinggi, insentif-insentif akan disediakan bagi memastikan projek-projek tersebut akan berdaya maju untuk dilaksanakan dan diswastakan”.

Itulah apa yang mustahak. Memandangkan kos membina sistem pembedungan berpusat adalah tinggi, insentif-insentif akan disediakan bagi memastikan projek-projek tersebut akan berdaya maju untuk dilaksanakan dan diswastakan. Memandangkan bahawa Kerajaan Pusat sudah buat satu keputusan pada awal Rancangan Malaysia Keenam, untuk menswastakan sistem pembedungan, soalan yang berbangkit ialah kenapa proses penswastaaan sistem pembedungan nasional tidak dilakukan secara ‘open tender’ supaya semua pihak-pihak yang berminat untuk buat tawaran, boleh buat demikian khususnya, memandangkan ia menjadi satu pen-

swastaaan terbesar dalam sejarah penswastaaan di Malaysia.

Sebaliknya kita lihat bahawa kontrak penswastaaan yang terbesar sekali dalam sejarah penswastaaan Malaysia sudah diberi kepada seorang yang boleh disifatkan sebagai "high corporate flyer", kawan karib Perdana Menteri, kawan karib Menteri Kewangan, Tan Sri Vincent Tan. Adakah Yang Berhormat menafikan? Ada nafi? Tidak boleh nafi! Mahu mengesahkan, bukan? Tan Sri Vincent Tan, benar bukan? Kalau mahu nafi, saya beri jalan. Mana boleh, mana boleh nafi, itu benar. Dia diberi melalui Indah Konsortium, dan komposisi Indah Konsortium ialah:

- (i) North-West Water Malaysia Sdn. Bhd. (NWW) yang mewakili 25%;
- (ii) Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) yang mewakili 20%;
- (iii) Koperasi Polis DiRaja Malaysia Bhd. (KPD) yang mewakili 20%;
- (iv) Indah Waste Water Management Malaysia Sdn. Bhd. (IWM) yang diwakili oleh Tan Sri Vincent Tan, kawan karib Yang Berhormat Menteri Kewangan yang baru masuk, [Ketawa] ialah 17.5%;

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:**  
[Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Dato' Menteri bangun.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Saya dengar Tuan Yang di-Pertua, berulang kali disebut, sama ada kawan karib atau

tidak, pertamanya saya yang patut mengesahkan. Memang Vincent Tan itu kenalan saya tetapi untuk dia buat tafsiran bahawa saya kawan karib Vincent Tan itu, saya ingat maksudnya maksud politik, biadab dan jahat sahaja. Dia bukan kawan karib saya. Saya tidak pernah tahu di mana dia tinggal, saya tidak kenal keluarga dia, jadi tidak mungkin jadi kawan karib, kalau begitu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Begitu guilty conscious.....

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:**  
Tidak!

**Tuan Lim Kit Siang:** Itu statement of fact!

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:**  
Bukan statement of fact, itu kenyataan biadap. You want to steel a political mileage not at the expense of my credibility here! You want to challenge.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Yang Berhormat Menteri Kewangan kata.....

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:**  
Tuan Yang di-Pertua, sebelum panjang, saya tahu cara biadap mereka ini. Dalam ini saya memang ambil satu sikap serius, kerana bagi saya, ada beberapa prosidur yang dilalui oleh Kerajaan, khususnya Unit Perancang Ekonomi yang menentukan, bukan Kementerian Kewangan. Saya ambil tanggungjawab, collective responsibility dalam Jemaah Menteri.

Keduanya dalam kes ini, insinuationnya ialah bahawa kita ada kepentingan peribadi atau kelompok dalam kes ini.

Sebelum panjang, Yang Berhormat dari Tanjong atau kawan-kawan, kunci-kunci dia hendak masalah ini, saya

hendak tegaskan, sebaik sahaja saya dengar ada apa-apa petanda kecil atau besar yang mengaitkan kepentingan saya, peribadi atau kelompok saya dengan syarikat ini, saya cabar mereka untuk ulang kenyataan dan tuduhan ini terbuka di luar, kerana saya mahu ambil tindakan terhadap mereka. [*Tepuk*]

**Tuan Lim Kit Siang:** Adakah Yang Berhormat Menteri Kewangan mahu saya ulang di luar bahawa "Tan Sri Vincent Tan, kawan karib Yang Berhormat Menteri Kewangan" - mahu saya ulang di luar?

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, dia tahu ini kenyataan politik bodoh, kerana kita bukan satu kes mahkamah yang hendak dengar kalau ada soal karib atau tidak. Pertamanya, dia bukan kawan karib. Saya minta kalau hendak dikeluarkan, dikeluarkan dan it is a petty issue to my mind sama ada hendak katakan seorang itu kawan karib atau tidak. Saya sebagai seorang politik akan senang hati kalau orang kata, semua kawan karib saya. Tetapi yang saya hendak tekankan di sini, adakah kenyataan itu yang diulang-ulang, kerana mereka ingat apa tujuan kita bangkitkan ini, Tuan Yang di-Pertua? Ini ialah moral position kita bangkitkan. Mengapa kita dibangkitkan soal korporasi atau rasuah yang sebenarnya? Apakah yang dibangkitkan itu ialah insinuation atau innuendo untuk menyinggung dan mempertikaikan keupayaan kewibawaan kita sebagai tokoh politik. Kalau ini maksudnya, kalau isunya isu rasuah dan penyelewengan serta penyalahgunaan kuasa, saya cabar isu itu diluag di luar, kalau berani. Kalau tidak, memang satu kenyataan politik yang tidak bertanggungjawab.

Saya juga boleh ulang banyak perkara tentang nepotism, penyalahgunaan kuasa,

keangkuhan, in the name of morality on the most arrogant of politicians, I have heard, kerana menyalahgunakan kuasa, pengaruh dan kebebasan dalam Dewan yang mulia ini. [*Tepuk*] Saya sebut perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, kerana bukan sekali, bukan dua, bukan tiga, tetapi berulang kali dikaitkan dengan kepentingan-kepentingan. Saya tidak jadi Menteri Kewangan untuk memperkayakan diri saya atau kelompok saya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Yang pertama, siapa yang menyalahgunakan kuasa? Yang Berhormat Menteri Kewangan menyalahgunakan kuasa, berdiri bercakap begitu panjang, tetapi kita benar, kita tidak ganggu, kita beri chance supaya dia ada satu chance untuk memberi pendirian.

Yang kedua, apa yang kita kata di dalam sini, kita rela kata ulangi di luar. Kalau kita ada kata bahawa Yang Berhormat Menteri Kewangan ada kepentingan sendiri dalam perkara Indah Konsortium, kita rela cakap ulangi di luar, tetapi saya tidak kata begitu. Dia sendiri guilty conscious, dia jump the gun. Tetapi sebenarnya dia bukan mahu jump the gun, tetapi dia mahu satu prestasi, satu syor untuk menunjukkan pendiriannya. Itu baik, kita beri chance kepada dia untuk memberi pendiriannya, tetapi apa yang kita kata, kita rela membela. Kalau kita ada kata bahawa Yang Berhormat Menteri Kewangan ada pecuniary interest dalam perkara ini, kita rela ulangi di luar. Adakah kita kata?

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Tanjong tidak kata.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tak minta jalan pun!

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Oh, minta jalan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Itu biadap. Itu apa yang biadap.....

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Yang itu saya.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Tetapi kita beri jalan. Boleh, kita beri jalan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti dahulu. Perkataan "biadap" itu saya rasa tak eloklah dikatakan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tak elok? Minta Yang Berhormat Menteri Kewangan tarik balik "biadap" itu.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Kalau Yang Berhormat dari Tanjong tarik, saya sama-sama tarik.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tarik.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Okay, saya tarik.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya ikut sahaja Yang Berhormat Menteri Kewangan.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** ... saya ikut Yang Berhormat dari Tanjong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, sudahlah.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tarik balik, supaya dia pun tidak biadap dan saya pun tidak biadap - baik-baik - semua tak biadap.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, saya sebut sebab saya ikuti dan setiap kali perkara ini dibangkitkan, saya memang dengar. Dalam banyak hal saya dengar dan teliti serta hargai peranan dan tanggungjawab Pembangkang untuk memberikan

pandangan mereka. Saya hormat dalam beberapa pandangan tertentu, tetapi untuk membuat satu - tidak tuduhan yang nyata, tetapi untuk dikaitkan, bukan sahaja Yang Berhormat, tetapi beberapa Yang Berhormat lain daripada DAP. Untuk mereka ada masalah dengan tauke-tauke besar Cina, itu masalah dia, jangan kaitkan kita. Kita ada pendirian kita dan prinsip kita. Untuk adakan kaitan, umpamanya, ada insinuation kerana kita perlu 200 juta, 100 juta, ini berulang kali. Saya minta Yang Berhormat dari Tanjong gunakan kebebasan, betul, tetapi jangan buat insinuation atau innuendo tentang kepentingan ini. Saya pandang berat dari segi itu.

Soalan teguran Yang Berhormat, hak Yang Berhormat untuk menggunakan kebebasan menegur dan mengkritik Kerajaan, saya terima baik, saya tidak persoalkan itu, kerana saya rasa kita harus hargai peraturan demokrasi kita. Tetapi jangan atas nama kebebasan, atas nama pendirian moral, kita membuat singgungan ini berulang kali. Saya memang betul, Yang Berhormat dari Tanjong belum kata, tetapi sememang saya anticipate, kerana memang saya tahu perkara ini sudah dikata oleh Yang Berhormat dari DAP berulang kali dan saya rasa tidak adil kerana tujuannya itu bukan sekadar ini, tetapi dikaitkan dengan beberapa persoalan lain yang berlaku dalam politik negara, termasuklah apa yang dianggap akan menyinggung saya dalam menghadapi perkembangan dan politik parti saya sendiri. Ini saya rasa tidak adil untuk mereka cuba campurtangan begini dan menyinggung, bahkan innuendo yang saya dikaitkan secara halus dengan politik rasuah yang saya tegas menentang.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ini satu tuduhan yang sangat serius bahawa kita mahu

campurtangan dalam perebutan kuasa dalam UMNO. Saya cabar Yang Berhormat Menteri Kewangan memberi satu contoh di mana kita ada campurtangan, sama ada untuk bantu puak-puak yang menentang atau untuk melemahkan kedudukan puak-puak yang menyokong Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk naik lagi satu tangga dalam UMNO, lebih dekat jawatan Perdana Menteri. Itu hal UMNO, hal Yang Berhormat Menteri Kewangan, hal Timbalan Perdana Menteri. Kalau begitu, mungkinlah dua hari dahulu ada orang kata bahawa kita campurtangan untuk bantu Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam perbahasan pindaan kepada Perlembagaan. Ini tidak timbul. Saya tidak campurtangan. Tetapi jangan harap oleh kerana ini hal dalaman UMNO bahawa kalau kita buat apa-apa teguran yang boleh dilihat sebagai memihak puak A atau puak B, kita takut buat begitu, tidak. Tetapi Yang Berhormat Menteri Kewangan tidak patut anticipate – dia kata, dia anticipate – saya akan cakap atau saya akan tuduh bahawa beliau ada kepentingan kewangan dalam perkara ini. Bagaimana dia boleh anticipate? Dia boleh kata anticipate, kalau itu benar. Kalau itu tidak benar, apa anticipation itu? Itu hallucination, bukan anticipation!

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tetapi untuk memberi Yang Berhormat Menteri Kewangan satu ruang dan satu peluang untuk memberi pendiriannya, saya rasa baiklah, mungkin ini boleh dilihat oleh puak-puak yang lain bahawa untuk membantu Yang Berhormat Menteri Kewangan nampaknya dalam tiga bulan ini sangat susahlah. Cakap apa-apa boleh dilihat “pro-Anwar” atau “pro-Ghafar”, terperangkap di dalam politik tanah air di sini.

Saya berbalik kepada komposisi-komposisi Indah Konsortium. Tadi saya ada sebut tiga komponen: North-West Water; Lembaga Tabung Angkatan Tentera; Koperasi Polis Di-Raja Malaysia Berhad; Indah Waste Water Management Berhad yang diwakili oleh Tan Sri Vincent Tan. Indah Waste Water Management Sdn. Bhd. – 17.5%; dan

- (v) Aims Worldwide Malaysia Sdn. Bhd. yang diwakili oleh Dato' Ghazi bin Haji Ramli – 17.5%

Saya tidak tahu sama ada Yang Berhormat Menteri Kewangan mahu nafi lagi bahawa Dato' Ghazi pun kawan kariblah. Mahu nafi juga.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tegaskan - saya kenal. Tidak termasuk dalam istilah “karib”. Kenal memang saya kenal, rumah dia pun saya belum tahu, kalau dalam istilah “karib”lah. Kalau Yang Berhormat dari Tanjong hendak sengih, sengihlah; saya tidak peduli. Tetapi tujuan apa untuk kaitkan sama ada karib atas satu projek diluluskan oleh Jemaah Menteri dikaitkan sebagai satu kawan karib kepada Menteri Kewangan, kalau tidak untuk mempertikaikan kebijaksanaan keputusan itu. Itu sebab maka saya bangkit untuk beri penjelasan supaya istilah “kawan karib” itu – itu adalah hak sesiapa. Takkan kita hendak jadikan isu. Saya tidak akan saman Yang Berhormat Tanjong ke mahkamah, kerana sebut seorang itu kawan karib saya!

**Tuan Lim Kit Siang:** Kalau karib, kariblah. Bukan karib, bukan kariblah. Itu bukan masalah, bukan?

Tuan Yang di-Pertua, sejarah penswastaan di Malaysia khususnya

penwastaaan kontrak-kontrak mega berbilion-bilion ringgit iaitu satu cara bagaimana pemimpin-pemimpin korporat boleh menggunakan perhubungan mereka untuk mendapat kontrak-kontrak yang besar. Dan di mana hak-hak kepentingan-kepentingan rakyat tidak boleh dapat pertimbangan yang sewajar oleh kerana mereka tidak ada access kepada proses membuat keputusan. Dan mereka pun langsung tidak tahu apa yang sedang berlaku dalam proses penwastaaan.

Sekurang-kurangnya kalau proses penwastaaan itu dibuat melalui secara 'open tender' sekurang-kurangnya ada mekanisma untuk mengawal kepentingan orangramai. Oleh kerana dalam proses persaingan (competition) antara penawar-penawar (bidders) kepada kontrak-kontrak tersebut merupakan satu check supaya tidak berlaku perkara-perkara yang begitu tidak baik untuk kepentingan orangramai yang disembunyikan daripada scrutiny orangramai.

Sebab itulah pendirian DAP sampai sekarang ialah penwastaaan kontrak-kontrak mega patut dibuat open tender dan termasuk ini. Kita harap bahawa Yang Berhormat Menteri Kewangan boleh balik ke Jemaah Menteri untuk cadang proses penwastaaan-penwastaaan perkhidmatan pembedungan nasional dibuat secara open tender sejajar dengan sebuah Kerajaan yang terbuka, accountable dan transparent. Kita boleh lihat mana ada transparent. Kalau open tender, mana ada transparent? Dan rakyat merupakan sebagai mangsa atau ikan yang terperangkap (captive fishes) dalam sistem ini. Sistem perkhidmatan pembedungan nasional yang diswastakan dan mereka ada hak pun mendapat maklumat seluas-luasnya mengenai penwastaaan ini. Dan pun bahawa

Kerajaan patutlah bertanggungjawab supaya terma-terma yang disetujui bukanlah tidak adil atau onerous atau oppressive dan bukan sahaja jaminan yang cuma kata tentulah Kerajaan akan menjaga kepentingan-kepentingan orangramai, tetapi membenarkan proses seluruhnya untuk diperiksa, untuk dikaji oleh rakyat— proses 'open', accountable dan transparent.

Semacam dalam kontrak penwastaaan sistem perkhidmatan pembedungan nasional ini, kita tahu bahawa yang diberi kepada Indah Consortium. Kita tahu bahawa sebanyak RM500 juta yang diperuntukkan di dalam Rancangan Malaysia Keenam untuk pembangunan pembedungan akan diberi kepada Indah Consortium sebagai soft loan. Bukan? Benar. Ada dua Menteri di sini, boleh nafi, kalau tidak benar. Ada Menteri Kewangan. Ada Menteri yang bertanggungjawab RM500 juta yang sepatutnya sudah diperuntukkan di bawah Rancangan Malaysia Keenam untuk pembangunan pembedungan akan diberi kepada Indah Consortium sebagai satu soft loan dengan low interest, as start-off-capital penwastaaan.

Saya percaya kalau ada satu open tender untuk penwastaaan sistem perkhidmatan pembedungan nasional dan di mana Kerajaan umumkan kita akan memberi RM500 juta sebagai soft loan, sebagai start-off-capital, tentulah ramai pihak-pihak yang akan buat tawaran dan tentu kita akan dapat lebih banyak cadangan-cadangan dan tentulah demi kepentingan orangramai dan negara. Kalau ini dibuat secara umum, Kerajaan akan beri RM500 juta soft loan merupakan satu start-off-capital penwastaaan. Ada RM500 juta soft loan.

Tentu juga ada lagi banyak sebab-sebab yang penting bagaimana rakyat

patut ada hak untuk memeriksa, mengkaji butir-butir, cadangan-cadangan penswastaan untuk sistem perkhidmatan pembetulan nasional. Pertama ialah oleh kerana coverage system ini begitu luas. Penswastaan sistem pembetulan yang diberi kepada Indah Consortium akan melibatkan 43 kawasan-kawasan dalam semua 13 negeri. Ia akan termasuk network-network sewerage dan kemudahan-kemudahan treatment, yang sekarang dimiliki atau dioperasikan oleh Majlis-Majlis Kerajaan Tempatan. Semua sistem-sistem yang sekarang dimiliki dan dijalankan oleh pihak swasta akan diambilalih oleh Indah Consortium. sistem-sistem yang baru yang akan dibina oleh sektor swasta sebagai bahagian dalam projek pembangunan yang baru dan pun sistem-sistem baru yang akan dibina oleh Indah Consortium kepada kawasan-kawasan yang sekarang tidak ada pembetulan.

Dalam 43 kawasan perbandaran ini, Indah Consortium akan memajukan kemudahan-kemudahan pembetulan yang baru, akan certifykan kawasan-kawasan dan kemudahan-kemudahan yang baru yang dibuat oleh sektor swasta dan akan membuat operasi dan bertanggungjawab kepada sistem pembetulan supaya mereka memenuhi piawaian-piawaian (standards) yang ditentukan. Ia pun akan memberi perkhidmatan advisory services yang teknikal kepada kawasan-kawasan Majlis-Majlis Kerajaan Tempatan yang lain. Itulah satu sebab – coverage yang begitu luas.

Sebab yang kedua kenapa rakyat ada hak untuk kaji butir-butir cadangan ini ialah oleh kerana Indah Consortium akan dapat access kepada tanah-tanah (land banks) yang begitu mahal atau begitu berharga yang boleh digunakan dalam

proses penswastaan. Ini pun boleh diconfirm atau boleh dinafikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan di sini di mana boleh generate pendapatan (income) dan keuntungan kepada Indah Consortium.

Sebab ketiga ialah masa yang begitu panjang – 28 tahun. Bukan? 28 tahun. Benar? Sungguhpun untuk menghabiskan pembangunan semua sistem-sistem ini ialah dalam tempoh 18 tahun, kemudian lagi 10 tahun untuk kutip keuntungan.

Sebab keempat, yang paling mustahak ialah rakyat ada hak untuk mengetahui butir-butiran sistem pembetulan yang diswastakan itu bukan sahaja berjumlah RM500 juta diperuntukkan oleh Kerajaan sebagai soft loan, tetapi yang lebih mustahaknya ialah bahawa Indah Consortium apabila penswastaan ini diberikan, kontrak diberikan akan membolehkan dengan serta-merta mengutip wang daripada rakyat jelata dengan billing semua isirumah (household-household) tanpa menunggu projek-projek pembetulan selesai. Itu benar bukan?

Apabila kita meluluskan Rang Undang-undang ini Kerajaan Persekutuan akan mengambilalih perkhidmatan pembetulan daripada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan, dan apabila di bawah peruntukan Fasal 6, Kerajaan menswastakan perkhidmatan pembetulan kepada Indah Consortium, award given, Indah Konsortium boleh bil setiap isirumah (household) di tanahair kita, sewerage tarif dituntut sebelum membuat apa-apa pembangunan. Adakah bukan ini keadaannya? Mahu nafi? Tidak mahu nafi?

**Seorang Ahli:** Tidak berani!

**Tuan Lim Kit Siang:** Kalau tidak silap saya, di bawah cadangan penswastaan ini tarif sewerage atau tarif pembedaan akan menjadi satu surcharge dalam tarif air yang dikutip oleh pihak-pihak Pengarah Bekalan Air tiap-tiap negeri, dan orang ramai akan mendapat satu bil sahaja dan bil ini mengandungi dua bahagian. Satu bahagian ialah air dan lagi satu bahagian ialah pembedaan (sewerage). Dan komponen sewerage dalam bil ini ada dua bahagian lagi. Satu ialah apa yang disifatkan sebagai "availability charge" yang dikira sebagai 1% assessed value harta.

Kedua, ialah "usage charge" yang dikira sebagai satu kadar volume air digunakan.

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan ada dilaporkan dalam akhbar *The Star* pada 13hb Julai, yang mengatakan bahawa "Apabila perkhidmatan pembedaan diswastakan setiap isirumah (every household) perlu membayar antara RM3—RM10 sebulan dalam tempoh 5 tahun yang pertama - benar, bukan? Tidak nafi? - setiap household dikehendaki membayar RM3—RM10 untuk first 5 years". Tentu bukan laporan itu silap. Adakah laporan itu silap? Tidak. Dia tidak mahu menggunakan peluang untuk mengatakan laporan itu silap. Tetapi ini menunjukkan bahawa ini adalah laporan yang benar mengenai apa yang dia katakan.

Mengikut satu kajian yang dibuat oleh Indah Konsortium selama 6 bulan antara 1hb Mac hingga Ogos, 1992, terdapat 697,000 household dalam 43 kawasan-kawasan Kerajaan Tempatan yang ada terlibat dengan sistem pembedaan, dan ada terdapat 577,500 isirumah yang ada septic tank tiap-tiap individu. Bererti

dalam 43 Local Authorities ini, sejumlah sebanyak 1,254,500 household dalam "net" ini. Kalau mengikut Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, setiap household perlu bayar RM3—RM10 satu bulan, untuk 5 tahun yang pertama. Apakah ertinya ini? Berapakah Indah Konsortium akan kutip setiap bulan? Ia akan kutip antara RM4,763,500 kepada RM12,545,000 setiap bulan atau RM4.7 million—RM12.5 million per month.

Kalau mengikut apa yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Perumahan bayaran RM3—RM10 sebulan ertinya 1.2 juta household akan membayar antara RM4.7 juta—RM12.5 juta satu bulan. Jika satu tahun? Satu tahun itu bererti bahawa Indah Konsortium akan mengutip antara RM57.2 juta—RM150.5 juta, siapa yang bayar? Bukan Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan bayar, bukan MCA bayar, bukan pemimpin-pemimpin MCA, Gerakan atau UMNO bayar, tetapi rakyat jelata bayar, every household bayar. [*Tepuk*] Every household bayar di antara RM57 juta—RM150 juta satu tahun. Itulah harga penswastaan pembedaan nasional ini kepada rakyat jelata. Adakah harga ini munasabah? Bukankah ini perlu satu kajian yang lebih transparent kepada orang ramai yang perlu membayar sewerage tarif ini?

Saya mahu bertanya, dan saya mahu mencabar Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan kenapa dia menambah sewerage tariff dua kali ganda daripada apa yang dicadangkan oleh Indah Konsortium sendiri. Kenapa? Saya cabar. Nafi? [**Seorang Ahli: Jawab! Ada rahsia, saya rasa mahu disembunyikan!**] Kerajaan sendiri menambahkan dua kali lipat ganda, Indah Konsortium dalam

cadangannya ialah RM3—RM5 satu household, tetapi dia umum RM3—RM10, selepas itu boleh keluar dan boleh tambah lagi.....

**Seorang Ahli: Rasuah.**

**Tuan Lim Kit Siang:** Seorang Menteri sepatutnya menjaga nasib rakyat jelata, menurunkan kadar bayaran, tetapi di sini kita ada seorang Menteri yang mahu menaikkan lagi, meninggikan kadar bayaran daripada apa yang dicadangkan oleh Indah Konsortium. Inilah satu tindakan yang tidak bertanggungjawab. Atas tindakan itu, seorang yang bermaruah patut resign sebagai Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Tanggungjawab ini kepada siapa? Adakah tanggungjawab kepada rakyat jelata mahu memaksa mereka membayar antara RM57 juta—RM150 juta satu tahun?

Saya beri jalan, kalau mahu jelaskan apa saya kata tidak benar boleh berdiri, kata 'tidak benar'. Berapa kali saya sudah cabar!

**Tuan Lau Dak Kee:** Tak beranilah!

**Tuan Lim Kit Siang:** Inilah contoh yang baik, bahawa bukan sahaja Yang Berhormat Menteri tidak boleh menjaga kepentingan orang ramai, tetapi menganiayai, mengkhianati kepentingan mereka. Cadangan RM3 ke RM5 yang dibuat kepada Kerajaan Pusat pada 18hb Ogos, 1992 tetapi Yang Berhormat Menteri keluar kata, "Wah! akan naik daripada RM3 kepada RM10". Itu adalah private household bukan commercial household. Jangan datang kata, "ini commercial", tetapi ini private household. Jangan putar-belit kata commercial. Kalau begitu, bagaimana orang

ramai boleh mengharap bahawa kepentingan mereka dapat dilindungi oleh Menteri-Menteri yang tidak mahu terbuka, transparent, beraccountable', supaya apa yang mereka buat, orang tidak tahu. Orang tidak tahu bahawa mereka telah menambahkan dua kali ganda pada kadar-kadar yang sebenarnya yang dicadangkan oleh Indah Konsortium. Apa harga yang perlu dibayar oleh orang ramai? Bukan untuk satu tahun, tiga tahun tetapi untuk dua puluh lapan tahun.

Itulah sebabnya kita kata sangat mustahak diadakan satu mekanisme untuk mempertahankan kepentingan orang ramai apabila Kerajaan mahu menswastakan suatu perkhidmatan awam yang penting seperti pembetulan oleh kerana mereka tidak boleh mengharap dan percaya kepada Menteri-menterian lagi. Siapa akan menjaga kepentingan mereka selepas perkhidmatan penting seperti pembetulan diswastakan?

Saya ada lihat dalam Rang Undang-undang ini, Fasal 8, yang mengatakan akan dilantik seorang Director General of Sewerage Services yang mempunyai tanggungjawab seperti dalam Fasal 9 – Powers and functions of the Director General:

- “(a) to formulate and implement a plan so that all reasonable demands for sewerage services are satisfied;
- (b) in consultation with the relevant authorities, prepare a structure plan formulating the policy and general proposals in respect of the development of any new sewerage system and measures for improvement of any existing sewerage system;

- (c) to prescribe the minimum standards and specifications of any installation or equipment relating to sewerage systems, septic tanks, connections and private connection pipes and to register persons supplying such installation or equipment;" dan seterusnya.

Apa yang kita berminat ialah (i):

- “(i) to promote the interests of customers of sewerage services or connection services provided by any person licensed under this Act in respect of—
- (i) the prices to be charged for the services;
- (ii) the quality of the services;
- (iii) in relation to sewerage services, the continuity of the services”.

Nampaknya sangat elok, sangat baik, kerana hendak menimbang bagaimana mustahaknya kepentingan pengguna-pengguna dijaga supaya boleh mengawal prices to be charged, the quality of the services and the continuity of the service. Tetapi bolehkah kita percaya dengan peruntukan Clause 9 (i) – kepentingan pengguna-pengguna akan dapat dilindungi. Apa rekod Kerajaan Barisan Nasional? Dalam penswastaan perkhidmatan-perkhidmatan essential services yang lain, apa rekod?

Cuba lihat bekalan elektrikiti – power supply. Apabila Kerajaan hendak menswasta dan mewujudkan Tenaga Nasional Bhd., dalam tahun 1990, Kerajaan telah datang di Dewan ini untuk

mengemukakan dan meluluskan suatu Rang Undang-undang Bekalan Elektrik dan itu pun ada peruntukan-peruntukan untuk menjaga kepentingan pengguna-pengguna oleh Director General of Electricity. Sekarang kita ada Director General of Sewerage Services.

Dalam Akta Bekalan Elektrisiti, kita ada Director General of Electricity Supply. Apa tanggungjawabnya? – Banyak!

- (a) to issue licences;
- (b) to exercise regulatory functions in respect of the service of providing electricity by the licenses including the determination of performance standards and standards of facilities and services and the enforcement thereof;
- (c) to promote competition in the generation and supply of electricity to, *inter alia* ensure the optimum supply of electricity at reasonable prices;
- (d) to promote the interest of consumers of electricity supplied by licensees in respect of—
- (i) the prices to be charged and the other conditions of electricity supply;
- (ii) the continuity of electricity supply;
- (iii) the quality of the electricity supply services provided.

Mana ada quality? Mana ada continuity? Kalau ada, tentu tidak ada nationwide blackout – “The Black September” – pada 29hb tahun lalu. Kalau

kita ada mengikut peruntukan ini, tentu tidak akan berlaku seperti sekarang yang mana kerap kali bekalan electricity putus - blackout sini, "brown-out" sana. [Ketawa] Bukan beratus ribu tetapi beratus juta ringgit kerugian yang dialami oleh rakyat jelata, peniaga-peniaga, industri-industri dan pengguna-pengguna. Apa kontrol? Sebab itu, apa guna kalau tidak ada kemahuan untuk menjaga kepentingan pengguna-pengguna? Kalau mahu, patut diadakan satu rancangan yang boleh disifatkan sebagai "Consumers Compensation Scheme", oleh kerana ini sudah diwastakan. Kalau ada apa-apa kerugian yang ditanggung oleh pengguna-pengguna baik pun pembetulan ataupun bekalan elektrisiti, tulis dalam undang-undang bahawa "pihak yang berkenaan baik pun Indah Konsortium atau Tenaga Nasional perlu membayar ganti rugi".

**Seorang Ahli:** North-South Highway pun rosak!

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, North-South Highway pun rosak! Siapa pun tidak bertanggungjawab. Kalau kita ikut Britain mengenai penswastan, di Britain ada undang-undang yang mengatakan bahawa kalau diadakan penswastan, patut diperuntukkan untuk consumers' compensation scheme. Di sini mana ada? Di sini pengguna-pengguna here redress. Dalam Rang Undang-undang ini ada banyak peruntukkan di mana tindakan undang-undang boleh diambil terhadap pengguna-pengguna. Kalau hendak pasang pembetulan dan dia engkar, boleh bawa ke mahkamah. Ada 10%, seperti di Fasal 17(2):

"17(2) If the owner or occupier fails to comply with to the notice given under subsection (1) the Director General may apply to a Magistrate's Court for a man-

datory order requiring the owner or occupier to construct or lay the pipe specified in the notice".

Kenapa tidak tulis pengguna pun ada kuasa untuk mendapat mandatory order terhadap Director General atau terhadap Indah Konsortium? - [Tepuk] Itu barulah adil. Indah Konsortium, Tenaga Nasional, North-South Highway atau PLUS, yang Kerajaan telah menswastakan perkhidmatan, mereka diberi senjata untuk ambil tindakan kalau ada apa-apa interruption. Baik! Tetapi kita mahu adil dan seimbang. Kalau pengguna-pengguna mengalami apa-apa kerugian oleh kerana kecuaiian atau tidak bertanggungjawab pihak yang sudah mendapat kontrak penswastan, mereka patut ada dalam undang-undang, bukan general law, tetapi dalam undang-undang 'the Privatisation Document' di mana mereka ada hak untuk mengambil tindakan terhadap baikpun Indah Konsortium, Tenaga Nasional, Telekom, PLUS atau sesiapa sahaja.

Kenapa tidak? Adakah kita di sini hanya untuk menjaga kepentingan mereka yang sangat berkuasa atau yang mahu kaya sahaja?

Tuan Yang di-Pertua, kita mahu jaga. Di sini saya mahu menegaskan bahawa dengan kritik-kritik yang kita buat, bukan bermakna kita menentang penswastan. Penswastan pembetulan - mungkin-lah, kita sudah sampai kepada satu tahap di mana satu langkah yang radikal perlu dibuat untuk mengatasi masalah pembetulan di tanah air kita. Pembetulan benar-benar menjadi krisis, banyak sungai-sungai yang sudah menjadi sungai mati (dead river), oleh kerana pencemaran. Siapa yang bertanggungjawab? Yang Berhormat Menteri Perumahan kata ini concurrent

subject. Ini bukan tanggungjawab tunggal kepada pihak-pihak Kerajaan Tempatan atau Kerajaan Negeri.

Ini adalah concurrent subject, di mana Kerajaan Persekutuan pun ada bertanggungjawab dan kalau masalah pembetulan sampai ke satu keadaan yang begitu buruk, Kerajaan Persekutuan perlu mengambil tanggungjawab yang lebih besar? Ia adalah tidak lain daripada Yang Berhormat Menteri sendiri – oleh kerana ia Menteri Kerajaan Tempatan dan masalah pembetulan sampai ke tahap ini adalah oleh kerana kecuaiian Kementerian Kerajaan Tempatan. Boleh dikatakan ada dua portfolio dan ada dua perkara di dalam negara kita catastrophe.

Kegagalan besar dalam rekod Kerajaan Barisan Nasional, satu, ialah perkhidmatan 'sewerage'. Kedua, ialah pembinaan rumah kos rendah. Kedua-duanya adalah di dalam Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Kedua-duanya sudah lebih satu atau dua dekad di bawah Menteri MCA yang menunjukkan Menteri-menteri MCA tidak guna, tidak efektif dan cuai, sebab itu timbul kedua-dua masalah yang begini besar – rumah kos rendah dan pambetulan sampai ke tahap ini, sehingga bukan sahaja sungai dan alam sekitar dicemar tetapi juga merosakkan potensi kita sebagai 'tourist attraction' - tempat pelancongan. Bolehkah dia sabotaj 'tourist industry' Malaysia? MCA Menteri semuanya gagal di dalam tanggungjawab mereka.

Bukan kita mau menenang cadangan untuk menswastakan, tetapi cara menswastakan, bagaimana menswastakan dan kita mahu supaya satu 'open tender' diadakan supaya kepentingan orang ramai boleh dipelihara. Yang Berhormat

menteri tidak boleh kata, kalau 'open tender' lebih masa akan diambil, masalah pambetulan akan lebih teruk. Ini tidak boleh menjadi alasan yang boleh diterima. Oleh kerana, sebenarnya, tidak patut projek-projek pambetulan dalam dua, tiga tahun ini dibekukan oleh kerana ada cadangan penswastakan. Kenapa mahu membekukan? Sebab itu RM500 juta dibekukan dan tidak boleh dibelanjakan oleh kerana adanya cadangan penswastakan yang sekarang mahu diberi kepada Indah Konsortium, sebagai 'soft loan start-off capital'. Sepatutnya dalam dua tiga tahun ini, projek-projek 'on the drawing board' patut diteruskan. Antara projek yang dikorbankan bila ini dijalankan ialah projek pambetulan MPPP, Negeri Pulau Pinang iaitu sebuah Pulau yang mahu menjadi tarikan pelancongan, bukan sahaja kepada negeri Pulau Pinang tetapi juga kepada Malaysia, yang menjadi satu 'revenue earner'. tetapi oleh kerana mahu dibekukan, maka pantai-pantai dan negeri Pulau Pinang dicemarkan hingga menjadi satu masalah. Ini semua tidak patut dibuat.

Projek-projek pambetulan patut diteruskan dan cadangan penswastakan patut mengadakan satu 'open tender' supaya ia sebenarnya dibuat untuk kepentingan orang ramai. Tetapi nampaknya apa yang kita lihat ialah ada satu patem dalam Barisan Nasional yang membenarkan satu keadaan krisis berlaku - semacam pambetulan juga, yang berlaku krisis. Kita mahu berjaya untuk menarik pelancong-pelancong, mahu menjaga kesihatan, SUKOM 1998 mahu berjaya – kalau tidak tidak indah, tidak bersih, maka sebab itu sekarang kita menghadapi satu krisis dan kita perlu 'cut corners', tidak ada masa untuk open tender dan negotiated deal. Sengaja membiarkan satu krisis wujud supaya

boleh membuat apa yang mereka mahu buat. Bukan sahaja di dalam masalah pebetungan, tetapi mungkin juga kita akan nampak di dalam masalah projek Kuala Lumpur International Airport, Sepang, mengenai projek-projek untuk SUKOM dan membenarkan keadaan krisis (crisis situation) wujud, maka masa itu 'cut all corners' supaya boleh membelanjakan lebih beratus-ratus juta ringgit yang tidak patut dibelanjakan.

Saya harap bahawa Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan memberi jawapan dan penjelasan yang memuaskan hati di mana ia patut tahu bahawa ada 6 Rang Undang-undang dan kesemuanya mengenai penswastaaan National Sewerage Services. Sebenarnya, kita boleh mengadakan 6 debates dalam perkara ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Lumut.

5.57 ptg.

**Datin Ling Chooi Sieng [Lumut]:**  
Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang yang telah lama ditunggu, yang telah terlambat dan long overdue, dengan izin.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah menasihatkan negara kita supaya mengadakan satu sistem pebetungan awam semenjak lama dahulu atas tujuan kesihatan dan perlindungan alam persekitaran. Di kebanyakan estet perumahan di negeri ini masih menggunakan sistem tangki septik di rumah-rumah individu ataupun sistem kolam oxidation. Kedua-dua sistem ini adalah sistem yang kolot dan lama, old and out-dated, dengan izin. Di samping itu bau busuk yang keluar dari kolam oxidation

serta tangki septik yang tidak dijaga, merupakan satu sumber aduan yang sering disuarakan oleh rakyat kepada kami sebagai Wakil Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, pengenalan satu sistem pebetungan awam yang baik adalah, timely, dengan izin, dan adalah tepat pada masanya. Oleh yang demikian, pembentangan Rang Undang-undang ini merupakan satu bidang perundangan yang bagus dan tepat. Dari penjelasan Rang Undang-undang ini, kita dapat melihat bahawa Kerajaan bercadang menswastakan peruntukan perkhidmatan pebetungan awam ini kepada pihak swasta yang sememangnya akan mengenakan bayaran kepada pihak pemilik rumah ataupun pemaju perumahan untuk menyambung sistem pebetungan rumah ke sistem pebetungan awam.

Kos menyediakan khidmat pebetungan awam ini adalah tinggi dan saya percaya kos tersebut akan meningkat ke angka berjuta-juta ribu ringgit dan saya berharap beban kewangan yang bakal ditanggung oleh para pemilik rumah tidak akan berlipat-ganda. Kepada para pemilik rumah yang masih menggunakan sistem tangki septik, yuran yang dikenakan ke atas mereka seharusnya nominal, sekiranya mereka di kehendaki menyambung ke sistem pebetungan awam itu.

Namun demikian, estet-estet perumahan baru seharusnya dikenakan bayaran sepenuhnya untuk meyambung ke sistem pebetungan awam kerana pemaju perumahan akan tahu bagaimana hendak memasukkan kos tambahan ini ke dalam harga jualan rumah.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang lebih penting ialah sesiapa yang berjaya

mendapat kontrak untuk menyediakan perkhidmatan ini tidak seharusnya dibenarkan mendapat keuntungan berlebihan darinya, dengan izin, they should not be allowed to profiteer from it. Oleh yang demikian, satu Jawatan-kuasa di peringkat tinggi patut ditubuhkan untuk menapis baka-bakal kontraktor bersama dengan latarbelakang kewangan serta kepakaran mereka dalam bidang ini sebelum tender penswastan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Arau.

6.02 ptg.

**Tuan Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tuan Yang di-Pertua, yang pertama sekali saya menyokong Akta meminda dan menyatukan undang-undang yang berhubung dengan sistem pembedaan dan perkhidmatan pembedaan di seluruh Malaysia bagi maksud untuk kebersihan alam sekitar dan meningkatkan kesihatan awam.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya terlupa, saya hendak sentuh sedikit tentang oleh kerana kita bentangkan Rang Undang-undang ini, kita akan menswastakan aktiviti ataupun sistem pembedaan.

Berhubung dengan penswastan, saya tertarik hari Tuan Yang di-Pertua, tentang kenyataan yang telah dikeluarkan oleh Ketua Pembangkang sebentar tadi. Saya sabar menunggu untuk mendengar dia bercakap, tetapi malangnya dia tidak sabar menunggu untuk mendengar saya bercakap. Tinggal ada wakil pun yang

pasti sudah tidak akan faham apa yang saya akan cakapkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap oleh kerana mereka sedang berkumpul beramai-ramai di kantin, mereka boleh dengar. "Dengarlah wahai Ketua Pembangkang dan anak buah". [Ketawa] Saya hendak bertanya, mengapa nama-nama yang disebutkan sebentar tadi menjadi begitu, seolah macam hantu bagi mereka? Saya hendak bertanya soalan ini. Mengapa nama-nama ini begini "taboo"? Sebut sahaja nama ini mereka akan melenting. Kenapa nama Vincent Tan itu bila mereka dengar menjadi macam hantu kepada mereka? Apakah salah manusia ini, saya hendak bertanya? Saya hendak bertanya kepada DAP, apakah salah manusia ini?

**Tuan Lim Hock Seng:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, Bagan minta jalan.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Hendak minta penjelasan?

**Tuan Lim Hock Seng:** Ya, minta penjelasan.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Alright, no problem! Saya iktiraf dia sebagai anak buah yang boleh tahanlah.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan yang di-Pertua, kawan kami telah bercakap kuat-kuat di sini, tetapi mengapa tadi dia tidak mahu meminta penjelasan dari Ketua Pembangkang, sedangkan dia ada berucap tadi?

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Sebab saya tahu jawapan yang hendak diberi adalah sama dengan jawapan yang diberi

kepada Menteri Kewangan. Itu bukan cara saya berhujah. Saya mahu berhujah dan saya hendak bertanya mengapa nama ini, saya hendak bertanya sekarang, dan dia boleh masuk hantar wakillah sebab kadang-kadang Ketua Pembangkang menganggap kami semua ini tak ada standard sebab dia sudah lama di Parlimen. Jadi, dia standard tinggi tetapi tinggi macam mana pun dunia berubah, budaya berubah, orang-orang baru yang muncul kadang-kadang lebih hebat dari orang-orang lama. Kena ingat itu.

Kenapa nama ini menjadi "taboo" dan menghantui orang-orang DAP? Mengapa nama-nama orang kaya lain di Malaysia ini tidak disebutkan? Adakah orang-orang ini menjadi orang yang memberi sumber kewangan kepada DAP, maka DAP tidak pernah sebut? Ada tujuh orang kaya yang telah disebut di dalam satu majalah ternama baru-baru ini. Seorang pun tidak disebut. Nama Vincent Tan saya ingat ialah nama yang tidak termasuk tetapi menjadi begitu takut untuk mereka menyebut nama ini. Ada lagi satu, nama Ananda Krishna. Lagi siapa? Cukup takut? Seolah-olah nama-nama ini boleh menyebabkan DAP lingkup pahana. Tetapi ini tidak penting.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tan Sri Loy.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tan Sri Loy. Kenapa Tan Sri Shahidan tidak sebut? [*Ketawa*] Tetapi saya hendak bertanya di sini, adakah ini merupakan budaya masyarakat Malaysia tidak boleh menengok orang kaya? Saya hendak bertanya soalan ini. Kalau macam ini budaya terjadi, tetapi shukur alhamdulillah, ini bukan budaya rakyat Malaysia. Ini hanya budaya segelintir manusia yang bernama DAP sahaja. Semangat 46 budaya lain. Dia pun satu macam punya hebat. Tengok ketua

Semangat 46, hebat perniagaan dia! Kalah habis semua orang. Budaya Semangat 46 tidak ada. DAP pun diam-diam ada. Hendak saya sebut nama? Sabar, saya ingat besok lagi sedap saya sebut.

Ada juga tetapi yang saya hendak tahu, kita mesti ingat bahawa ini bukan budaya rakyat Malaysia untuk melihat orang kaya. Tengok sahaja orang kaya, kita mesti tarik turun. Tengok sahaja ada orang yang muncul hendak jadi kaya, kita tarik turun. Sebab ini memang menjadi budaya DAP supaya mereka yang muncul untuk memberi sumbangan tenaga kepada perkembangan ekonomi itu diturunkan supaya bila mereka ini tidak menyertai bersama di dalam perkembangan ekonomi, ekonomi kita boleh kurang sedikit pertumbuhannya. Jadi, DAP pun seronok. Itu sebab mana sahaja ada orang kaya, dia akan hentam habis-habisan supaya orang ini rasa sedih, letih-lesu dan tidak lagi memberi sumbangan kepada perkembangan ekonomi kita sekarang.

Siapa lagi orang kaya yang dia hendak turunkan? Mengapa setengah orang kaya dia diamkan? Saya hairan sampai hari ini. Mengapa setengah daripada orang kaya, dia diam sampai hari ini? Hendak kena tengok juga di segi akaun parti DAP ini. Dia diam betul. Saya pun naik hairan. Saya hendak sebut tidak boleh, sebab orang kaya ini, dia tidak kira, semua yang minta derma, saya ingat dia tolong tetapi orang kaya ini DAP diam. Padahal orang kaya ini mengutip duit tiap-tiap hari di Genting sana. Tidak pernah sebut. Dia tidak pernah sebut. Hairan saya. Hairan bin takjub. Mengapa nama ini sebut sahaja, Vincent Tan, oooi.....menggigil.

Jadi, saya hendak minta supaya kita, Barisan Nasional tidak apalah, kita orang

“clear”. Kita tahu kita tidak berperangai macam itu. Hendak minta supaya kita jangan dipengaruhi macam itu. Hendak minta supaya kita jangan dipengaruhi oleh perkara-perkara yang orang kata boleh merosakkan orang yang hendak memberi sumbangan. Sekarang ini kita mahu rakyat maju ke hadapan, bekerja dan sebagainya. Jadi, bila orang naik kita tarik. Ini bukan kerja Barisan Nasional.

Okay, kita pergi kepada syarikat ini. Syarikat ini ialah Indah Waste Water Consortium. North-West, saya tidak pasti sebab saya pun dengar dia sebut. North-West - 20%, Indah Waste Water - 17.5%, Worldwide 17.5 %, Koperasi Polis - 20%, Koperasi Angkatan Tentera - 20%. Indah Waste Water yang katanya dipunyai oleh Tan Sri Vencent Tan - 17.5%. Kenapa 17.5% ini dijadikan isu? Kenapa? Saya ingat kut 20%. Kenapa Koperasi Polis tidak berani dijadikan isu? Berani dijadikan isu? Pangillah! Kenapa Koperasi Angkatan Tentera tidak dijadikan isu? Kenapa North-West tidak dijadikan isu? Kenapa nama itu dijadikan isu, pada had nama itu ada 17% Ini hendak tunjukkan bahawa betapa taidak adilnya DAP dalam memberi sokongan kepada “growth”, kepada pertumbuhan ekonomi?

Bukit Bintang jadi lawyer. Dia jadi lawyer dan saya percaya dia kaya, dan, kita kawan baik Wee, tak rugi kita. Principle di sini ya. Dia kaya sekarang ini kerana perkembangan ekonomi yang hebat. Ada perumahan - Tan Sri Loy buat perumahan, mungkin dia ambil dia jadi lawyer, mana kita tahu, kan? Ini contoh, sebab perkembangan ekonomi yang pesat. Saya pun kalau saya beli rumah, saya cari dia nanti, sebaba apa salahnya, dia sebagai kawan di luar sana.

Tetapi semua ini berlaku kerana perkembangan ekonomi yang baik. Ahli dari Ipoh dapat gaji menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri di Perak dan juga Ahli Parlimen di sini, dapat dua gaji sekali, besar-besar, pencen lagi kerana perkembangan ekonomi yang baik. Kita dapat pertumbuhan elaun pun kerana pertambahan ekonomi yang baik. Mengapa harus kita tarik semua orang kaya? Tetapi ia tak penting. Yang penting sekarang ini, kenapa nama ini yang hanya ada 17.5%, tetapi ikut saya 20%, dihentam? Kenapa tidak hentam Koperasi Polis? Hentamlah kalau berani! Hentam Angkatan Tentera! Sebab apa? Sebab tak difahami konsep penswastaan itu. Apa dia sebut penswastaan?

Saya ingat eloklah konsep penswastaan ini diberi. Saya rasa diberi. Diberikan hari itu? Saya rasa diberi semua Ahli Parlimen, dia tak baca pun! Diberi! Baca sendiri konsep penswastaan itu. Penswastaan itu bukan dibuat atau dicadangkan oleh Kerajaan, dicadang oleh swasta. Saya baca! Kerajaan tak payah jawab, saya pun boleh jawab. Saya baca! Dicapang oleh swasta. Siapa yang cadang dahulu, dialah yang diberi pertimbangan. Tetapi dalam proses untuk memperbaiki supaya ia sesuai dengan swasta dan Kerajaan, akhirnya dibentuk dengan begitu elok, bukan cadang hari ini, besok dapat.

Jadi, kita kena tunjuk. Kita jangan pergi mengatakan, yang ini kita buka kepada siapa yang berminat. Ini siapa yang berminat, memang orang ini dia berminat tentang tangki tahi, dia ingat dia dok tunggu tangki tahi sudah lama, dia tengok dan dengar ada penswastaan, dia pun buat cadangan. Dialah dapat! Fasal apa yang kita tidak berminat dengan tangki tahi ini dia hendak pergi minta pula sekarang? Sebagai contoh ya.

Ini konsep penswastaan. Saya hendak suruh DAP cabar saya di mana-mana, saya enjoy. [*Tepuk*] Tetapi saya minta yang dapat ini saya pening. Cuba beri satu, saya hendak lawan DAP, tengok.

Betul! Apa salah? Kalau DAP masuk pun, kalau dapat, dapatlah, tetapi DAP sebab tak pandai buat kertas kerja, tak erti berniaga, dia tak akan dapatlah, bukan? [*Disampuk*] Arau? Arau pandai berniaga! [*Disampuk*] Arau pun baik dengan semua orang, tak kira! Saya sebagai ahli perniagaan, kena baik. Bukan ahli perniagaan, cuba tengok bekas Ahli Bukit Bintang - peniaga hebat sekarang. Betul Tak? Orang DAP Bekas orang DAP. Dia peniaga hebat dan dia berjaya. Wee Choo Keong kalau dia berhenti esok, dia berniaga hebat, dia pun berjaya. Lepas itu dia mungkin jadi partner saya. Sudah gerenti, saya tahu! After all, we are friends, you know?

Tuan Yang di-Pertua, marilah kita ambil budaya yang lebih sihat. Jangan, saya tak mahu sampai Kerajaan nanti "bias". Sampai pegawai-pegawai Kerajaan "bias". Sebab apabila macam ini, kita hukum manusia ini, jadi dia terpaksa bila dia kaya, dia mesti mati, tak boleh lagi berniaga. Ini apa cerita? Saya tak mahu supaya kita walaupun dikritik, ditentang, tetapi kalau dia telah membuat cadangan yang baik, yang bersih, kita timbang. Jangan jadikan, oh, nanti esok kalau dia kata, "Aku tak boleh beri pada kamu Tan Sri Vincent Tan, sebab nama kamu nanti DAP sapu". Tak boleh!

Sebenarnya, kalau saya jadi - bukan Perdana Menteri, jadi Kerajaan sekarang, saya beri lagi banyak. Dia hendak hentam, hentam sahajalah. Apa salahnya? Bukan dia pergi buat salah apa, dia secara terbuka diisytiharkan

namanya di sini. Tetapi janganlah, saya minta DAP tolonglah! Saya bukan kira siapa, saya bukan kenal siapa pun. Tetapi yang penting, sebab yang saya hendak beri penekanan ini, saya hendak beritahu, pada pandangan saya, sebagai orang yang tahu tentang figures. Sebab saya ada Master dalam Development Studies, saya baca ini semua. Tetapi ketua tuan-tuan ada kesilapan teknik dari segi figure. Cuba tengok. Projek ini setahun RM50 juta. Setahun RM50 juta bukan, orang kutip? Jadi, ini memang baguslah. Dia cakap macam itu memang baguslah, kita memang seronok mendengar. Projek ini cuma 28 tahun. 28 kali RM50 juta, berapa?

Pada hal projek ini RM6.2 bilion. Jadi, dia seronok bercakap, dia terlupa dari segi angka. Biarkanlah, dari segi politik memang seronok kita dengar, tetapi sebenarnya angka itu tak betul. Setahun RM50 juta, kalau 10 tahun, baru RM50 juta; kalau 20 tahun, baru RM 1 bilion. Lagi 8 tahun -  $8 \text{ kali } 5 = 40$ , baru RM1.4 bilion. Kira tak betul, minta maaf. Tetapi tak apalah, kita maafkan sebab kerana lawyer bukan semua mengerti pun!

**Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** Hey!

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Eh, sorry, sebelah sana! Tuan Yang di-Pertua, yang pertama sekali saya hendak ucapkan tahniah kepada Menteri ini and the gang. Kementerian ini saya rasa sekarang ini orang tak nampak. Orang tak nampak bahawa apa yang dibuat oleh Kementerian ini orang tak nampak yang kita akan melihat kejayaannya mungkin 10 tahun ke depan. 10 tahun ke hadapan ini, orang kurang pergi klinik dan hospital. Bila orang kurang pergi klinik dan hospital, kalau pembedungan ini berjaya,

kita kena beri tahniah kepada Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Kita kena beri tahniah sebab apa yang dibuat ini sekali gus dalam jangka panjang manfaatnya cukup hebat. Saya tak pentingkan yang lain-lain, tetapi yang saya hendak beri perhatian kepada dua perkara, bahawa sebenarnya sudah sampai masanya kita mempunyai satu sistem pemetungan yang baik. Itu penting. Dari segi undang-undang, saya akan ulas pada hari Isnin kalau dibenarkan saya sambunglah! Ya, hari Isnin.

Kerana, sudah sampai masanya Malaysia patut mengadakan satu sistem pemetungan yang baik. Saya tengok, ada dua faktor - Ipoh dan Pulau Pinang. Nasib baik sahabat Ipoh ada di dalam. Betul tak Ipoh sekarang ini Ipoh masih angkut dengan baldi lagi? Ada tak? Betul tak saya hendak tanya? Ipoh masih angkut dengan baldi lagi. Ipoh mari, siapa dia Ipoh?

**Tuan Lau Dak Kee:** [*Menyampuk*]

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Hah, okay. You tak tahu?

**Tuan Lau Dak Kee:** Saya tahu!

**Tuan Shahidan bin Kassim:** You tahu?

**Tuan Lau Dak Kee:** Dan saya boleh jawab bagi pihak Menteri. Boleh, kalau dia mengaku dia tak boleh jawablah!

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Di Ipoh dan Penang, masih angkut dengan baldi. Di Perlis tak ada! [*Ketawa*] Di Perlis kira ada class sikitlah! Walaupun bandar kecil, tak ada! Tak ada angkut! Kita tak benarkan angkut pun! Saya dua tiga kali berhenti di Ipoh, tengah malam saya bawa kereta balik, eh, apa fasal bau?

Rupanya orang tengah "angkut". Malu kita! Malu Ipoh, malu!

**Tuan Lau Dak Kee:** Bila Yang Berhormat melalui Ipoh dan mendapati bau yang busuk itu?

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Nanti sekejap.....bila ya? [*Ketawa*]

**Seorang Ahli:** Budak-budak!

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Bukan, bukan, ini cerita sebenarnya. Bila? Bila, saya lupa, tetapi tahun ini!

**Tuan Lau Dak Kee:** Tahun ini?

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Ya!

**Tuan Lau Dak Kee:** Ha, kalau tahun ini.....minta penjelasan ya. Kalau tahun ini Yang Berhormat melalui bandar Ipoh dan dapat menikmati bau yang begitu mewah, yang nikmat, mesti menikmati!

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Dia hendak minta apa?

**Tuan Lau Dak Kee:** Kalau.....

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Saya tadi.....tadi.....

**Tuan Lau Dak Kee:** Kalau.....kalau.....

**Tuan Shahidan bin Kassim:** .....di sebelah sana itu lawan kata biadap, saya tak mahu kata. Ini hendak minta apa sekarang?

**Tuan Lau Dak Kee:** Kalau.....kalau.....

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Minta penjelasan?

**Tuan Lau Dak Kee:** Ya, minta penjelasan.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Okay! Cakap macam itu.

**Tuan Lau Dak Kee:** Kalau Yang Berhormat melalui Ipoh pada tahun ini dan dapati keadaan yang begitu buruk, kalau Menteri yang bertanggungjawab itu tidak dapat menjelaskan keadaan yang sebenarnya, saya rasa lebih baik letak jawatanlah. Kalau saya hendak jawab, saya kata mungkin Yang Berhormat dari Arau itu tersilap pada masanya!

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Silap tak silap, saya terbau dan saya nampak orang dok tanggung. Saya tak mahulah pergi jengok dok tanggung apa! Takkan saya hendak pergi tanggung tengok; "Hai, kamu tanggung apa?" Tetapi saya tengok dahulu yang pernah diangkut di Perlis, kalau tanggung, tanggung yang itu; bukan dia tanggung macam itu. Dia bubuh di sini, di bahu. Takkan saya hendak pergi tengok, "Eh, letak sekejap, tanggung apa?" Tetapi saya agak, yang itulah, apa lagi! Tetapi Penang garenti. Ipoh pun sama!

Tetapi kita boleh tunjukkanlah jalan-jalan mana nanti.

Sepatutnya kita ucap tahniah kepada Menteri sebab Menteri hendak perkenalkan satu sistem daripada angkut, daripada yang berada secara individu, yang mungkin dibuat dengan tidak betul kepada yang dipegang oleh pihak swasta supaya dibentuk satu sistem yang standard yang diterima pakai sebagai sistem yang sihat. Bila pembedungan sihat kita ada jalan raya sihat. Lampu elektrik, bila ada power plant (IPP) semua siap, lampu elektrik pun mungkin sudah terlebih sebab sudah dapat banyak. Kalau syarikat

sudah banyak dapat power terlebih pula nanti. Tidak apalah! Dia murah. Yang penting bila lebih dia murah. Air minum sihat. Jadi bila kita buang tanpa sistem benda itu boleh mendatangkan mudarat balik - tidak sihat. Sekarang bila sudah ada sistem pembedungan ini - sihat. Itu yang penting.

Yang Berhormat pernah pergi Langkawi?

**Tuan Lau Dak Kee:** Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat dari Arau. Dia mengatakan bahawa jika sesuatu sistem pembedungan telah dibina maka keadaan sisa-sisa daripada manusia itu akan dapat dibersihkan dan tidak ada bau dan tidak akan ada penyakit yang tidak diinginkan akan timbul pada masa-masa yang akan datang. Adakah Yang Berhormat dari Arau itu sedar atau tidak? Mungkin dia tidak begitu sedar. Mungkin Ketua Setiausaha bagi Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedar, sebab beliau menjadi seorang Datuk Bandar bagi Bandaraya Ipoh. Dia tahu apa keadaannya. Apa keadaan di mana satu sistem pembedungan najis yang telah dibina baru-baru ini menyebabkan berbagai-bagai masalah, bukan hanya bau. Pecah juga. Adakah itu benar? Saya minta, adakah dia sedar?

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Saya kalau benar, saya cukup seronoklah. Makna kata kalau benar, sistem yang ada sekarang tidak betul. Kita akan buat sistem baru lebih betul. Fahamkah? Jadi kita kena faham sekarang ini. Yang ada sekarang banyak yang tidak betul. Bila tidak betul, sekarang hendak dibuat dengan betul. Pasti sudah,...mana kawasan yang dia bagi tadi? Port Dickson, Langkawi, mana lagi? Ipoh kena bagilah dulu sebab tengah pecah.

Saya pun tidak pasti di mana. Saya tidak minta di Perlis lagi. Hendak datang ke Perlis bila-bila, kita terima. Tidak ada masalah. Tarif RM3 atau RM10, apa salah. Kalau pergi klinik kadang-kadang kena RM10. Ini tidak payah pergi klinik - bau busuk tidak terasa. Tidak masuk dalam badan kita, tidak payah pergi klinik. Fahamkah tidak? Ini jangka panjang ini kena baca habis-habis. Sebab...ini hendak mengejar masa sedikit. Kesimpulannya, sistem baru ini amat penting dan you jangan lawan Ketua Pembangkang. Ketua Pembangkang tadi kata dia setuju dengan sistem baru. You jangan lawan dia. You lawan nanti kena buang dari Wakil Rakyat - tahu? [Ketawa]

Dia setuju. Yang dia tidak setuju penswastaaan. Betulkah tidak tadi? You jangan lawan dia.

**Tuan Lau Dak Kee:** Boleh saya minta penjelasan? Sama ada sistem yang dibina di Ipoh itu, adakah satu sistem yang terbaru, terkini atau tidak? Menurut kenyataan daripada orang-orang yang bertanggungjawab pada ketika itu dikatakan sistem ini adalah satu sistem yang sofistikated, yang begitu baru, yang canggih..... [Disampuk] Pakcik janganlah kacau. Dan sistem yang terbaru ini yang akan digunakan pada masa-masa yang akan datang akan menyebabkan bukan hanya masalah bau tetapi masalah yang banyak yang akan dapat kita kesan pada masa yang akan datang. Saya hendak tahu kerana Yang Berhormat dari Arau tidak begitu faham keadaan yang wujud di Ipoh, maka dia hanya “tembak” dengan sia-sia sahaja. Tidak sampai satu target yang benar-benar perlu dia “tembak”.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Bagus. Dalam tembakkan saya yang pertama

menyebabkan Yang Berhormat bangun menceritakan yang Ipoh sekarang ini septic tanknya busuk. Cukup. Tembakan saya kecil sahaja tetapi kena burung besar. Jadi, sekaligus ini menunjukkan bahawa sistem yang ada tidak sihat - tidak sesuai. Okay, habis yang itu, sebab kita boleh sambung untuk berpolemik dan berdebat.

Ini pasal RM500 juta soft loan. Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, yang pertama sekali yang kita baca, dia dapat RM500 juta loan. Saya kurang pasti dia dapat angka daripada mana. Sumber daripada mana? Dalaman, luaran tidak penting. Yang penting sumber itu ada tambahan. Paid-up capital RM100 million. Itu you kena tahu bahawa tiap-tiap memberi sumbangan. Saya pun baca juga. Saya pun cari sumber juga dan untuk RM500 juta, loan ini dia juga memberi sumbangan RM1.2 bilion – lebih kurang, saya kurang pasti; lebih kurang RM1 bilion lebih daripada modal pinjaman mereka sendiri dicampur dengan RM500 juta. Itu projek pertama. Saya hendak tanya berapakah dia Rancangan Malaysia Keenam yang diperuntukkan untuk pembedaan. Berapa? Sebab yang masalah ini Yang Berhormat Menteri, pasal DAP ini dia tidak masuk dalam Majlis Kerajaan Tempatan. Mereka bukan jadi ahli. Mereka tidak tahu. Tetapi pergilah tanya ke semua sekali Kerajaan Tempatan dalam Malaysia ini siapa yang tidak pening kepala pasal pembedaan. Malah tidak ada Kerajaan Tempatan dalam Malaysia ini yang hendak jaga pembedaan. Ha ini point yang cukup besar dalam dunia. You cari mana ada Kerajaan Tempatan yang hendak jaga pembedaan dan saya dua tiga kali dia orang minta masuk jadi Ahli Majlis Perbandaran. Saya kata, “Bagi ‘kat memberlah’”. Pasal pembedaan adalah satu perkara yang cukup pening dan

mereka tidak ada orang untuk mengawalselia. Saya hendak tanya Yang Berhormat, sejauh mana kita hendak biarkan pihak swasta mengawalselia pembedaan-pembedaan projek-projek perumahan, sebab Majlis Kerajaan Tempatan tidak mampu, tidak mampu untuk mengawalselia.

Jadi, yang saya heran, sebenarnya kalau saya jadi syarikat ini pun, kalau orang tawarkan saham kepada saya, saya mampus tidak masuk projek ini – saya tidak masuk. Bagi free saya tidak masuk. Bagi 80% saya tidak masuk. Bukan tahi. Pasal projek ini 28 tahun baru hendak tengok. Lepas itu modalnya kena turun dulu, yang Kerajaan bagi soft loan cuma RM500 juta dan dia terpaksa menurunkan yang lebih itu. RM5.7 bilion lagi terpaksa diturunkan oleh syarikat itu. Saya hendak nyatakan, kalau sekiranya diberi percuma kepada sayapun, saya tidak akan masuk dan saya bersyukur kerana ada orang yang mahu dan mampu untuk masuk untuk menswastakan projek pembedaan ini. Sebab apa, RM500 juta yang mereka pinjam daripada Kerajaan, dalam masa Rancangan Malaysia Keenam, kalau Kerajaan bagi peruntukan RM500 juta, masih tidak cukup. RM500 juta Kerajaan, “A Projek” – tetapi RM500 juta kepada mereka, “A projek” campur lagi duit dia sendiri RM1.2 bilion, campur lagi pinjaman RM500 juta ini akan dibayar balik kepada Kerajaan. Siapa yang ambil matematik walaupun Darjah 5 – faham, RM500 juta Kerajaan bagi, – dia kena bayar balik. Padahal kalau Kerajaan bagi pada Kerajaan Tempatan – hangus. “Fulus-mahfis” – habis. Jangan tulis “fulus-mahfis” – apa maknanya sayapun tidak tahu. Saya ingat “fulus-mahfis” duit habis. RM500 juta habis – kalau bagi pada Kerajaan Tempatan. Tetapi bagi pada mereka dapat balik, dapat lagi interest, dapat lagi cukai. Ini baca ini! Baca

matematik sikit. Dalam masa yang sama dia dalam peringkat lima tahun ini, dia akan invest RM1.2 billion – duit dia sendiri. Marilah rakyat Malaysia ucap terima kasih, bersyukur ada orang yang sanggup jadi tauke pembedaan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, minta sambung minggu depan ya. Masa hari ini sudah cukup.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Minta seorang cadangkan Usul Penangguhan.

## USUL

### PENANGGUHAN MESYUARAT

6.30 ptg.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' M. Mahalingam]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3), mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

## UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

### Amalan Memberhentikan Pekerja Tempatan

6.31 ptg.

**Tuan Tan Kok Wai [Sungai Besi]:** Tuan Yang di-Pertua, sejak Kerajaan

bermula membuka pintu kepada para pekerja asing untuk mengisikan setengah-setengah sektor ekonomi yang dilaporkan menghadapi masalah tidak ada pekerja, DAP menyedari bahawa para pekerja asing semakin bertambah dalam pasaran pekerjaan, meskipun jaminan Kerajaan bahawa pengambilan mereka adalah untuk langkah sementara sahaja bagi mengisikan kekosongan pekerjaan di dalam beberapa sektor ekonomi akibat ketiadaan para pekerja tempatan untuk mengisikan kekosongan itu.

Walau bagaimanapun, saya ingin menarik perhatian Dewan ini tentang majikan-majikan yang tidak bertanggungjawab dan bersikap tamak yang mengambil kesempatan menggantikan pekerja-pekerja tempatan dengan pekerja-pekerja asing dengan mudah atas maksud untuk menjimatkan kos buruh. Perkara ini amat serius kerana kepentingan para pekerja tempatan telah dikorbankan bagi membolehkan para majikan mengaut lebih banyak keuntungan. Saya ingin mengingatkan Kementerian bahawa sungguhpun Malaysia mengalami kekurangan tenaga buruh tetapi bukanlah semua sektor menghadapi kekurangan ini, khususnya pekerja-pekerja teknikal.

Saya ingin membawa satu contoh tentang sekumpulan pekerja tempatan yang membina dan memasang badan bas Syarikat Master-Builders di Pekan, Pahang.

Pada 3hb Mei tahun ini, seramai 48 pekerja tempatan telah diberhentikan kerja serta-merta tanpa notis dan tanpa pampasan oleh sub-kontraktor yang membawa mereka masuk bekerja dalam Master-Builders. Kekosongan kerja ini telah diisikan oleh pekerja-pekerja dari Thailand yang diambil oleh pengurus yang juga bertindak sebagai sub-

kontraktor Master-Builders. Apa yang jelas, majikan mengambil kesempatan dari kekurangan atau kelemahan yang ada dalam Undang-undang Buruh yang berkuatkuasa sekarang untuk berbuat demikian. Meskipun aduan telah dipanjangkan kepada Jabatan Buruh, Kuantan, tetapi mereka tidak dapat membuat apa-apa kecuali berjaya mendapatkan balik wang gaji bagi dua minggu sahaja daripada majikan.

Pekerja-pekerja separuh mahir dan mahir yang datang dari beberapa tempat dalam negara diambil bekerja dengan ditawarkan gaji yang lebih tinggi dari tempat-tempat lain. Pada masa itu, Master-Builders menghadapi kekurangan pekerja mahir tetapi apabila majikan mendapat pekerja-pekerja Thailand, maka pekerja-pekerja tempatan diberhentikan. Para pekerja Thai yang diambil untuk bekerja ini dibayar gaji yang lebih rendah.

Aduan mengenai dilemma para pekerja tempatan ini telah pun saya mengemukakan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri pada bulan yang lalu, dan saya berharap Kementerian akan memandang berat aduan ini dan saya ingin tahu perkembangan lebih lanjut bagi kes yang disebutkan sebagai contoh ini.

Saya mahu pekerja-pekerja tempatan yang dibuang kerja ini diambil balik bekerja [*Tepuk*] dan dibayar gaji kebelakangan [*Tepuk*] dan segala pampasan kerana selama mereka tidak bekerja, mereka menghadapi kesusahan dalam mendapatkan pekerjaan kerana bukan tidak ada kekosongan pekerjaan memasang badan bas di kilang lain dan untuk menukar pekerjaan lain bukan mudah. Untuk hidup, mereka terpaksa meminjam. Pampasan yang dituntut itu

memang wajar dibayar sebagai membalas penderitaan selama mereka tidak bekerja. Ini satu contoh typical tentang pengeksploitasian majikan-majikan ke atas pekerja-pekerja tempatan.

Saya kesal undang-undang yang ada sekarang tidak mempunyai peruntukan yang cukup ketat yang mana majikan-majikan, yang melakukan kesalahan kerana menberhentikan pekerja tempatan secara sewenang-sewenangnya dan menggantikannya dengan pekerja asing, patut menerima hukuman yang keras. Akta yang ada sekarang hanya memberi kuasa kepada Jabatan Buruh menarik balik permit kerja pada pekerja asing jika terbukti majikan tersebut menberhentikan pekerja-pekerja tempatan dan menggantikannya dengan pekerja asing. Ini jauh dari mencukupi.

Saya difahamkan bahawa Kerajaan bercadang untuk memperkenalkan Rang Undang-undang bernama Akta Penggajian Pekerja Asing, 1993. Akta ini diharapkan akan mempunyai peruntukan-peruntukan yang keras terhadap majikan yang ingkar tidak bertanggungjawab dan melakukan eksploitasi bagi membolehkan mahkamah menjatuhkan hukuman yang setimpal supaya tidak akan lagi majikan yang berani mempermainkan pekerja-pekerja tempatan.

Satu perkara yang saya perlu memberitahu Dewan ini bahawa masalah pengambilan pekerja asing sebagai menggantikan pekerja tempatan bukan sahaja menjejaskan hak rakyat Malaysia tentang peluang-peluang pekerjaan tetapi juga menimbulkan satu masalah iaitu apabila majikan membayar gaji yang rendah kepada pekerja asing, para pekerja tempatan dalam beberapa sektor tidak lagi menerima kenaikan gaji seperti apa

yang pernah diterima sebelumnya. Alasan majikan ialah mereka boleh mendapat pekerja asing dengan gaji lebih rendah malah ada majikan yang mengugut para pekerja tempatan. Hal ini berlaku sejak tahun 1991 apabila pekerja asing memasuki pasaran buruh kita. Saya suka menegaskan di sini, sebagai Kerajaan adalah menjadi tanggungjawab menjaga perioik nasi rakyatnya dan memastikan para pekerja tempatan tidak dianiaya.

Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Timbalan Menteri diminta jawab.

*6.36 ptg.*

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' M. Mahalingam]:** Tuan Yang di-Pertua, pada 20hb Julai tahun ini, di Dewan yang mulia ini, semasa menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri, saya telah menerangkan pendirian Kerajaan terhadap penggajian buruh asing dan langkah-langkah yang diambil untuk menjamin hak-hak pekerja tempatan. Maka saya yakin Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini faham apa pendirian Kerajaan terhadap penggajian buruh asing.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, berhubung dengan kes pembuangan seramai 48 orang pekerja oleh bukan syarikat Master-Builders Sdn. Bhd. tetapi Syarikat Narita Enterprise Sdn. Bhd. seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi, suka saya memaklumkan bahawa pada 16hb Jun tahun ini, saya sendiri telah menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi di pejabat saya berkenaan dengan kes Narita Enterprise. Dalam penjelasan tersebut, saya

telah menerangkan bahawa Kementerian Sumber Manusia akan sentiasa berlaku adil dalam mengendalikan kes pembuangan pekerja-pekerja di Narita Enterprise Sdn. Bhd.

Sepertimana Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi sedia maklum, satu rundingan di antara pekerja-pekerja dengan Pegawai Kanan Perhubungan Perusahaan telah diadakan pada 21hb Julai tahun ini di ibu pejabat untuk mencari jalan pelesenan. Satu lagi rundingan akan diadakan di Ibu Pejabat Perhubungan Perusahaan pada 3hb Ogos tahun ini, jam 10.00 pagi. Surat jemputan telah dikeluarkan kepada semua pihak yang terbabit.

Tuan Yang di-Pertua, saya memberi jaminan bahawa Kementerian saya akan mengambil tindakan yang sewajarnya dalam kes Narita Enterprise Sdn. Bhd.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat Tuan Liew Ah Kim.

**Pelupusan Sampah di Km. 6 Jalan Sungai Besi Kuala Lumpur**

6.38 *ptg.*

**Tuan Liew Ah Kim [Seputeh]:** Tuan Yang di-Pertua, pencemaran udara di ibu kota Kuala Lumpur sepatutnya tidak dipandang dengan ringan tetapi masalah kepentingan orang ramai yang sudah sampai ke satu tahap yang memalukan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memimpikan Kuala Lumpur menjadi "bandaraya bercahaya" tetapi mimpi itu menjadi igauwan, kerana Kuala Lumpur hanya ada "cahaya lampu" sahaja sedangkan "cahaya kebersihan dan keindahan" menjadi buta akibat sikap pentadbir Kuala Lumpur. "Masuk telinga kanan, keluar telinga kiri" dalam menangani rungutan orang ramai.

Kira-kira 100,000 penduduk di Razak Mansion, Kampung Chan Sow Lin, Kampung Tai San, Kampung Batu Kong, Pekan Salak Selatan dan khususnya SRJK(2) Tai Thung, sejak hampir 2 tahun merungut degan pencemaran udara, bau busuk dan kekotoran akibat tempat pelupusan sampah DBKL, di Kilometer 6, Jalan Sungai Besi.

Tuan Yang di-Pertua, setiap hari, 700 buah lor mengangkut sampah-sarap di seluruh ibu kota Kuala Lumpur yang dibuang ke tempat pelupusan sampah ini. Sedangkan di sekeliling kawasan ini ialah tempat kediaman awam, kilang-kilang dan peniaga gerai yang menjalankan perniagaan. Bau busuk boleh dihidu dalam jarak hampir setengah kilometer dan pencemaran udara sampai ke tahap yang membimbangkan akibat debu-debu disebabkan oleh 700 buah lori yang berluang-alik sepanjang hari mengangkut sampah. Apakah Kerajaan mahu menunggu sehingga wabak penyakit merebak dengan mengorbankan banyak jiwa, baru mahu bertindak memindahkan tempat pelupusan sampah itu ke tempat yang lain?

Alasan pihak berkuasa yang mendakwa di mana-mana pun bandaraya di dunia ini mengalami masalah tempat pelupusan sampah, adalah tidak logik kerana negara ini mempunyai kawasan dan tanah yang cukup. Pihak pentadbiran ibu kota boleh mendapatkan kerjasama dengan Kerajaan-kerajaan Negeri bagi mendapatkan sebidang tanah bagi tujuan menempatkan tempat pelupusan sampah ini.

Tuan Yang di-Pertua, penduduk-penduduk terbabit mencadangkan supaya tempat pelupusan sampah di Kilometer 6, Jalan Sungai Besi ditutup serta-merta dan Kerajaan hendaklah:

- (i) memindahkan ke tapak lain, tapak pelupusan sampah ini sama ada di kawasan yang terletak sekurang-kurangnya 1,000 meter daripada kawasan kediaman orang ramai atau di luar bandaraya Kuala Lumpur; dan
- (ii) menyediakan incinerator bagi membuang sampah sarap sebagai langkah jangka panjang.

Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Sila jawab.

6.42 ptg.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' M. Mahalingam]:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, saya mohon menjawab bagi pihak Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Bandaraya Kuala Lumpur memang menyedari masalah berhubung dengan rungutan orang ramai mengenai busuk dan pencemaran udara yang sering berlaku di tapak pelupusan sampah di Salak Selatan, Sungai Besi. Sehubungan dengan itu, pihak DBKL telah berusaha untuk mengurangkan bau busuk dan pencemaran udara dengan mengambil langkah-langkah berikut:

- (i) menguatkuasakan supaya semua lori yang membawa sampah untuk dibuat di tempat pelupusan sampah ditutup bagi mengelakkan sampah sarap dari jatuh ke atas jalan;

- (ii) lori-lori yang akan membuang sampah sarap ke tempat pelupusan sampah dimestikan membasuh tayar lori supaya mengelakkan daripada jalan kotor dan juga debu dari tayar itu berterbangan apabila tayar lori itu kering semasa melalui jalan-jalan ke tapak pelupusan sampah;
- (iii) menempatkan pekerja-pekerja di jalan masuk ke tapak pelupusan sampah itu untuk membersihkan jalan dan longkang sekeliling setiap hari dan menyiramnya apabila waktu kering bagi mengelakkan debu-debu berterbangan;

- (iv) meletakkan water tanker, dengan izin, setiap hari di jalan masuk ke tapak pelupusan sampah untuk menyiram jalan berkenaan pada waktu musim kering bagi mengelakkan debu dari berterbangan; dan.....

**Tuan Liew Ah Kim:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Yang Berhormat.

**Tuan Liew Ah Kim:** Penjelasan.

**Dato' M. Mahalingam:** Tidak.

**Timbalan yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Dia tidak beri, tidak payahlah Yang Berhormat.

**Tuan Liew Ah Kim:** Hendak tanya dia kerana nampaknya dia tidak faham perkara yang berkenaan.

**Dato' M. Mahalingam:** Bukan saya tidak faham, inilah yang diucapkan tadi.

- (v) menjalankan kerja-kerja penyegeraan jalan masuk ke tempat pelupusan sampah terutama sekali apabila terdapat kerosakan seperti pot-holes.

Sistem pelupusan sampah secara "land-fill", dengan izin, sepertimana sekarang terpaksa diteruskan memandangkan DBKL hanya akan memindahkan tapak tersebut jika sekiranya tapak baru bagi pelupusan sampah diperolehi.

Di samping itu juga, DBKL sedang membuat perancangan bagi melaksanakan sistem pelupusan sampah dengan menggunakan incinerator. Oleh kerana kos bagi pembinaan dan penyelenggaraan incinerator ini adalah tinggi, kajian yang

terperinci dari segi kos, kesesuaian dan kemampuan akan dibuat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan.

Masalahnya ialah bahawa Usul atas nama Yang Berhormat Timbalan Menteri Sumber Manusia disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga hari Isnin minggu depan, jam 2.30 petang.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.46 petang.*